

Amanah

UNTUK AHLI SAHAJA



LANGGAN AKHBAR AMANAH SEGERA!
PERCUMA T-SHIRT

untuk urusan Langganan
☎ 011 3233 4322

Pengundi tolak kempen BN 'undi PH bermakna undi DAP'



Kami lupakan pemusuhan demi negara, kata Mat Sabu



Kerja besar Fastaqim 2.0 sia-sia apabila gagal tunaikan kejutan



KEMBALI KEGEMILANGAN PENJAWAT AWAM



PAKATAN Harapan (PH) akan membangunkan keupayaan, kepakaran, memupuk kreativiti, daya saing serta produktiviti penjawat awam untuk mengurangkan keterlibatan perunding luar dan swasta yang selama ini dibayar dengan kos yang tinggi. Langkah ini sekaligus menepis dakwaan Perdana Menteri Datuk Seri Najib Razak kononnya PH akan menyuramkan masa depan mereka, kata Pengarah Strategi AMANAH, Dr Dzulkefly Ahmad.

Penjawat awam akan diperkasakan oleh PH bukan disuramkan sebagaimana dakwaan Najib.

Laporan penuh di muka 6 →



Rakyat →
GST TAX INCOME TAX

**HIMPUNAN RAKYAT
SAYANGI MALAYSIA
HAPUS KLEPTOKRASI**

14.10.2017 (SABTU) - PADANG TIMUR MBPJ, PETALING JAYA - 4.00 PETANG

HARAPAN Amanah

Kami lupakan pemusuhan demi negara, kata Mat Sabu

YANG penting bukan lauk apa yang dihidangkan, tetapi kesanggupan melupakan permusuhan lama demi menyelamatkan negara.

Demikian jawapan spontan Presiden AMANAH, Mohamad Sabu ketika ditanya mengenai kedatangan bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad ke rumahnya.

"Apa yang saya tak kata kat Tun dulu. Tun pulak bukan setakat kata macam-macam kat saya termasuk berpuluh-puluh minit dalam Perhimpunan Agung Umno, malah tangkap saya di bawah ISA.

"Tapi kami lupakan semua itu untuk selamatkan negara dari kleptokrat," sambung Mohamad yang lebih dikenali sebagai Mat Sabu.

Rabu lalu, Dr Mahathir yang juga Pengerusi Parti Bersatu berkunjung ke



Tun Mahathir tersenyum sepanjang masa ketika menziarahi rumah saya, kata Mat Sabu.

rumah Mohamad sambil menikmati makan malam di situ.

"Saya tak pernah terlintas boleh

berbaik-baik sehingga tahap ini.

"Tak pernah terlintas Tun suami isteri akan datang makan malam di

rumah saya," katanya.

Semua itu boleh berlaku setelah kedua-dua pihak didorong keinginan untuk menamatkan cengkaman kekuasaan Datuk Seri Najib Tun Razak dan Umno ke atas negara ini, kata Mat Sabu.

Bagi beliau, sekarang bukan masa untuk "mengira berapa banyak Tun hentam saya dan berapa banyak saya hentam Tun".

"Yang lebih penting untuk dikira ialah berapa banyak duit negara telah dicuri dan apa jaminan tidak dicuri lagi oleh orang yang sama kalau dibiarkan," katanya.

Ia mendorong semua pihak yang mempunyai kesedaran untuk bersatu menentang kleptokrasi.

"Lawan Najib dan Umno bukan hak eksklusif mana-mana pihak. Kita tak boleh kata kepada seiaapa pun "oi, hang

tak boleh lawan Najib. Itu kerja aku," katanya lagi.

Dalam kunjungan Dr Mahathir dan Tun Dr Siti Hasmah ke rumahnya itu, Mat Sabu dan isterinya, Kak Normah memasak sendiri lauk-pauk yang dihidangkan.

Antara lauk-pauk yang dihidangkan adalah nasi daging kambing, salad, kambing goreng nampla, gulai ayam serta ikan pekasam serta air asam.

Walaupun kunjungan itu dirahsiakan, tetapi akhirnya disedari juga oleh jiran-jiran Mat Sabu.

"Bila mereka dengar kenderaan pengiring, mereka ingat saya nak kena tangkap. Masing-masing meninjau nak tahu apa yang berlaku.

"Bila mereka tengok Tun yang datang, ramai yang berkumpul di luar rumah saya untuk bergambar dengan Tun suami isteri," kata beliau.

Pengundi tolak kempen 'undi PH bermakna undi DAP'

KAJIAN yang dibuat oleh dua pensyarah UTM Kuala Lumpur mendapati kempen Barisan Nasional (BN) bahawa 'undi PH bermakna undi DAP' tidak berkesan kepada pengundi khususnya Melayu.

Hanya seorang dari empat yang ditemui menyatakan setuju dengan kempen BN itu manakala selebihnya tidak bersetuju atau ia tidak relevan.

Dari 1943 responden yang mereka temui (996 di Hulu Klang dan 947 di Gombak Setia), hanya 6.1% yang berkata amat setuju, 18.8% berkata setuju dengan kempen itu.

Selebihnya, 31.2% berkata ia tidak relevan, 23.7% kurang setuju dan 20.2% tidak setuju.

Dr Mazlan Ali, pensyarah UTM Kuala Lumpur dan Dr Abdul Latif Ibrahim, bekas pensyarah UTM Kuala Lumpur membuat kajian itu ekoran kempen yang dibuat oleh Umno dan PAS yang mendakwa undi kepada PH bermakna undi kepada DAP.

20 pelajar mereka telah dilantik sebagai numerator bagi menemui kesemua responden itu.

Menurut kajian mereka berdua yang dibuat mulai Mac dan tamat pada awal Mei 2017 itu, hanya 24% sahaja yang percaya dengan kempen Umno dan PAS itu.

Kajian itu dibuat di dua kawasan Dewan Undangan Negeri (Dun)

yang mempunyai pengundi Melayu melebihi 80% bagi mengetahui sikap mereka terhadap kempen itu.

Soalan yang ditanya oleh mereka adalah "Saya percaya sekiranya Pakatan Harapan menang dalam pilihan raya akan datang DAP akan memimpin negara ini."

"Data kajian ini bagi saya menunjukkan rakyat Malaysia sekarang sudah ramai yang celik pengetahuan dan tidak mudah dikaburkan oleh kempen sebegitu," kata Dr Latif.

Data kajian ini menolak kempen yang dibuat oleh Umno melalui media sosial dan ucapan pemimpin mereka.

"Undi Pakatan Harapan bermakna undi DAP," lapor berita dalam akhbar Umno Online, milik Umno.

Ahli Majlis Tertinggi Umno, Mohamad Hasan berkata, DAP akan menjadi parti paling berkuasa sekiranya pakatan pembangkang membentuk kerajaan kerana bertanding lebih banyak kerusi berbanding parti lain dalam pakatan berkenaan iaitu PKR, Amanah dan Bersatu.

Pandangan ini disokong oleh Ketua Pemuda PAS, Mohamad Khalil Abdul Hadi dalam satu tulisan beliau.

"Hakikat bahawa undi kepada parti di dalam PH bermakna memberi undi kepada DAP," kata Khalil, anak kepada presiden PAS, Abdul Hadi Awang.

Umno, Pas akan kerjasama kerana miliki DNA sama, kata Ketua Penerangan

KETUA Penerangan Umno Tan Sri Annuar Musa meramalkan akan terbentuk kerjasama antara Umno dan Pas dari semasa ke semasa kerana kedua-dua parti itu mempunyai DNA (asid deskriribonukleik) yang sama.

Beliau berkata walaupun Pas menjunjung ideologi dan cara yang berbeza, namun parti itu mempunyai DNA dan matlamat yang sama dengan Umno iaitu memperjuangkan kepentingan agama Islam dan orang Melayu, lapor Bernama.

Katanya, jika dahulu Pas dilihat mencari-cari perbezaan antara parti itu dengan Umno, namun di bawah pucuk kepimpinan Pas yang ada sekarang menunjukkan sedikit

perubahan apabila mereka mula mencari titik kebersamaan itu.


"Oleh kerana Pas itu daripada DNA yang sama maka saya berkeyakinan dia ada titik pertemuan. Selama mana pun dia pergi, dia tidak akan berjalan selari. Ada titik pertemuan. Maka bagi kita titik persamaan ini marilah kita meraikannya.

"Ia tidak bermakna Pas masuk Umno, Umno masuk Pas, tidak bermakna Pas semestinya menyertai BN (Barisan Nasional) Ötetapi titik-titik kebersamaan ini, matlamat perjuangan itu menjadi lebih penting. Atas dasar itu saya meramalkan akan terbentuk kerjasama yang lebih kukuh dari semasa ke semasa antara Umno

dan Pas.

"Tunggulah beberapa minggu, beberapa bulan lagi bila pilihan raya semakin dekat, saya percaya antara pucuk pimpinan Pas dan Umno selagi mana titik kebersamaan dan taawun itu ada, akan ada pengumuman yang seharusnya menggembirakan umat Islam dan kaum Melayu terutamanya atas kepentingan agama dan bangsa," katanya kepada pemberita selepas program Dialog Perjuangan 4 All, di Balik Pulau, 3 Oktober lalu.

Program itu turut disertai Timbalan Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr Hilmi Yahaya merangkap Ahli Parlimen Balik Pulau dan Prof Madya Datuk Dr Junaidi Abu Bakar yang bertindak sebagai moderator.



Label pihak lain 'muktazilah' bibit fahaman takfiri

KUALA LUMPUR: Tindakan Mursyidul Am Pas, Hashim Jasin melabelkan ahli AMANAH sebagai 'Muktazilah' (mengutamakan akal berbanding wahyu) sebenarnya didorong sentimen bahawa parti Islam itu sahaja yang tulen dan benar-benar suci.

Pengarah Hal Ehwal Syariah AMANAH, Zolkharnain Abidin berkata, sudut pandang bahawa hanya kumpulan mereka sahaja suci dan pihak yang tidak bersama mereka dianggap kotor adalah bibit-bibit pemikiran ekstrem yang boleh membawa kepada fahaman takfiri yang sedang melanda gerakan Islam seluruh dunia ketika ini.

"Pemikiran ini boleh dikira lanjutan kepada pemikiran takfir yang memang selama ini berakar-umbi dalam Pas, dan kini dibaja lagi supaya bertambah subur dengan labelan Muktazilah pula.

"Nyata sekali, labelan Muktazilah yang dilontar oleh Mursyid Am Pas itu terdorong daripada dua situasi. Pertama, mempertahankan ego partinya yang semakin hari semakin dipandang serong oleh pelbagai lapisan rakyat negara ini, dan kedua, mempertahankan ego dirinya sendiri yang perlu dilihat senada dan setanding dengan pemimpin Pas yang lain yang menyerang AMANAH habis-habisan sempena acara Fastaqim itu," katanya dalam

satu kenyataan.

Zolkharnain mengulas ucapan Hashim pada malam kemuncak Fastaqim 2.0 di Kuala Terengganu 30 September lalu yang melabelkan AMANAH sebagai 'golongan Muktazilah'.

Mengulas lanjut, Zolkharnain berkata tindakan pemimpin Pas itu yang memang-sakan pihak lain khususnya AMANAH dalam mempertahankan ego peribadi dan parti bukanlah suatu sikap terpuji yang selayaknya dimiliki oleh seseorang yang berstatus Mursyid Am.

Sekalipun merasakan parti yang dianggotainya suci, Zolkharnain berkata adalah

tidak wajar Hashim mengambil peluang melabelburukkan orang dan pihak lain.

"Almarhum Ustaz Fadzil Noor pernah melabel Umno dengan neo-Muktazilah. Tetapi Mursyid Am Pas kini tidak menggunakan lagi label itu kepada Umno.

"Negara semakin tenat, rakyat semakin tertekan. Negara ini memerlukan pemerintah dan pemimpin baru selain Umno dan BN. Selaku seorang yang berstatus ulama, saya berharap Mursyid Am Pas berhenti memberi oksigen kepada Umno dan meraikan rasa hati rakyat yang mahukan BN tumbang dalam PRU akan datang," katanya.

Sekolah bukan medan politik, tegas PH Putrajaya

PUTRAJAYA: Pakatan Harapan Putrajaya mendesak dihentikan segera sebarang bentuk program kepartian di premis milik kerajaan terutamanya di sekolah.

Ini kerana guru sebagai penjawat awam tertakluk kepada undang-undang perkhidmatan awam sedia ada, kata Pakatan Harapan Putrajaya dalam kenyataan media, 4 Okt lalu.

Ketua Cabang Keadilan Putrajaya Onn Abu Bakar, Ketua AMANAH kawasan Kamal Koh dan Ketua Bahagian Parti Pribumi Bersatu Malaysia (PPBM) Hasnul Hadi Ahmad dalam kenyataan bersama berkata, guru-guru yang

dipertanggungjawabkan mendidik anak bangsa tidak sepatutnya dilibatkan dalam program yang memihak parti kerajaan.

"Ini kerana pekeliling yang dikeluarkan jelas menyebut program sebegini tidak dibenarkan sama sekali melibatkan pegawai kerajaan yang gaji mereka dibayar oleh rakyat.

"Kami menyeru agar pendidikan di sekolah lebih menekankan kepada sikap patriotik yang mengutamakan kepentingan negara berbanding fahaman sempit menyokong parti-parti tertentu.

"Sikap sebegini boleh menimbulkan suasana perpecahan di kalangan

masyarakat dalam negara yang kita cintai," ujar kenyataan bersama itu.

Mereka mengulas kejadian di sebuah sekolah rendah di Putrajaya yang mengadakan pertandingan dan persembahan bertemakan 'Umno dan Kemerdekaan' dengan murid-murid sekolah meneriakkan slogan "Hidup Umno!"; mengibarkan bendera parti serta menyanyikan lagu parti itu.

Majlis tersebut dihadiri Menteri Wilayah Persekutuan, Datuk Seri Tengku Adnan Tengku Mansor yang juga Ahli Parlimen Putrajaya merangkap Setiausaha Agung Umno.

Pakatan Harapan Putrajaya men-

egaskan, Kementerian Pendidikan sebelum ini telah mengeluarkan arahan agar sekolah tidak dibenarkan sama sekali dijadikan medan politik.

Justeru Pakatan Harapan Putrajaya berpandangan program yang memeralatkan pelajar dan guru sekolah rendah itu adalah tindakan terdesak Umno untuk mencari pengaruh menjelang pilihan raya umum.

"Tiada keperluan untuk diadakan program sedemikian rupa memandangkan terdapat banyak lagi tempat yang bersesuaian untuk mempromosikan parti politik.

"Menteri Umno dilihat dangkal

kerana tidak tahu membezakan antara kerajaan dan parti, di mana kerajaan sendiri didokong oleh rakyat dan bukannya parti.

"Kami melihat anak-anak kecil yang naif tentang politik telah menjadi mangsa sang penguasa di dalam program ini," kesal mereka.

Mereka juga dimaklumkan bahawa sebahagian besar guru yang terlibat kurang senang dan tidak bersetuju dengan tema program yang dianjurkan.

"Hanya Guru Besar sahaja menyokong penuh program ini," kenyataan media itu dipetik.



SEMBAH TAKZIAH...

Para pemimpin Pakatan Harapan Perak diketuai Timbalan Pengerusi AMANAH negeri Datuk Seri Mohamad Nizar Jamaluddin menyembahkan ucapan takziah kepada Raja Muda Perak, Raja Jaafar Ibni Raja Musa (duduk) atas kemangkatan Raja Puan Besar Perak Raja Nor Mahani Raja Shahar Shah, 3 Okt lalu. Baginda mangkat pada petang Selasa, jam 5.07 petang di Petaling Jaya, Selangor. Jenazah Almarhumah Raja Nor Mahani, 75, disemayamkan di Istana Ar-Ridzuan, Jalan Raja Di Hilir, Ipoh pada Rabu, 4 Okt. Nizar mewakili PH Perak meraka sembah takziah kepada Raja Jaafar dan mendoakan semoga roh Almarhumah Tuanku dicurahi rahmat dan ditempatkan Allah SWT dalam kalangan para solehah.



BERSIAP KE HIMPUNAN...

Presiden AMANAH Mohamad Sabu dan para pemimpin AMANAH Nasional memerhatikan Setiausaha Agung Mohd Anuar Tahir menyarung baju-T Himpunan Rakyat 'Sayangi Malaysia, Hapus Kleptokrasi' dalam sidang media di Wisma Amanah Negara baru-baru ini. AMANAH mengerahkan anggotanya menyertai perhimpunan 14 Oktober itu sebagai tanda solidariti rakyat menentang regim kleptokrasi BN dan mendedahkan penyelewengan syarikat pelaburan kerajaan, 1Malaysia Development Berhad (1MDB). Foto WAN ZAHARI SALLEH

AMANAH pentingkan intergriti, akan saring calon pilihan raya

KUALA LUMPUR: Parti AMANAH Negara (AMANAH) amat menekankan integriti calon yang akan bertanding dalam pilihan raya umum ke-14 (PRU14) dan akan menyaring sendiri calonnya.

Timbalan Presiden AMANAH Salahuddin Ayub berkata, tanpa menghantar nama kepada Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), parti itu boleh meneliti rekod mana-mana calon sama ada

bersih daripada rasuah dan salah guna kuasa atau sebaliknya.

"Ia (hantar nama calon kepada SPRM) boleh kita buat tapi kalau kita tak hantar pun SPRM boleh 'scan' (mengimbas) nama itu. AMANAH tidaklah menganggap ini satu perkara yang besar.

"Ia satu cadangan yang baik tapi kalau tak hantar pun SPRM masih boleh memberikan komen mereka terhadap calon kami.

"Saya sendiri sudah sebut banyak kali AMANAH amat teliti dalam memilih calon kali ini dan nama kami pun AMANAH yang bermaksud integriti. Jadi kami mesti menjaga soal integriti calon," katanya pada sidang media di Wisma AMANAH Negara, 3 Oktober lalu.

Beliau mengulas pelawaan SPRM kepada mana-mana parti politik untuk menghantar senarai nama calon PRU14 untuk disaring walaupun

tiada peruntukan undang-undang untuk berbuat demikian.

Ketua Pesuruhjaya SPRM Dzulkifli Ahmad berkata, saringan dibuat bagi memastikan semua calon 'bersih' dan tidak terlibat dengan salah laku rasuah dan penyalahgunaan kuasa.

Sebelum ini Presiden Pakatan Harapan (PH) Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail berkata, beliau tidak melihat keperluan bagi PH menyerahkan senarai calonnya ke-

pada SPRM kerana mereka mampu membuat saringan sendiri.

"Dalam senarai BN, mereka (BN) sendiri ada masalah, jadi mereka (calon) perlu melalui proses saringan.

"Sudah tentu kita ada sistem saringan kita sendiri, (dan) sekiranya perlu, sudah tentu kami akan hantar kepada SPRM," katanya kepada pemberita pada sidang media di Ibu Pejabat Keadilan minggu lalu.

Minda Pengarang

Manifesto Pakatan Harapan sudah diperinci

PAKATAN HARAPAN

sudah semakin bersedia untuk menghadapi Pilihan Raya Umum ke-14 yang Rungkin diadakan tidak lama lagi. Majlis Presidennya, sudahpun mengadakan mesyuarat di Ibu Pejabat DAP, memperincikan Manifesto Pakatan Harapan itu yang memfokuskan bagaimana ia boleh menjadi penyelamat rakyat dan negara jika memenangi PRU14 nanti.

Fokus utamanya, antara lain, ialah membasmi rasuah, mengawal impak kenaikan harga barang. Manifesto itu juga menekankan pelbagai saranan penting untuk memulihkan keadaan ekonomi negara yang kini sangat mencemaskan di mana kenaikan harga barang, antara lain, kerana cukai GST, penarikan subsidi pelbagai jenis barangan penting untuk rakyat.

Semua ini saling kait mengait yang kesannya menimpa rakyat, terutama yang berpendapatan rendah dan sederhana. Manifesto Pakatan Harapan itu juga diberitakan memberi perhatian yang amat serius akan gejala rasuah yang semakin berskala besar. Bagaimana Pakatan Harapan menangani gejala merbahaya ini akan dapat kita perhatikan dalam manifesto tersebut.

Semua isu yang disentuh oleh Pakatan Harapan ini saling kait mengait, yang menyebabkan ekonomi negara menjadi parah. Sementara itu, Manifesto PH ini juga dikatakan akan memberi fokus kepada masalah lambakan pekerja asing yang tidak terkawal, menyebabkan berbilion ringgit wang negara mengalir ke luar negeri selain daripada masalah sosial dan lain-lain.

Lmbakan pekerja asing ini menjadi sangat menakutkan. Berapa banyak yang mempunyai dokumen yang sah dan berapa banyak pula yang tidak mempunyai apa-apa dokumen.

Tentunya Manifesto Pakatan Harapan ini sangat dinantikan oleh rakyat. Ini kerana rakyat, yang berpendapatan rendah dan sederhana merasa kehidupan mereka sangat tertekan.

Memanglah Manifesto PH ini bukan lampu ajaib yang boleh dengan segera membaikpulih negara, tetapi yang pasti rakyat menaruh harapan tinggi akan janji perubahan jika PH memenangi pilihan raya nanti.

Harapan rakyat kepada sebuah perubahan sangat tinggi dan luar biasa melebihi daripada masa lalu, terutama masalah ekonomi, tetapi tidak separah seperti yang berlaku sekarang.

Sungguhpun apa yang dijanjikan oleh Pakatan Harapan ini hanya sebuah manifesto, tetapi rakyat akan melihat akan kemunasabahannya dan boleh dilaksanakan.

Kita yakin, para pakar dalam Pakatan Harapan begitu ramai, maka sudah tentu berkumpul idea cemerlang untuk menangani masalah negara ini.

Di samping itu tidak kurang juga isu penting, umpamanya, masalah pendidikan negara yang peruntukannya semakin berkurangan. Demikian juga dengan masalah kesihatan rakyat, di mana peruntukan perubatan terus dipotong, menimbulkan pelbagai kesulitan kepada rakyat berpendapatan rendah dan sederhana.

Sepanjang sejarahnya, belum pernah negara menghadapi masalah yang sedemikian berat seperti ini. Ditambah pula dengan isu perkauman dan ekstremis agama yang semakin membara.

Semua ini tentunya ada dalam Manifesto Pakatan Harapan ini yang amat dinanti-nantikan oleh rakyat itu. Maka, sewajarnya rakyat meyakini kemampuan Paaktan Harapan.

Mendombtrak segala jenis manipulasi

KITA telah akui, ia merupakan satu perkara yang fenomenal apabila satu bangsa ummiyyun seperti Arab Quraisy dimartabatkan sebagai diplomat dan pedagang bertaraf dunia. Di atas premis ini jugalah kita menolak pengertian ummiyyun dengan pengertian golongan yang buta huruf.

Di tengah-tengah arus hegemoni kuasa dwi-polar yang amat sengit ini telah pun diperakui bahawa Arab Quraisy adalah bangsa unggul dan ulung. Sejak zaman-berzaman yang silam lagi dahulu, Arab Quraisy terkenal sebagai bangsa yang bebas dan merdeka.

Sempadan perbatasan Empayar Rom dan Empayar Parsi tidak pernah melampaui Syam dan tidak menerjah masuk ke kawasan Hijaz dan pesisir Tihamah bukanlah satu kebetulan. Kenapa? Sebabnya telah wujud hubungan diplomatik antara Arab Quraisy dengan Kaisar, Kisra, Negus atau Najashi dan Muqawqis di Mesir.

Para diplomat Arab Quraisy dan sekutu-sekutunya terdiri daripada Shu'bah bin Al-Mughirah, Tufail Ad-Dawsi, Tamim Ad-Dari, Khalid Al-Walid, Jaafar At-Tayyar bin Abu Talib, Abbas bin Abdul Muttalib, Umar bin Al-Khattab, Amru bin Al-As dan seorang sekutu Quraisy yang merupakan ketua Bani Thaqif di kota Taif, iaitu Urwah bin Masud Ath-Thaqafi.

Sifat unggul mereka yang penuh dengan peduli terhadap keadaan nasib dan kebajikan orang lain, diplomasi yang tinggi dan kesungguhan mereka melaksanakan syura secara meluas menjadikan mereka mempunyai integriti.

Kelebihan Arab Quraisy adalah mereka tidak bakhil berkongsi sahabat sejarangan dalam perniagaan. Mereka bersedia berkongsi apa sahaja cara dan kaedah ilmu pengetahuan yang baik dan bermanfaat. Ini kerana mereka juga percaya manusia yang paling baik adalah orang yang paling banyak memberi manfaat kepada orang lain.

Puluhan tahun sebelum seorang rasul diutuskan di kalangan Arab Quraisy mereka sudah dikenali di seluruh dunia sebagai *ummiyyun*. Mereka juga terkenal sebagai pengembara padang pasir yang menguasai ilmu falak. Den-



Pencerahan Mingguan
**TANWEER
USBU'II**

SAARI SUNGIP

Ketua Biro Dakwah AMANAH Nasional

gan ilmu falak juga mereka telah menjadi manusia yang paling banyak berjasa kepada insan dan kemanusiaan.

Sebagai pedagang bertaraf dunia mereka juga diiktiraf di segi etika perniagaan yang bagus, sifat amanah berjual-beli dan berdagang adalah budaya berniaga yang mesti dipertingkatkan. Itulah masa dan etika Muhammad bin Abdullah seorang anak muda Makkah oleh seorang wanita hartawan, Khadijah binti Khuwailid mengambil beliau untuk menguruskan dagangannya ke Syam. Budaya perniagaan yang menjana kemuliaan dan kebajikan diisytiharkan oleh Allah dalam era Makkiah sebagai orang-orang yang tidak sanggup menipu dalam urusan menyukat dan menimbang.

Perkara ini diberikan perhatian oleh Al-Quran dalam Surah An-Nur, 24:37.

Dengan etika unggul inilah para peniaga Quraisy yang lainnya turut terikat dengan penampilan sederhana Muhammad dan juga kefasihan beliau bertutur dengan pelanggan beliau dan sikapnya yang tidak mahu berkompromi terhadap manipulasi atau pun sebarang penipuan sukatan dan timbangan.

Etika perniagaan yang berteraskan akauntabiliti, amanah dan tidak khianat terhadap penjagaan bekalan makanan yang tidak boleh dicuti sama ada di dunia dan di akhirat. Perkara ini diperihalkan dalam Al-Quran, Surah: Al-Mutaffin 1-7.

Tanpa sebarang ancaman mahupun apa-apa sekatan untuk berdagang di sepanjang Laluan Sutera atau Silk Route yang merentasi seluruh Benua Asia hingga ke Barat Eropah. Seluruh dunia

khasnya di daerah yang dikuasai oleh Rom iaitu negeri-negeri Syam pada musim panas dan ke Yaman sebuah negeri di bawah kuasa Habshah negara setelit kuasa kepada Empayar Rom.

Bahkan negara sekutu Arab Quraisy, iaitu Jazirah Arab yang pengaruhnya berpusat di Makkah dijamin mempunyai kestabilan ekonomi yang mantap dan aman serta bebas daripada ancaman atau sebarang rasa takut. Semua ini dirakamkan dengan jelas dalam Al-Quran: Surah Quraisy ayat 1-4 yang merupakan antara surah terawal diterima oleh Rasulullah s.a.w.

Daripada sebuah riwayat yang terdapat dalam kitab Sahih Al-Bukhari, nyata rombongan dagang Quraisy dari Makkah yang diketuai oleh Abu Sufyan telah masuk ke Ilyā', iaitu ibu kota besar Empayar Rom Timur. Apa yang dipanggil oleh bangsa Rom sebagai Ilyā' sudah sejak berzaman sebelum itu dipanggil oleh Arab Quraisy sebagai Al-Quds atau Baitul Maqdis.

Arab Quraisy adalah satu bangsa yang mempunyai maruah diri yang tinggi, berani dan berterus terang. Kaum Arab juga terkenal dengan sifat menghormati dan memuliakan tetamu yang amat biasa, mencinta seni bahasa yang indah, menghafaz beribu bait syair, memandang tinggi terhadap orang-orang amat fasih dalam pengucapan mahupun pertuturan.

Mereka amat bangga dan megah proses menguasai bahasa mereka tidak memerlukan kepada belajar mengenal huruf, menulis, mengeja, membuat ayat, mengarang, membetulkan karangan dan menghafaz dari semudah dan sekecil-kecil frasa.



Sosok pejuang Tian Chua

SETELAH menerima pesanan ringkas bahawa Tian Chua bakal dipenjarakan, lantas saya google kes apa yang menyabitnya kali ini. Melambak kesnya, sehingga saya tidak pasti kes yang mana satu. Akhirnya sahabat saya memberitahu, kes BERSIH 3.

Begini ceritanya. Tian Chua ditahan bersama ratusan peserta himpunan BERSIH 3 di Pusat Latihan Polis (PULAPOL) pada malam itu. Beliau antara yang paling awal dibebaskan, tetapi enggan beredar dari situ. Sebagai seorang pemimpin, Tian Chua mahu memastikan semua peserta BERSIH 3 dibebaskan, sebelum dirinya meninggalkan PULAPOL.

Hasrat inilah yang mengheretnya untuk disabitkan kesalahan di bawah Akta Kawasan dan Tempat Perlindungan 1959, lantas dijatuhkan hukuman penjara satu bulan dan denda RM1,000.

Satu jamuan ringan diadakan sebagai tanda solidariti bersama Tian Chua, dua hari sebelum beliau tampil di Mahkamah Rayuan. Ia agak pelik kerana tiada orang yang akan memotong kek untuk menyambut pemenjaraan dirinya. Tian Chua sedar apa yang bermain dalam otak kami. Maka dipesannya, janganlah tunjuk muka masam, satu bulan sahaja.

"Bagi mereka yang mahu mengutip derma untuk kempen pilihan raya, hantar bahan warna ke penjara saya," Tian Chua bergurau, untuk menceriaikan suasana



Siang-Malam
Lim Hong Siang

kemurungan. Tian sempat menghasilkan "karya seni" dengan kulit telur, sisa nasi ketika membunuh masa sepanjang dua tahun beliau ditahan di Kamunting. Karya-karya seni itu "dilelong" untuk kutipan derma selepas beliau dibebaskan.

Rakan yang berkongsi sel dengannya, Hishamuddin Rais cuba membuat lawak, mungkin untuk menyelindung kesedihannya. "Saya dah semak, menu dalam penjara sama seperti dulu. Tak pernah berubah. Isnin, taueh ikan masin" Tian mengambil kesempatan, "Saya sudah merindui ikan masin dalam penjara ..."

Tiada seorang pun di kalangan kami bimbang sama ada Tian dapat menyesuaikan diri dalam penjara atau tidak. Tian terkenal sebagai pejuang jalanan yang tegar. Penjara atau bilik lokap memang rumah keduanya. Malah bapanya nampak sudah akur dengan kerendah anaknya, sekadar memesan, "Cepat-cepat kamu masuk dan cepat-cepat kamu keluar."

Namun, keberanian dan kesediaan Tian Chua untuk dipenjarakan

tidak bermaksud beliau wajar dipenjarakan. BERSIH 3 antara titik kemuncak yang mencetuskan kemarahan rakyat terhadap kerajaan Umno-Barisan Nasional. BERSIH 3 antara pemacu momentum sehingga kita hampir menawan Putrajaya dalam PRU13. Dengan kata lain, BERSIH 3 adalah himpunan dan gerakan yang penting dalam perjuangan pendemokrasian politik negara kita.

Saya masih ingat, adegan yang diceritakan kepada saya oleh seorang sahabat. Ia berlaku selepas Anwar Ibrahim diumumkan menang dalam PRK Permatang Pauh pada Ogos 2008. Sahabat saya terserempak dengan Tian Chua yang ketika itu berada di pusat pengiraan undi. Lantas sahabat saya memeluk Tian, dengan nada sebak berkata, "Sepuluh tahun". Pendukung demokrasi tentunya ingat, bagaimana kita mengharungi liku-liku sepuluh tahun untuk sampai ke ambang kemenangan, sejak Reformasi meledak pada September 1998.

Bagaimanapun, lanskap politik tempatan mengalami rombakan besar selepas Pakatan Rakyat gagal menawan Putrajaya pada 5 Mei 2013. Kedua-dua Pakatan Rakyat dan Barisan Nasional mengalami perpecahan, dan paling mengejutkan, Dr Mahathir Mohamad beralih ke kem pembangkang. Bukan semua langkah yang dicatur, diresmikan oleh penyokong pembangkang. Dalam isu rundingan antara

PKR-PH bersama Pas, kerjasama dengan Dr Mahathir, dan sebagainya, Tian antara pemimpin yang dipertikaikan.

Saya secara peribadi berbeza pandangan dengan Tian dalam beberapa isu, di mana saya menganggap Tian terlalu optimistik ketika membuat pertimbangan dan penilaiannya. Namun saya terpaksa mengakui bahawa Tian seorang pelaksana kata-katanya. Tian bukan pemimpin yang sekadar mencatur strategi dalam bilik hawa dingin, atau berapi-api ketika berceramah. Tian seorang yang berani untuk berada di barisan hadapan apabila bertembung dengan FRU di jalan raya.

Sosok kurus yang duduk di



depan meriam air kimia telah terpahat dalam ingatan kita bersama. Ramai aktivis terutamanya dari kalangan siswa sebenarnya teruja

dengan keberanian Tian ketika zaman Reformasi. Lebih-lebih lagi, Tian menganjurkan satu paradigma pemikiran politik yang amat berbeza daripada Lim Kit Siang, yang mewakili pandangan arus perdana masyarakat Cina ketika itu. Ini menjelaskan mengapa PKR menjadi pilihan kebanyakan aktivis siswa Cina selepas gelombang Reformasi mengombak.

Apapun, perbezaan pandangan dengan Tian tidak harus melunturkan semangat dan tekad kita untuk menolak ketidakadilan yang berlaku ke atas Tian. Pemenjaraan Tian adalah tidak wajar. Hakikatnya, kes ini harus dilihat sebagai satu lagi penindasan regim Umno-BN ke atas gerakan Reformasi. Ia tidak sejajar dengan tuntutan rakyat yang mahukan ruang demokrasi dan kebebasan yang lebih besar selepas PRU12 dan PRU13. Ruang demokrasi harus berkembang 10 tahun selepas tsunami 8 Mac 2008, dan bukannya disempitkan. Justeru, rakyat seharusnya bangkit untuk menyatakan protes terhadap pemenjaraan Tian.

Jangan kerana perbezaan pendapat, kita membiarkan rakan seperjuangan Reformasi ditindas. Jangan sesekali kita memperlekehkan mereka yang berada di barisan depan ketika bertempur dengan penguasa. Jika benar Tian ini tidak berprinsip dan tidak bijak perancangan strateginya, mengapa pula kita yang berprinsip dan bijak ini tidak dipenjarakan oleh penguasa?

Seniman Dinsman melihat kewajaran Islam di Malaysia

Apabila seorang penulis yang sepanjang sejarah kegiatannya melibatkan diri dalam pelbagai kegiatan seni, berbicara mengenai apa yang berlaku kepada masyarakatnya, maka tentu sekali menarik perhatian lebih daripada biasa.

Lebih-lebih lagi apabila ia membicarakan persoalan agama, satu wilayah yang sering mengundang perbincangan hangat, pro dan kontranya.

Dinsman, dramatis, penyair malah juga peneliti masyarakat yang tajam, terbuka, "without fear and favour" telah menghasilkan sebuah buku yang saya fikir akan mengundang pelbagai perbincangan.

Buku terbarunya itu, *Mencari Kewajaran Islam di Malaysia*, iaitu kumpulan esainya yang pernah tersiar dalam *Harakah* 2008-2014 dan kemudian dalam *Malaysian Insider*. Kini beliau menulis



sebagai kolumnis mingguan *Amanah*.

Tentu saja buku ini penting dikaji, terutamanya kerana Dinsman, bukan sekadar seniman beberapa genre, tetapi juga mempunyai signifikan justeru bagaimana kita melihatnya mempunyai perhatian besar akan masalah masyarakatnya sendiri terutamanya mengenai Islam.

Dinsman mempunyai latar belakang pendidikan Islam yang kukuh. Lepasannya Maahad Mahmud Kedah, yang antara pensyarahnya ialah Almarhum Ustaz Fadzil Mohd Noor dan seterusnya Kolej Islam Malaysia. Kemudian beliau melanjutkan pelajaran antropologi di Universiti Malaya.


Beliau yang memilih bidang penulisan, terutama genre teater dan puisi, banyak berbicara mengenai umat Islam dan kelslaman di Malaysia. Kepada saya, antara dramanya yang sangat mengesankan ialah *'Menunggu Kata Dari Tuhan'* (2009) di mana teater itu yang bertemakan agama telah dipersembahkan di beberapa masjid dan surau di seluruh negara, suatu kejayaan yang luar biasa.

Sementara tema teater itu sendiri tinggi mutunya, mengangkut naratif dari Seerah Nabawiyah. Demikian juga dramanya yang sangat mengesankan *'Tamu Dari Medan Perang'*.

Buku ini menyentuh persoalan, antaranya, ketika Allah menjadikan manusia. teori Islam mengenai asal usul manusia Al-

Quran 'menuai' orang berjaya dan lain-lain yang sangat menarik perhatian kita untuk membacanya.

Buku ini keseluruhannya banyak membicarakan Islam di Malaysia, amalan dan nilai yang berlaku dalam masyarakat Islam di Malaysia, yang menurut pengarang, adalah tidak wajar, maka bagaaimana sewajarnya.



Mengapa Dinsman memilih tajuk *Mencari Kewajaran Islam di Malaysia*, sebuah tajuk yang menuntut pembaca berfikir mengapa perlunya kita mencari kewajaran Islam di Malaysia.

Islam adalah sebuah agama yang sempurna, menjadi *Rahmatan Lil-Alamin* (rahmat seluruh

alam). Apa yang menyebabkan kita terpaksa mencari kewajaran-nya di negara ini. Persoalan ini dikupas dengan menarik oleh Dinsman.

Secara kebetulan buku ini terbit dalam suasana yang sangat pelbagai kompleksnya mengenai sikap dan pandangan pelbagai pihak dalam mentafsirkan kehendak agama yang agung ini. Lebih-lebih lagi ekstrimisme agama sedang menyeringaikan taringnya yang amat menakutkan.

Buku Dinsman ini ditulis beberapa tahun lalu, ketika ekstrimisme agama belum sangat ketara. Namun penulis ternama ini sudahpun mengungkapkan fikirannya yang sangat terbuka.

Bagi saya, sama ada pandangan Dinsman ini dapat diterima atau sebaliknya, sama sekali tidak mengurangkan pentingnya buku ini untuk dibaca.

PH mahu kembalikan martabat penjawat awam

KUALA LUMPUR: Pakatan Harapan (PH) mempertikaikan kenyataan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak kononnya nasib penjawat awam akan menjadi suram jika PH mengambil alih negara ini. Pengarah Strategi AMANAH, Dr Dzulkefly Ahmad berkata, "bila pula Najib jadi jurucakap PH" apabila Najib

mendakwa PH akan mengurangkan kakitangan awam.

Menurut beliau, Najib bukan sahaja telah menakutkan kaum Cina, apabila berkata negara akan huru-hara jika PH menang, kini dia cuba menakutkan penjawat awam.

"Lebih baik kalau Najib tumpu usaha menangani ketirisan dan

kleptokrasi yang telah menjadi sinonim dengan Malaysia sekarang," katanya.

Menurut beliau, Najib perlu tahu bahawa PH mahu mengembalikan kegemilangan Perkhidmatan Awam jika berjaya mentadbir negara ini.

"Kita akan mengembalikan kebebasan dan profesionalisme perkhidmatan awam dan tidak

mengizinkan mereka dibawah telunjuk orang politik," katanya

"Kita mahu banteras 'budaya takut' dalam birokrasi," tambah beliau.

PH juga, katanya mahukan kakitangan awam dinaikkan pangkat berdasarkan prestasi dan pengalaman.

"Kita mahu bangun keupayaan dan kepakaran penjawat awam

kita, memupuk kreativiti dan daya saing serta produktiviti mereka supaya dapat kita kurangkan keterlibatan perunding luar dan swasta yang dibayar dengan kos yang tinggi," katanya merujuk kepada tindakan pentadbiran Najib yang mengeneipkan penjawat awam berpengalaman dengan mengupah perunding dari luar.

Jais langgar titah Sultan, berpolitik dalam masjid

SEKELAH ALAM: AMANAH Negeri Selangor kesal dengan tindakan Jabatan Agama Islam Selangor (Jais) melanggar titah Sultan yang mahu institusi itu mengelak diri daripada terlibat dalam program politik mana-mana parti dan kekal sebagai institusi berkecuali dan fokus kepada pengembangan Islam.

Pengerusi Biro Dakwah AMANAH Selangor Mohd Fakhruddin Mohd Mokhtar berkata, hal itu jelas apabila Jais gagal memastikan program yang diadakan di masjid negeri itu tidak disalah guna oleh ahli-ahli panel dan penceramah jemputan untuk tujuan politik.

Beliau mengulas Program Wacana Isu Semasa Dan Perundangan Peringkat Negeri Selangor yang bertajuk Ancaman Semasa Umat Islam (Pemikiran, Dakwah Dan Penyelewengan) anjuran Jais pada 28 September lalu di Masjid Tengku Ampuan Jemaah, Bukit Jelutong, dekat sini.

Menurutnya, penceramah yang membentangkan kertas kerja dalam program berkenaan iaitu Mohammad Naser Disa bukan sahaja gagal memanfaatkan program itu untuk menerangkan secara ilmiah tentang ancaman semasa umat Islam tetapi dengan jelas menggunakan program itu untuk menfitnah dan

memburuk-burukkan nama pemimpin politik daripada Pakatan Harapan.

"Nama-nama pemimpin disebut secara terbuka dan dibuat pelbagai tuduhan menyebabkan berlaku ketegangan sesama hadirin yang hadir. Dan sebahagian para hadirin ada yang terus meninggalkan dewan masjid berkenaan.

"Seperkaralah lagi kertas kerja yang disediakan tidak digunakan untuk perbincangan sebaliknya perkara-perkara lain yang berkait dengan politik kepertanian pula yang diketengahkan," katanya.

Menurut Fakhruddin juga, dua wakil AMANAH Selangor yang turut hadir dalam

program berkenaan sebagai jemputan telah menggunakan ruang yang ada untuk menegur ahli-ahli panel berkaitan namun mereka tetap berdegil dan terus membuat fitnah dan tohmahan tersebut.

Justeru AMANAH Selangor menggesa pihak berwajib menyiasat perkara ini dan mengambil segala langkah perlu supaya program sebegini tidak berulang lagi dan bersedia membantu dalam siasatan.

"Semua ini kami lakukan bagi menjaga imej Jais supaya tidak tercemar oleh kalangan tertentu yang ingin menanggung di air keruh," katanya.

Salahuddin tidak lari, akan bertanding di Johor

PULAI: Timbalan Presiden Parti Amanah Negara (AMANAH) Salahuddin Ayub menegaskan beliau tidak akan lari walaupun kalah kepada calon BN Datuk Nur Jazlan Mohamad pada pilihan raya umum ke-13 (PRU13) lalu di kawasan Parlimen Pulai.

"Selama ini saya berkhidmat untuk masyarakat di Parlimen ini (Pulai) dan saya akan terus melawan sehingga kemenangan menjadi milik rakyat di Parlimen ini.

"Saya tidak pernah lari dari Pulai walaupun kalah sebelum ini, tapi kena ingat saya tidak pernah berganjak untuk terus berjuang di Parlimen Pulai bagi membawa arus perubahan rakyat dan sekaligus kita akan membawa impian rakyat mahu menghapuskan GST (Cukai Barangan dan Perkhidmatan) serta pelbagai perkara yang membebankan," kata Salahuddin dalam ucapan beliau di program Santai Kedai Kopi baru-baru ini.

Ketika ditanya, Penasihat Pakatan Harapan

(PH) Kawasan Pulai itu berkata ini adalah pembayang awal yang menandakan beliau akan bertanding selain terus kekal di Parlimen Pulai dalam PRU14 akan datang.

"Segala keputusan tertakluk kepada konsensus PH Negeri mahu pun di peringkat nasional dan apa yang saya nak jelaskan pada orang ramai adalah saya tidak pernah lari malah terus berada di Pulai ini bagi berkhidmat kepada penduduk di sini.

"Pulai hari ini lain dengan dulu. Dulu kita tidak ada Datuk Osman Sopian, sekarang orang yang ada pengaruh seperti Datuk Osman sudah bersama-sama dengan kita bagi menggerakkan kerja-kerja mendekati masyarakat bagi menawan Parlimen Pulai dan Dun-Dun di bawahnya," kata Salahuddin.

Sementara itu, PH Pulai telah membariskan beberapa muka lama dan baru dalam pentadbiran dan struktur organisasinya bagi menghadapi PRU14.

Tak mustahil Donald Trump, Arul Kanda sokong Pas

KUALA LUMPUR: Ahli Jawatankuasa AMANAH Nasional, Hanipa Maidin menyindir sikap pemimpin Pas yang digelar 'parti suci' apabila berdolak-dalih berhubung sokongan terhadap parti yang baharu selesai menganjurkan himpunan Fastaqim 2.0 itu.

Menurutnya, Presiden Amerika Syarikat (AS), Donald Trump juga barangkali antara turut serta dalam perjuangan parti berkenaan jika mengikut tafsiran pemimpin Pas tertentu.

"Kasihlah saya pada seorang pemimpin parti suci yang nampaknya berbelit-belit memberi tafsiran maksud menyertai parti suci.

"Terpaksalah bersilat, berbelit begitu selepas mula-mula kata ada kejutan besar di malam akhir Fastaqim. Lepas tu orang ramai lihat tak ada sebarang pengumuman pun mana-mana tokoh isytihar jadi ahli parti suci.

"Ikut tafsiran pemimpin parti suci yang kreatif tu tak mustahil Donald Trump pun mungkin termasuk dalam tafsiran ahli atau bersama-sama dalam perjuangan parti suci," sinisnya di Facebook beliau, 2 Okt lalu.

Mengulas lanjut tentang kemungkinan itu, beliau berkata, 'parti suci' mempunyai hubungan baik dengan Malaysian Official 1 (MO1) manakala MO1 pula baik dengan Presiden AS ke-45 itu sehingga sanggup untuk membantu mengukuhkan ekonomi AS.

"Jadi, jika orang yang tak jadi ahli parti suci dikira ahli parti kerana bersama perjuangan parti suci, apa salahnya lanjutkan orang yang berbaik dengan teman rapat parti suci pun dikira bersama-sama dengan perjuangan parti suci," tempelaknya.

Bahkan, mungkin MO1 dan isteri juga boleh dikira bersama-sama perjuangan parti suci, ujar Hanipa,

selain Ketua Pegawai Eksekutif (CEO) 1Malaysia Development Bhd (1MDB), Arul Kanda Kandasamy.

"Dan jangan lupa Mr Arul Kanda yang berjaya fahamkan pemimpin parti suci hanya dalam tempoh dua jam tentang 1MDB.

"Takkanlah tak dianggap bersama-sama perjuangan parti suci. Maaf Tun Mahathir dan YB Rafizi, anda tak termasuk," selorohnya lagi.

Sebelum Fastaqim 2.0, Ketua Penerangan Pas, Nasruddin Hassan mengumumkan akan berlaku kejutan iaitu penyertaan dua atau tiga tokoh nasional ke dalam Pas di malam kemuncak Fastaqim 2.0 di Terengganu.

Bagaimanapun apabila akhirnya tiada sebarang kejutan, malah dua bekas pegawai kerajaan yang hadir tidak menyertai Pas, sebaliknya hanya hadir di himpunan Fastaqim 2.0 sebagai tanda sedia bekerjasama dengan semua pihak dalam membanteras rasuah, kenyataan Nasruddin mula berubah.

Kata beliau, ada pelbagai cara untuk seseorang itu bersama-sama dengan perjuangan Pas.

"Bersama Pas tidak semestinya menjadi ahli. Boleh saja bersama dengan maksud mendukung cita-cita perjuangan parti dan ada yang memilih untuk menjadi ahli Pas, sebagai rakan kongsi atau penyokong," ujar beliau lagi.

Dalam perkembangan berkaitan, pentas ceramah Fastaqim 2.0 dijadikan medan untuk mengkritik parti-parti Pakatan Harapan (PH) khususnya DAP dan AMANAH.

Malah Mursyidul Am Pas Hashim Jasin menggelar pemimpin dan ahli AMANAH sebagai golongan 'Muktazilah' yang lari daripada 'perjuangan Islam' hanya kerana tidak bersetuju dengan 'tok guru'.



Salahuddin berucap pada program Santai Kedai Kopi di Pulai.



ALFAJR TRAVEL & TOURS SDN BHD

(768307-X)(KPL/LN 5056)

20 PAX JEMAAH 1 FREE
*Tertakluk Terma & Syarat



@ Setaraf

UMRAH 2017 4@5 orang sebilik

UMRAH BIASA

HARGA DARI RM4,890 (11h/09m)

CUTI SEKOLAH

HARGA DARI RM5,690 (11h/09m)

AKADEMI MUTAWWIF ALFAJR

YURAN RM200

AKADEMI MUTAWWIF SIRI KE-21

TARIKH: 03-04 NOV 2017 MASA: 8.00am
TEMPAT: UTM SKUDAI, JOHOR BAHRU

SILA HUBUNGI: PN. KHATIJAH: +6017-843 7561

AKADEMI MUTAWWIF SIRI KE-22

TARIKH: 25-26 NOV 2017 MASA: 8.00am
TEMPAT: IPOH, PERAK

SILA HUBUNGI: EN.FAIZUL: +6012-568 1150



WAKIL UMRAH DIKEHENDAKI!!!

NOVEMBER (11H/09M)

TARIKH	SEKTOR	HARGA
16 NOV	KUL/JED/MED/KUL	4,990
18 NOV	KUL/JED/MED/KUL	4,890
20 NOV	JHB/MED/JED/JHB	5,090
21 NOV	KUL/JED/MED/KUL	4,890
22 NOV	KUL/MED/JED/KUL	4,990
23 NOV	KUL/JED/MED/KUL	5,790
25 NOV	KUL/JED/MED/KUL	5,690
26 NOV	KUL/MED/JED/KUL	5,890
28 NOV	KUL/JED/MED/KUL	5,790
30 NOV	JHB/MED/JED/JHB	5,890

DISEMBER (11H/09M)

TARIKH	SEKTOR	HARGA
01 DIS	KUL/JED/MED/KUL	5,790
02 DIS	KUL/MED/JED/KUL	5,890
04 DIS	KUL/MED/JED/KUL	5,790
06 DIS	KUL/JED/MED/KUL	5,790
07 DIS	KUL/MED/JED/KUL	5,790

DISEMBER (11H/09M)

TARIKH	SEKTOR	HARGA
09 DIS	KUL/JED/MED/KUL	5,790
11 DIS	JHB/MED/JED/JHB	5,890
12 DIS	KUL/JED/MED/KUL	5,790
13 DIS	KUL/JED/MED/KUL	5,790
14 DIS	KUL/MED/JED/KUL	5,890
16 DIS	KUL/JED/MED/KUL	5,690
17 DIS	KUL/MED/JED/KUL	5,790
20 DIS	KUL/JED/MED/KUL	5,690
21 DIS	JHB/MED/JED/JHB	5,890
23 DIS	KUL/MED/JED/KUL	5,790
24 DIS	KUL/JED/MED/KUL	5,890
25 DIS	KUL/MED/JED/KUL	5,890
26 DIS	KUL/JED/MED/KUL	5,790
27 DIS	KUL/MED/JED/KUL	5,590
30 DIS	KUL/JED/MED/KUL	5,390
31 DIS	JHB/JED/MED/JHB	5,590

JANUARI (11H/09M)

TARIKH	SEKTOR	HARGA
02 JAN	KUL/MED/JED/KUL	5,090
03 JAN	KUL/JED/JED/KUL	4,890
05 JAN	KUL/MED/JED/KUL	4,990
06 JAN	KUL/JED/MED/KUL	4,990
07 JAN	KUL/MED/JED/KUL	5,090
09 JAN	KUL/MED/JED/KUL	5,090
11 JAN	JHB/JED/MED/JHB	4,990
13 JAN	KUL/JED/MED/KUL	4,990
15 JAN	KUL/MED/JED/KUL	5,090
17 JAN	KUL/JED/MED/KUL	4,890
18 JAN	KUL/JED/MED/KUL	4,890
20 JAN	KUL/MED/JED/KUL	5,090
21 JAN	JHB/MED/JED/JHB	5,190
24 JAN	KUL/JED/MED/KUL	4,890
26 JAN	KUL/MED/JED/KUL	5,090
27 JAN	KUL/MED/JED/KUL	4,990
28 JAN	KUL/JED/MED/KUL	4,890
31 JAN	KUL/JED/MED/KUL	4,890

TEL : 03-6127 7790 FAX : 03-6127 7795 EMAIL : alfajr_travelsb@yahoo.com.my
ALAMAT : C-1-08, 162 RESIDENCY, KM12, JLN IPOH-RAWANG, 68100 BATU CAVES, SELANGOR

KEDAH

UST FITRI /
HJ AZIZAN
04-4480700
011-4066 0800 /
013-741 0321



PEJABAT TERENGGANU : 09-631 9931 / 013-985 8257 (HJ IBRAHIM)



PEJABAT JOHOR : 07-234 4437 / 017-843 7561 (PN. KHATIJAH)

MELAKA

HJ RAZAK OMAR
012-310 8464

SELANGOR

HJ NORSHAM
011-3231 4248

PERAK

EN FAIZUL
012-568 1150

KELANTAN

CIKGU NASIR
013-906 5903

PAHANG

HJ YUSOF
016-987 5115

PPINANG

UST LATIF
019-510 0255

NEGERI SEMBILAN

HJ RAZAK AMIT
017-327 2205

JOHOR

HJ KAMAR
019-776 3390

SABAH

HJ AWANG ADI
013-559 8888

SERAWAK

HJ IBRAHIM
013-823 5841

SELANGOR

Wakil Daerah
DARU DAVID HJ NOORIN
AMMAN MOHD ROZARZAL
AMMAN HJ CONNIE
AMMAN HJ ROSNANI
DOKONG LISTAZ ZULFIKAR
KLANG HAJAH FARDAH
DOKONG HAJAZMAN AGUSTINE
BAYANG KALISTAZ ANAS
SHAHALAM HJ FAUZAN KISUT
KLANG HJ MUSTAFAR
MANGA SERI PUTRA PN SUZANA
MANGA HJ MOHD JAUJI
SHAHALAM HJ HASSAN
KLANG HJ ANAS HJ ROSALI
MANGA HJ LISTAZ SAFFUL
BANGI HJ NORIDAH
KLANG SELAMUN NORASHAH
SUNDAH RADZAH MD ISA

PERAK

Wakil Daerah
BERSEM HJ ROHANI
JENOM HJ RAZALI
KUALA HJ MARZIAN
IPKANG HJ YUSUF AWANG
TEMERLOH HJ JOHARI
KUALA HJ NORMAH
BERSEM HJ ABD MANNAN
BANGI NAIM ASHAWI
FELDA BINTI HJ SHARIFAH

SARAWAK

Wakil Daerah
BG LADA SO MWI AGLI

SABAH

Wakil Daerah
SARAH HAJI RAMLI
BANGAR TAWAU HAJAH HASNAH
KALAMAJAN LISTAZ RAMAN LEE
WYPI HAJAH EN ZULKIFLI
MAMAZANAN MAMAZO JEFRI
KUMAK ENCK KASMAN
TAWAU MUHAMMAD TAUFIQUELRAHMAN
BANGAR ENCK SAHAR
KUNING ARRABIM BIN LAJAKAYA
SUNGAI HAJI AHMAD ABDULLAH
TAN BELUKAN AWANG DAMIT
TUMANG & MO MEASIN BIN MION
MAMAZO HJ ROSNANI

K. LUMPUR

Wakil Daerah
SARAWAK KASAPUL ANJAR
SUNGAI HJ ROHANI
KAMPANG HAJI ROSLEE
KAMPANG MEGAT NABSI

MELAKA

Wakil Daerah
BANGAR BELAKA HJ MASTURA
ALOR GELANG M NAZERY
IPKANG PN ROHANI HAJRIN

KELANTAN

Wakil Daerah
KOTA BHARU LISTAZ OSMAN
PENKALAN CHEER AHMAD TARIKI
BACHOK CIKGU NURI
MELAKA LISTAZ MUHAMMAD ZULKIFLI
TAWAU MAMAZ AMINUDDIN AS HAMD
MAMAZO MAD YAH ALIAS

PERLIS

Wakil Daerah
KANGAR MOHD SOLEHIN

KEDAH

Wakil Daerah
BANDAR SAKTI HJ ABD AZIZ

NEGERI SEMBILAN

Wakil Daerah
SARANG LANGKAT EN MASUD
PONTIAN EN KHAFIZ FAUZ
SMA BERKELI PN HAMMAH
RENGIT HJ JUNNAN
TRG BERKELI HJ AFFAH
JERAM BANGI HJ ROSLAN
SRI GADING HJ ZAHARAH
BANGI EN ABD JALIL
MAMAZO HJ RAHMAT
SMA EN ZAINUN
MAMAZO EN AHMAD SAHRE
MAMAZO EN AMERIK SULOH
KUALA LANGKAT PN RAZIDAH
KOTA TAMBUK HJ SAHRON
MAMAZO EN KASIM
MAMAZO EN MAJID
KUALA LANGKAT HJ JORJANAH
MAMAZO EN AZREEN
KUALA LANGKAT HJ SHAMSUDIN
BANGAR TENGKAP MOHD AREFF
KUALA LANGKAT HJ WAGIMAN
KOTA MASU HJ ABD HALIM
MAMAZO EN WAHAB MAH
SRI TAMBUK HJ MAJID
MAJID HJ SUKATIN
KUALA LANGKAT HJ MUHAMMAD ALI
MAMAZO EN SITI MUTIHA
SRI TAMBUK HJ HASRIZAN
MAMAZO EN SUJUBAN
YAMAN RENGIT LISTAZ TUSOH
TAMAN BUKIT MAMAZO EN DAUD
MAMAZO MOHD ZAINOL
MAMAZO EN MOHD PAJIZ
MAMAZO EN MOHD NORYAMAHANI
KOTA MASU EN MOHAMMAD ANAS

JOHOR

Wakil Daerah
MAMAZO EN MOHD PAJIZ
MAMAZO EN MOHD NORYAMAHANI
KOTA MASU EN MOHAMMAD ANAS

**HOTEL MEKAM : 1. AL SARAYA EMAN HOTEL @ SETARAF (+ 200-300m) 2. OASR AJYAD HOTEL @ SETARAF (+ 400-450m) 3. AWTA @ SETARAF (+ 800-800m)

HOTEL MADINAH : WARDIAH MUBARAK @ MUBARAK GOLDEN @ SETARAF (+ 150-200m) VISA UMRAH RM250 & VISA RAMADAN RM300 (MIN 20 PAX) UPAN HAJI : RM1700 AKIKAH : RM850++ (KAMBING)
Tambahkan Setiap Satu Malam RM100-200. Harga & Pakej Tertakluk Kepada Kelulusan Visa, Surcharge Bahan Api Dari Syarikat Penerbangan, Cukai Lapangan Terbang, Harga Hotel Semasa dan Pertukaran Matawang Asing.
Tanya Notis, Cuti Sekolah & Ramadhan Hotel (+ 800-900m). Pakej 4-5 Orang Sebilik.

Demi Malaysia, musuh sekian lama bertaut

Oleh **NAZRI ABDULLAH**

Berkongsi matlamat sama untuk menjatuhkan kerajaan kleptokrasi dan membina semula sebuah negara Malaysia yang lebih baik, memungkinkan sebuah perseteruan lama bertaut kembali.

Benarlah kata orang, dalam sifir politik, 'tiada musuh yang abadi dan tiada kawan yang kekal selamanya'.

Itulah yang berlaku kepada dua tokoh politik tanah air yang dahulunya bermusuhan, Tun Dr Mahathir Mohamad dan Mohamad Sabu. Dari-pada musuh tradisi kepada rakan sejati setidaknya untuk setakat ini.

Tarikh 27 September 2017 lalu, mungkin satu lagi detik manis bagi kedua-dua mereka dan juga sejarah bagi politik negara Malaysia.

Beberapa hari sebelum itu, Mohamad atau lebih dikenali dengan panggilan Mat Sabu, menerima khabar Tun Mahathir dan isteri mahu berkunjung ke rumahnya untuk menikmati makan malam bersama.

Khabar gembira itu disambut dengan tangan terbuka dan segala persiapan dilakukan untuk menerima tetamu istimewa itu.

Sementara saya pula dipanggil oleh Setiausaha



Mohamad memasak untuk tetamu istimewa, Tun Dr Mahathir dan isteri.

ha Politik beliau, Mohd Azhar Mat Dali untuk merakam detik bersejarah itu sekurang-kurangnya untuk simpanan keluarga.

Di samping kegembiraan menerima tetamu hebat itu, kekusaran jelas kelihatan di wajah Mohamad dan isterinya Normah Alwi memandangkan tetamu yang akan berkunjung ke kediamannya itu adalah seorang bekas Perdana

Menteri Malaysia.

"Ya ke Tun M nak datang rumah kita ni. Rumah kita dengan kecik, sempit, barang apa pun tak ada," kata Kak Normah sedikit gelisah.

"Tak apa lah, memang ini rumah kita pun. Tak payahlah kita nak ubah apa-apa," jawab Mohamad pasrah.

Maklumat berkaitan kunjungan itu tidak dimaklumkan kepada sesiapa kerana ia pada asalnya adalah program privasi keluarga.

Mohamad sememangnya dikenali oleh rakan-rakan rapat beliau sebagai seorang yang pandai memasak dan selalu menjemput rakan-rakan makan di rumahnya.

Untuk Tun Mahathir, menu masakan istimewa adalah nasi daging kambing, kambing goreng nampla - resepi dari negara Thailand - salad, gulai ayam, ikan masin goreng serta pencuci mulut.

Seawal jam 3 petang, dapur kediaman mereka sudah memulakan operasi. Beberapa orang kenalan rapat Kak Normah dipanggil membantu. Segala pinggan mangkuk yang ada di bawa keluar.

Menjelang jam 6 petang, semua menu sudah siap dimasak kecuali kambing goreng nampla yang menurutnya perlu digoreng ketika nak makan supaya dihidang dalam keadaan masih panas.

"Sekejap lagi jam 6.30 enta ikut ana. Tengok ana goreng. Kena buat dua kali sebab kualiti tak muat.

"Ana goreng yang pertama, nanti enta goreng yang kedua sebab ana dah nak kena siap-siap," katanya kepada saya.

Sebelum ini saya pernah membantunya memasak menu sama ketika kami berkunjung ke rumahnya untuk berbuka puasa tahun lalu.

Tepat jam 8.30 malam, kenderaan yang membawa Tun Mahathir dan Isteri dengan beberapa buah kereta polis pengiring tiba di kawasan parkir hadapan rumah Mat Sabu yang dikosongkan sejak petang.

Ketika itu jiran-jiran mula keluar rumah dan kecoh melihat kehadiran ramai anggota polis seperti ada sesuatu yang akan berlaku di rumah Mohamad.

Sehinggalah mereka diberitahu yang hadir adalah polis yang mengiringi Tun Mahathir dan Isteri untuk makan malam di rumah Mohamad.

Semua yang ada di dalam rumah, keluar menyambut tetamu istimewa itu dan mengiringi

mereka masuk ke rumah.

Sementara hidangan disediakan, mereka duduk berbual di sofa ruang tamu. Bermula dengan saling bertanya khabar, kemudian isu keluarga dan sekali sekala menyentuh isu politik negara.

Namun semuanya berlangsung dalam suasana santai dan harmoni dengan turut disertai oleh anak lelaki Mohamad, Saiful yang lahir sewaktu beliau ditahan di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA) di era Tun Mahathir.

Perbualan terus bersambung di meja makan. Mohamad memperkenalkan setiap menu yang dihidangkan dan Tun Mahathir kagum apabila diberitahu semua menu dimasak sendiri oleh Mohamad.

Satu persatu menu dijamah oleh Tun Mahathir dan Isteri sambil diselang seli ketawa apabila sekali sekala Tun Mahathir dan Mohamad saling membuat jenaka.

Banyak juga isu yang disentuh termasuk tips pemakanan yang diamalkan Tun Mahathir dan Isteri untuk kekal sihat walaupun usia sudah menjangkau 90an.

"Saya makan tak banyak, sikit-sikit sahaja," kata Tun sambil menambah beliau hanya minum kopi sebelum jam 1 tengah hari bagi mengelak kesukaran untuk tidur pada waktu malam.

Hampir dua jam pertemuan malam itu berlangsung. Siapa sangka, membesar dalam parti politik berlainan malah menjadi musuh antara satu sama lain, namun kini boleh bersama, makan sepinggan duduk semeja.

Hampir jam 11 malam, mereka kemudian meminta diri untuk pulang.

Menunggu di luar rumah adalah jiran-jiran yang tahu pertemuan itu melalui maklumat yang tersebar dalam kumpulan Whatsapp taman dan mahu bergambar kenang-kenangan.

Gambar-gambar itu dikongsi dalam laman sosial mereka masing-masing sekaligus pertemuan yang pada awalnya tidak mahu dihebohkan tidak dapat lagi disorok.

Atas persetujuan Mohamad, setiausaha politiknya memuat naik gambar-gambar pertemuan itu dengan beberapa baris keterangan di laman Facebook rasmi beliau.

Tidak sampai 24 jam, gambar-gambar itu tular dengan lebih satu juta 'reach', disukai lebih 8,000 dan dikongsi lebih 1,000 pengguna facebook lain. Satu pencapaian yang sangat luar biasa pada saya.

Pencapaian ini juga sudah tentu kerana 'nilai besar' pada gambar dan pertemuan itu yang bukan sahaja telah merekodkan satu lagi sejarah politik negara malah menghantar satu mesej yang jelas kepada rakyat bahawa pembangkang benar-benar sedang bersatu untuk menyelamatkan negara dengan menumbangkan kerajaan kleptokrasi yang sedang bermaharajalela.

Ia juga memperlihatkan jiwa besar kedua-dua tokoh politik itu yang sanggup mengenyakan permusuhan lama demi sebuah negara yang lebih baik.

Mohamad sendiri khususnya, telah memaparkan apa yang sering diperjuangkan selama ini iaitu "mengkritik pemimpin yang sedang berkuasa, bukan pemimpin yang sudah pencen".

Apapun, sekaligus tahniah dan terima kasih kepada 1Malaysia Development Berhad (1MDB)! Kerana anda, mereka akhirnya bertemu dan berjuang bersama.



Jiran Mohamad turun untuk bergambar dengan Tun Mahathir dan Tun Siti Hasmah.



Ketibaan Tun Mahathir disambut Mohamad Sabu yang hanya berkain pelikat di rumahnya dekat Shah Alam.

AMANAHERah ahli ke himpunan 14 Oktober

PARTI AMANAH Negara (AMANAH) mengerahkan semua anggotanya agar mengambil bahagian bersama Pakatan Harapan (PH) dalam Himpunan Rakyat 'Sayangi Malaysia, Hapus Kleptokrasi' pada 14 Oktober ini untuk mendedahkan dakwaan penyelewengan 1MDB.

Presidennya Mohamad sabu berkata, tindakan Bank Negara Malaysia mendenda sejumlah RM115.8 juta ke atas 1MDB kerana gagal mematuhi Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 membuktikan dakwaan salah guna kuasa dalam 1MDB benar-benar wujud.

Justeru katanya, rakyat perlu hadir ke himpunan tersebut bagi mendengar sendiri fakta-fakta mengenai penyelewengan dalam 1MDB daripada beberapa pakar dan tokoh yang berkenaan.

"Himpunan 14 oktober ini AMANAH mengerahkan seramai mungkin



rakyat untuk datang supaya Selamatkan Malaysia Hapuskan Kleptokrasi tentang penyelewengan yang berlaku akan lebih dirasai dan difahami," katanya pada sidang media di Wisma AMANAH Negara, 4 Oktober lalu.

Katanya, AMANAH menyokong sepenuhnya pendirian PH untuk membuat himpunan pada 14 Oktober di samping selepas itu laporan polis dan aktiviti yang lain untuk memberitahu rakyat tentang isu 1MDB adalah nyata, penyelewengannya adalah nyata, salah guna wangnya adalah nyata kesemuanya itu dilakukan ketika 1MDB dipengerusikan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Najib Razak sendiri.

Oleh itu, katanya, AMANAH mengambil pendirian serius bersama PH dan NGO lain untuk terus bersama membongkar penyelewengan 1MDB



Sidang media AMANAH di Wisma Amanah 4 Oktober lepas.

hususnya ia telah dibuktikan secara hitam putih oleh Bank Negara Malaysia.

Himpunan yang akan diketuai oleh Pengerusi PH Tun Dr Mahathir Mohamad itu akan diadakan di Petaling Jaya dan turut mempunyai pelbagai acara lain seperti ceramah, persembahan kebudayaan dan lain-lain.

Sementara itu Pengarah Komunikasi AMANAH Khalid Samad berkata, Setiausaha Agung Mohd Anuar Tahir telah mengeluarkan surat arahan

kepada ahli AMANAH khususnya di sekitar Lembah Kelang untuk turun ke himpunan itu.

Beliau juga berkata, ahli parlimen PH juga telah menyediakan beberapa soalan berkaaitan tindakan Bank Negara itu untuk diajukan dalam persidangan Dewan Rakyat yang akan bermula pada 23 Oktober ini.

"Setiausaha Agung telah mengeluarkan arahan kepada ahli AMANAH khususnya di kawasan Lembah Klang dan di

Selangor untuk hadir seramai mungkin, kita nak kehadiran semaksimal mungkin kerana ini himpunanyang cukup penting dan tindakan Bank Negara itu bermakna tak ada syak lagi 1MDB telah melakukan penyelewengan.

"Persidangan parlimen 23 oktober ini kami juga akan meminta kerajaan menjelaskan persoalan denda yang dikenakan itu," katanya yang juga Ahli Parlimen Shah Alam.

Kerja besar Fastaqim 2.0 sia-sia apabila gagal tunaikan kejutan

KERJA besar Fastaqim 2.0 dengan penglibatan semua jentera, ahli dan pemimpin Pas di semua peringkat dan belanja ratusan ribu ringgit hancur berkecai hanya dengan satu kesilapan sahaja, cakap tidak serupa bikin dan janji gagal ditunaikan.

Kejutan yang dijanjikan oleh Pengarah Fastaqim 2.0, Nasruddin Hassan menjelang perhimpunan benar-benar 'potong stim' bahkan ia disamakan dengan sidang media khas Umno 17 September lalu yang anti-klimaks.

"Umno dan Pas, macam adik-beradik pula jalan ceritanya. Mungkin itulah kejutannya. Sudahnya mereka hanya stim sendiri-sendiri saja," tulis blogger Shabuddin Husin dalam blognya ketika mengulas apa yang berlaku di Fastaqim 2.0 yang berjalan di Pantai Tok Jembal, Kuala Nerus Terengganu didakwa Pas disertai lebih 200,000 peserta itu.

Dua minggu sebelum Fastaqim 2.0, Umno gah dengan pengumuman satu sidang media khas yang dihadiri presidennya, Najib Razak dan semua pimpinan tertinggi parti.

Timbalan Perdana Menteri, Ahmad Zahid Hamidi yang sedang melawat Perlis diminta memendekkan lawatan dan semua Menteri Besar dan Ketua Menteri turut dikerah hadir.

"Alih-alih yang diumumkan hanyalah kemasukan Mat Taib ke dalam Umno.

"Betul-betul potong stim punya cerita!" tulis Shahbudin.

Bekas menteri besar Selangor Khalid Ibrahim, bekas Timbalan Ketua Pesuruhjaya Suruhanjaya Pencegahan Rasuah (SPRM), Zakaria Jaafar dan bekas Pengarah Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) Abdul Rahim Che Daud muncul di pentas Himpunan Fastaqim 2.0.

Ketika berucap, Khalid berkata dia tidak menyertai Pas.

Dua bekas pegawai kerajaan itu pula dilaporkan menyertai Pas oleh Harakahdaily namun media lain menafikan laporan itu apabila mereka sendiri menafikan menyertai Pas.

Bukan setakat tiga nama 'besar' itu menafikan penyertaan mereka ke dalam Pas, Umno Terengganu juga menafikan tokoh-tokoh mereka menyertai parti itu.

Selepas pengumuman Nasrudin, ada kejutan besar di malam penutup Fastaqim, tersebar di laman-laman sosial nama-nama besar yang bakal menyertai parti itu.

Mereka adalah bekas Exco Kerajaan Negeri Johor, Dr Adham Baba, bekas MB Selangor/Ahli Parlimen Bandar Tun Razak, Khalid Ibrahim, bekas menteri/Bekas Ketua Wanita Umno Malaysia, Dr Siti Zaharah Sulaiman, bekas naib canselor UMT, Dr Aziz Deraman.

Selain itu, bekas Pengurus Besar Ketengah, Wan Mat Amin Wan Daud, bekas Mufti Terengganu, Ismail Yahya, bekas Pengarah Pendidikan Terengganu, Zakaria Hussin dan bekas Pegawai Kewangan Negeri, Abdul Razak Ismail

juga disebut bakal menyertai Pas.

Walaupun ia dinafikan oleh AJK Pas Pusat, Dr Azman Ibrahim tetapi penyebarannya dibuat seolah-olah untuk menarik ahlinya agar datang ke perhimpunan bagi menunjukkan Pas kuat itu.

Selepas Fastaqim, media milik Umno membuat penafian satu persatu kesemua mereka menyertai Pas.

Ismail Yahya, Wan Mat Amin, Aziz Deraman dan Zakaria Hussin menafikan mereka menyertai Pas, lapor Terengganu Times, laman web Umno Terengganu.

"Bagi saya kegagalan menunaikan janji kejutan ini sedikit meralatkan Fastaqim 2.0 ini untuk membina nama besar untuk Pas," kata penganalisis dari Ilham Centre, Hisomuddin Bakar.

Hisomuddin lebih bimbang lagi kalau-kalau kegagalan kesemua mereka menyertai Pas adalah kerana imej Pas yang kurang baik menjelang pilihan raya umum akan datang ini.

"Saya bimbang kalau-kalau mereka tidak jadi sertai PAS kerana nama baik Pas yang tidak berapa baik dalam menghadapi pilihan raya umum akan datang sebagaimana yang diramalkan oleh beberapa pusat kajian," katanya merujuk kepada ramalan Pas akan kalah teruk jika tidak menyertai BN atau PH tetapi bertanding bersendirian.

Namun begitu, Hisomuddin berkata, Fastaqim 2.0 membuktikan aspek mobilisasi ahli dan penyokong Pas ditahap membanggakan bagi

menghadapi PRU ke 14.

"Kredit ini diberikan berdasarkan merit yang baik antara parti pembangkang yang sedia ada dari aspek ini," katanya.

Katanya, kehadiran yang seramai itu memberikan kekuatan motivasi kepada kepimpinan Pas Pusat untuk meletakkan parti dalam mencabar BN dan PH dengan kekuatan sendiri.

"Cuma, Fastaqim 2.0 tidak memberikan gambaran yang jelas dan meyakinkan kepada pengundi selain daripada ahli dan penyokong mereka,"

katanya.

Pas juga katanya gagal memanfaatkan perhimpunan sebesar ini untuk mengengahkan blok Gagasan Sejahtera yang mereka laungkan selama ini.

"Fastaqim 2.0 juga tidak memanfaatkan untuk mengetengahkan Blok Gagasan Sejahtera mereka sepadu mungkin. Elemen gabungan blok ketiga ini sepatutnya diberikan satu pengumuman besar ke arah mencabar dominasi BN dan blok pembangkang, PH," kata beliau lagi.



Rakyat Malaysia dipelawa untuk menjadi wartawan di sebuah laman berita. Syarat-syaratnya adalah:

- 1) Mempunyai diploma atau ijazah dalam bidang komunikasi atau kewartawanan @ berpengalaman sebagai pemberita.
- 2) Berminat dengan berita hal ehwal semasa dan berunsurkan politik.

Sila hantarkan resume anda kepada:
luqman.malaysiadateline@gmail.com

Sebelum 10 Oktober 2017

SPRM wajar pulangkan 'derma' RM5 juta

KUALA LUMPUR: Peruntukan segera RM5 juta kepada Yayasan Prihatin SPRM yang diumumkan Perdana Menteri Datuk Seri Najib Razak dikhuatiri mengundang pelbagai spekulasi.

Sehubungan itu Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) disaran memulangkan peruntukan tersebut bagi mengelak persepsi negatif rakyat terhadap kewibawaan suruhanjaya tersebut.

Pengarah Komunikasi Keadilan Fahmi Fafzil berkata, dengan mengambil kira perkara-perkara ini, dan mengambil kira bahawa SPRM akan membuat saringan tidak wajib terhadap calon-calon BN termasuk Najib yang juga Pengerusi BN, maka peruntukan segera itu dilihat sebagai suatu hadiah atau derma yang bermotif politik.

"Oleh yang demikian, untuk mengelak

spekulasi atau persepsi tidak sihat, SPRM wajar mengambil pendirian moral yang jelas dan memulangkan 'derma' RM5 juta ini kepada pihak kerajaan.

"Dengan memulangkan wang ini, SPRM akan menjadi contoh terbaik kepada rakyat Malaysia bahawa bukan sahaja rasuah yang perlu ditolak, malah sebarang hadiah atau derma yang mungkin dilihat sebagai rasuah juga perlu ditolak," ujarnya dalam satu kenyataan media.

Fahmi mengulas peruntukan segera RM5 juta kepada Yayasan Prihatin SPRM seperti diumumkan Perdana Menteri 1 Okt lalu semasa program sambutan 50 tahun suruhanjaya itu.

Yayasan itu berperanan menjaga kebajikan warga SPRM.

Menurut Fahmi lagi, peruntukan segera RM5 juta ini dibuat selang beberapa hari selepas Najib mengumumkan telah menyerahkan senarai

sebahagian calon BN untuk pilihan raya umum ke-14 (PRU14) bagi disaring SPRM.

Peruntukan segera itu juga diumumkan ketika Jabatan Peguam Negara belum lagi menerima kertas siasatan SPRM berhubung RM42 juta wang SRC International Bhd yang didakwa dimasukkan ke akaun peribadi Najib.

Malah tambah Fahmi, pembongkaran Ketua Pembangkang Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail minggu lalu terhadap jumlah kompaun RM115.8 juta yang dikenakan Bank Negara Malaysia (BNM) terhadap entiti-entiti berkait skandal mega 1Malaysia Development Bhd (1MDB) turut melibatkan Najib.

"Ini kerana pada ketika kesalahan-kesalahan tersebut berlaku, Datuk Seri Najib merupakan Perdana Menteri yang perlu memberi kebenaran bertulis kepada sebarang komitmen kewangan (termasuk pelaburan) berdasarkan

Artikel 117 Memorandum & Artikel Pertubuhan 1MDB pada yang terpakai pada ketika itu," jelasnya.

Justeru beliau berharap semua ahli parlimen pembangkang mengambil maklum isu peruntukan segera Yayasan Prihatin SPRM ini dan membahasnya pada sidang akan datang.

Ini kerana katanya, parlimen sebagai badan perundangan adalah forum terbaik untuk mengumumkan peruntukan untuk SPRM dan Yayasan Prihatin SPRM, berbanding pengumuman oleh Perdana Menteri yang juga ketua eksekutif.

"Ini untuk mengelak persepsi SPRM tidak bebas dari pihak eksekutif," tegasnya.

Selain itu, beliau mengulangi saranan agar SPRM dikeluarkan daripada Jabatan Perdana Menteri dengan dijadikan badan bebas yang melapor terus kepada Parlimen.

SPNB dirayu lupus baki pinjaman rumah didiami ibu tunggal

KOTA TINGGI: Persatuan Anak Peneroka Felda Kebangsaan (Anak) merayu Syarikat Perumahan Negara Bhd (SPNB) melupuskan baki pinjaman rumah generasi baharu Felda yang didiami golongan ibu tunggal.

SPNB dan Felda melaksanakan projek pembinaan rumah mampu milik untuk generasi baharu Felda di tanah-tanah rancangan.

Presiden Anak Mazlan Aliman berkata demikian selepas menziarahi Rosimah Yatim, 41, di Felda Bukit Besar, dekat sini, 30 Sept lalu.

Empat daripada lima anak ibu tunggal itu masih bersekolah manakala Ain Aisyah masih berusia



Mazlan bersama Wanita AMANAH Tenggara menziarahi ibu tunggal dengan lima anak, Rosimah Yatim di Felda Bukit Besar hari ini.

setahun dua bulan dan memaksa Rosimah buat masa ini untuk tidak bekerja.

Suami Rosimah, Allahyarham Mohd Ashraf Mohtar@Yap, 45, meninggal dunia lebih sebulan lalu kerana

menghidap kanser.

"Anak bersimpati dengan situasi keluarga ini. Sedang diusahakan agar JKM (Jabatan Kebajikan Masyarakat) memberi sumbangan bulanan.

"SPNB dirayu melupuskan baki pinjaman rumah Generasi 2 yang didiami ketika ini. Bayaran bulanan RM150, melalui BSN (Bank Simpanan Nasional)," katanya.

Sehubungan itu, ANAK menyeru orang ramai berterusan menyalurkan sumbangan bagi meringankan tanggungan keluarga Rosimah.

Turut hadir dalam kunjungan tersebut pemimpin Angkatan Wanita AMANAH (Awan) Tenggara.

Dalam perkembangan lain, Felda dan SPNB menjangka akan membina 20,000 unit rumah lagi untuk generasi baharu Felda sehingga tempoh 2018.

Pengerusi Felda, Tan Sri Shahrir Abdul Samad pada April lalu dilapor berkata, kerja-kerja awal seperti sukatan tanah telah dilaksanakan bagi mencapai sasaran tersebut.

Menurutnya, Felda dan SPNB turut mengadakan kerjasama dengan kerajaan-kerajaan negeri agar rumah yang dibeli generasi baharu tanah rancangan itu bukan sekadar mampu milik tetapi juga mampu dibayar.

Ketua Armada PPBM dakwa ditawarkan RM5 juta

KUALA LUMPUR: Ketua Armada PPBM, Syed Saddiq Syed Abdul Rahman mendakwa ditawarkan RM5 juta oleh seorang penasihat kanan pemimpin BN untuk meninggalkan parti dan menyambung pengajiannya di Universiti Oxford.

Beliau berkata, tawaran itu dibuat oleh 'rangkai sistemik dedak' yang dirancang individu terabit dan dikawal di pejabat di sebuah kementerian.

"Saya ditawarkan RM5 juta untuk tinggalkan Bersatu (PPBM) dan mengambil biasiswa ke Universiti Oxford.

"Saya tidak akan tinggalkan Bersatu dan akan terus di sini mendedahkan rangkaian sistemik dedak ini," katanya pada sidang media di ibu negara, 2 Okt lalu.

Sebelum itu, sidang media beliau dihebahkan untuk diadakan bagi mengumumkan Syed Saddiq

akan menyambung pelajaran dan menangguhkan kerjaya politiknya.

Mengulas lanjut, Syed Saddiq berkata, cubaan untuk mengeluarkannya daripada PPBM adalah usaha berangkai pihak tertentu untuk memujuk pengasas dan pemimpin kanan PPBM meninggalkan parti.

Ini bertujuan bagi melabel perjuangan PPBM sebagai perjuangan peribadi Tun Dr. Mahathir Mohamad dan Tan Sri Muhyiddin Yassin.

"Saya difahamkan bahawa banyak pimpinan tertinggi yang lain sudah pun ditawarkan umpan yang sama dan ada lagi yang masih sedang diumpan," katanya.

Syed Saddiq memberitahu, bukan sahaja umpan RM5 juta malah beliau turut ditawarkan geran berjumlah jutaan ringgit untuk membuka sekolah debat di seluruh negara.

Kerajaan BN takut luluskan pendaftaran PH

TAMPOI: Pengerusi Pakatan Harapan (PH), Tun Dr Mahathir Mohamad mendakwa kerajaan BN takut meluluskan pendaftaran PH bagi mengelak gabungan parti pembangkang mempromosikan parti baru itu sekaligus menjadi saingan kepada BN.

"Dia nak jaga keselamatan dia. Sebab itu sampai sekarang belum lulus PH. Dah lebih sebulan kita failkan, tidak ada sebab dia tak daftar.

"Zahid Hamidi Menteri KDN (Kementerian Dalam Negeri) bertanggungjawab untuk meluluskan pendaftaran ini. Sampai sekarang senyap sunyi kerana takut," katanya di majlis pelancaran Pakatan Harapan Johor, dekat sini, 28 Sept lalu.

Katanya, pemimpin BN berharap, pendaftaran PH hanya

akan dibuat menjelang pilihan raya umum (PRU) akan datang.

"Harapan mereka adalah sampai masa pilihan raya baru nak bagi kelulusan. Kalau bagi masa itu tak sempatlah kita kempen untuk perkenal logo dan sebagainya," katanya.

Sehubungan itu, Mahathir memberikan jaminan kepada penyokong PH sama ada pendaftaran PH diluluskan atau tidak, mereka akan tetap bekerjasama.

"Sama ada lulus atau tidak kita akan tetap kerjasama. Misalnya kita letak calon AMANAH sebagai calon umpamanya. Bukan penyokong AMANAH saja akan undi calon itu, tetapi semua penyokong PKR, Bersatu dan DAP juga akan undi calon AMANAH itu," tegasnya.

Apabila itu berlaku, beliau yakin

BN akan kalah dalam PRU akan datang.

"Kita letak dan sokong calon PH, jangan kira dia datang dari parti mana, kita sokong dia," katanya.

Dalam ucapan itu, Tun Mahathir juga mengajak rakyat Johor sekali lagi mencipta sejarah sebagaimana tahun 1951 apabila mereka menubuhkan Umno di Johor.

"Dulu Johor kubu Umno. Kita minta rakyat Johor sekali lagi menjadi pengasas dan menjadi kubu kuat PH.

"Hari ini Johor jadi pengasas kepada gerakan untuk bersihkan negara dari (regim) kleptokrasi," katanya.

Beliau yakin sejarah akan dicatat melalui tindakan rakyat Johor melakukan perubahan dalam PRU akan datang.

TAWARAN ISTIMEWA

& 2018

PROMOSI

EZKEMBARA
NO. KPK/LN : 6814

**PELBAGAI
DESTINASI
MENARIK!**

SEOUL

TARIKH	HARGA(RM)	
	DEWASA	KANAK ²
NOVEMBER 09 - 13 NOV 2017	3,150	2,840
APRIL 13 - 22 APR 2018	3,150	2,840
FEB 01 - 05 FEB 2017 08 - 12 FEB 2017	2,990	2,680

TURKI

TARIKH	HARGA(RM)	
	DEWASA	KANAK ²
NOVEMBER 30 NOV - 9 DIS 2017	4,199	-
WINTER 07 - 16 FEB 2018 NOVEMBER DISEMBER	4,199	-
SPRING 13 - 22 APRIL 2018	3,999	-
SUMMER 21 - 30 JUN 2018	4,100	-
AUTUMN OCTOBER	4,100	-

PAKEJ JUMRAH

**PAKEJ
ZAAFARAN**

TARIKH	HARGA(RM)		HOTEL MEKAH	HOTEL MADINAH
	DEWASA	KANAK ²		
NOVEMBER 29 - 10 DIS 2017	7,950	7,650	MEKAH SAFWA TOWER (SETARAF) 50-10M	MADINAH CONCORDE HOTEL (SETARAF) 150M
FEBRUARI 14 - 25 FEB 2018	7,550	7,250		
MAC 14 - 25 MAC 2018	7,750	7,250		

**PAKEJ
RUMMAN**

TARIKH	HARGA(RM)		HOTEL MEKAH	HOTEL MADINAH
	DEWASA	KANAK ²		
DISEMBER 13 - 24 DIS 2017	7,150	6,800		
JANUARI 17 - 28 JAN 2018	6,890	6,590	MEKAH MALAK AT-TAQWA (SETARAF) 200-300M	MADINAH CONCORDE HOTEL (SETARAF) 150M
FEBRUARI 01 - 12 FEB 2018	6,890	6,590		
MAC 01 - 12 MAC 2018	6,890	6,590		
APRIL 04 - 15 APRIL 2018	6,890	6,590		

**PAKEJ
TAMAR**

TARIKH	HARGA(RM)		HOTEL MEKAH	HOTEL MADINAH
	DEWASA	KANAK ²		
DISEMBER 18 - 28 DIS 2017	6,790	6,490	MEKAH LU'LU'AT (SETARAF) 200-300M	MADINAH CONCORDE (SETARAF) 150M
APRIL 18 - 29 APRIL 2018	5,890	5,590		

+603 - 6184 1542

WWW.EZKEMBARA.COM

Belanjawan PRU: Mampukah Najib bermewah?

TANGGAL 27 Oktober PM Najib Razak selaku Menteri Kewangan akan membentangkan Belanjawan 2018 di Parlimen. Ini adalah bajet terakhirnya buat sesi Parlimen ke-13 ini. Meskipun Najib masih menunda-nunda pembubaran Parlimen, pilihan raya umum (PRU) ke-14 mesti diadakan selewat-lewatnya Ogos 2018. Soal besar yang pasti lebih mengkusarkan jiwanya adalah sama ada beliau juga yang akan membentangkan Belanjawan 2019?

Tidak sukar meramalkan bahawa ini adalah 'Bajet Pilihan Raya'. Cuma, mampukah Najib berbelanja besar dengan 'menghadiahkan' beraneka kenaikan dan pertambahan untuk rakyat bagi menyuntik 'rasa sedap' atau 'feel-good factor', buat menambat hati rakyat kepadanya?

Lebih licik lagi kalau 'Bajet Pilihan Raya' dibentangkan dan sebelum kelulusan Dewan Rakyat diputuskan dengan undi-belah bagi, Najib lantas membubarkan Parlimen. Beliau memasuki pilihan raya dengan berkempen untuk kerajaannya diberikan mandat lebih besar untuk menunaikan antara lainnya, janji-janjinya. Hebat!

Mampukah Najib berbelanja besar untuk tahun 2018? Jawapan ringkasnya, Ya! Patutkah Najib lakukan sedemikian? Jawabannya, Tidak! Sama-sama kita ikuti ulasan ringkas ini.

Pungutan cukai dan bukan-cukai sememang diakui akan meningkat tahun ini dan begitu unjuran tahun depan. Pungutan GST tahun ini dijangka akan melepasi target RM42 bilion yakni RM1 bilion lebih (RM43 bilion), sementara cukai pendapatan akan mencecah RM127.7 bilion. Dividen dari Petronas meningkat sebanyak RM3 bilion kepada RM16 bilion.

Pendapatan negara dianggarkan sekitar RM226.9 bilion untuk 2018. Ini adalah peningkatan sebanyak 4.5% berbanding RM217.2

bilion yang mampu dijana untuk 2017 ini. Ini dihasilkan atas peningkatan pungutan cukai pendapatan dan cukai korporat.

Juga begitu peningkatan hasil cukai petroleum kerana harga minyak mentah akan berada pada paras US\$52 satu tong berbanding US\$45 satu tong tahun ini. Juga begitu bayaran dividen yang tinggi, akan mencecah RM17 bilion, tetapi tidak sampai paras RM30 bilion seperti satu ketika dulu.

Nah, dengan ramalan anggaran pendapatan yang jauh lebih dari tahun-tahun sebelum ini, pasti Najib akan lebih tergalak untuk berbelanja besar, mentelahan tahun pilihan raya.

Najib wajar diingatkan bahawa belanjawaan kali ini juga akan merupakan "Belanjawaan Defisit" bermakna untuk 18 tahun berturut-turut kerajaan BN, mudahnya telah 'berbelanja' lebih dari 'pendapatan'.

Kali terakhir negara ini menyaksikan "Bajet Berlebihan" atau "Surplus Budget" adalah ketika Datuk Seri Anwar Ibrahim adalah Menteri Kewangan pada tahun 1997.

Lalu beliau tidak boleh berbelanja besar sangat untuk mencapai target menurunkan 'Defisit Fiskal' di bawah 3.0% nisbah Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) dalam tahun 2018.

Kritikan terhadap Najib untuk kesekian lamanya adalah kerana beliau boros berbelanja (expenditures) dan tatkala ditekan untuk membuat langkah-langkah berjimat (austerity), maka lain pula yang dikorbankan.

Beliau memotong peruntukan dalam pendidikan, kesihatan dan subsidi untuk rakyat, sementara menambah peruntukan untuk Jabatan Perdana Menteri. Dari jumlah RM12.2 bilion pada tahun 2010, kini peruntukan melonjak ke paras RM20.3 bilion pada tahun 2016, peningkatan 66.5%. Peruntukan

'pembangunan' pula dalam Bajet, seluruhnya adalah dari 'pinjaman' atau 'hutang'. Tidak nampak 'strategi dan keutamaan' dalam perangkaan bajetnya sesuai dengan kehendak 'Outcome -Based Budgetting' yang kononnya kaedah digunakan.

Cara mudah untuk Najib membuktikan beliau masih berjaya menurunkan angka 'defisit fiskal' adalah dengan meletakkan semua peruntukan 'pembangunan', khususnya yang bersifat 'mega' (big tickets items) seperti ECRL atau MRT, LRT dan lain-lain, sebagai 'Perbelanjaan Luar Bajet' atau 'Off-Budget Spending', lalu tidak dikira dalam defisit fiskal.

Hari ini kita tahu bahawa hutang dari perbelanjaan seumpama ini, yang dipanggil 'Contingent Liability' telah mencecah RM187 bilion. Sementara hutang Kerajaan Pusat berada pada paras RM685.1 bilion atau 52.3% KDNK, hampir mencecah had statutori 55% yang tidak dibenarkan.

Lalu Najib wajar berpada-pada untuk menggalakan rakyat sebab akhirnya rakyat juga akan membayar bebanan hutang itu! Caranya bagaimana untuk dapatkan sumber cukai atau pendapatan? Memperkenalkan cukai baru contohnya dalam bidang 'digital economy'. Beranikah? Menaikkan kadar GST, selepas menang pilihan raya nanti atau mungkin juga serentak menarik balik subsidi atau buat potongan perbelanjaan universiti dan kesihatan.

Sudah tidak ada aset negara untuk dijual (monetise) atau dicagar (securitise) kerana telah banyak terkorban dalam urusniaga 1MDB termasuk tanah, aset tenaga dan lain-lain. Bayaran bunga pinjaman kerajaan sahaja telah mencecah RM29 bilion setahun, melebihi 50% dari pungutan GST! Itu tidak termasuk hutang 1MDB atau hutang



ANALISIS

DR DZULKEFLY AHMAD

'Contingent Liability' yang dibuat secara 'Perbelanjaan Luar Bajet'.

Nah apakah akan diumumkan Najib kenaikan BR1M atau diberikan bonus sebulan untuk penjawat awam dan setengah bulan untuk pesara? Apa 'goodies' lain yang Najib nak beri? Ataupun Najib akan 'mengorbankan' simpanan masa depan pekerja dengan mengizinkan mereka mengurangkan sumbangan KWSP mereka, kaedah yang pernah beliau guna?

Justeru ketika Najib terhalang untuk mendapat sumber-sumber baru dengan cukai-cukai baharu yang rakyat akan bantah dan tambah benci, maka Najib tidak ada pilihan lain, kecuali melaksanakan belanjawaan yang pruden serta bertanggungjawab dengan memastikan prioriti yang betul, efisien dalam 'perbelanjaan' kerajaan dalam sistem 'delivery' dan menutup lubang-lubang ketirisan dan kebocoran.

Tegasnya, meskipun 'Bajet Pilihan Raya', Najib tidak boleh bermewah dan culas mengikut kehendak 'nafsu'nya untuk memikat hati atau lebih tepat lagi, menggalakan rakyat!

■ **Dr Dzulkefly Ahmad ialah Pengarah Strategi AMANAH.**

Umno bertahaluf dengan komunis China selepas sedia bertahaluf dengan Pas

MENGIKUT Portal Umno Online, Parti Komunis China (CPC) telah menjemput Umno menghadiri Kongres pada 19 dan 18 Oktober ini. Laporan tersebut juga menyebut Setiausaha Agung Umno Datuk Seri Tengku Adnan Mansor menghargai kerjasama rapat Umno dan Parti Komunis China tersebut. Kemesraan makin menyerlah di antara dua pihak berkenaan.

Kerjasama antara kerajaan Malaysia dan negara China adalah perkara biasa tetapi kerjasama di antara Umno dan CPC adalah perkara yang berbeza dan bukan kebiasaan. Adakah ini satu tahaluf yang baru yang akan dijalin?

Cuba kita bayangkan kalau kerjasama ini terjalin di antara parti dari komponen Pakatan Harapan dengan CPC, seperti hendak kiamat agaknya suasana di negara ini! Presiden AMANAH Mohamad Sabu pernah dituduh kononnya bersimpati dengan komunis tidak lama dahulu. Abu mayat Chin Peng, Setiausaha Agung Parti Komunis Malaya (PKM) diharamkan kerajaan dibawa masuk ke Malaysia untuk ditanam. Begitu takutnya Malaysia pada ideologi komunis yang telah mati dan tidak mempunyai kuasa lagi.

Hairannya kerajaan kita begitu mesra pula dengan China Komunis yang merupakan di-

antara kuasa tentera dan ekonomi agresif terbesar dunia hingga sanggup menggadai negara dengan menjual aset utama negara termasuk aset strategik seperti lapangan terbang tentera Sungai Besi dan menawarkan kontrak membina pelabuhan-pelabuhan utama di Kuantan, Johor Bharu, Melaka, Kelang dan Pulau Pinang.

Di manakah konsistensi kerajaan Malaysia? Kalau rakyat Malaysia keturunan China terutamanya dari DAP digambarkan sebagai ancaman kepada survival Melayu, kepada China Komunis negara kuasa besar asing dibukanya pula pintu negara seluas-luasnya peluang sehingga boleh menjadi risiko tinggi pada keselamatan dan kedaulatan negara.

Rupa-rupanya wang ringgit negara komunis boleh menjadi penawar kepada semua dosa ideologi komunis yang dahulunya digeruni. Bukankah umat Islam saudara kita di bahagian Barat negara China di Xinjiang sedang didiskriminasi, ditindas dan dibunuh beramai-ramai sejak begitu lama? Rekod hak asasi manusia negara China Komunis terhadap umat Islam warga mereka sendiri adalah amat buruk dan dilaporkan Pertubuhan Bangsa Bersatu (PBB).

Kaum Uighur beragama Islam di China di-

arang berpuasa dan banyak lagi sekatan ke atas penganut Islam dikenakan. Ini adalah dari ideologi komunis yang tidak membenarkan kebebasan beragama dan umat Islam adalah sasaran utama. Kini Umno dan Parti Komunis China menjalinkan kerjasama yang erat demi kepentingan kewangan. Adakah wang pelaburan negara China boleh membasuh bersih dan mensucikan darah umat Islam yang telah di tumpah oleh rejim parti komunis yang Umno makin mesra hari ini?

Kalau benar, betul lah "cash is king" dan ianya boleh menyelesaikan segala masalah dan dosa. China dari Parti Komunis negara asing memperoleh layanan dan keistimewaan yang lebih baik dari China rakyat warga Malaysia sendiri.

Adakah Umno berhasrat untuk bertahaluf dengan Parti Komunis China di peringkat antarabangsa dan dalam masa yang sama juga bertahaluf dengan Pas di dalam negara? Ini adalah konsep tahaluf yang sangat cangguh dan mengelirukan banyak pihak, terutamanya penyokong bawahan Pas. Parti itu adalah parti yang perlembagaannya mendukung Islam sementara CPC, parti komunis yang menghalang kebebasan beragama.



PENDAPAT RAJA BAHRIN SHAH

Tetapi kita mungkin tidak harus keliru lagi. Umno yang pekat dengan semangat nasionalisnya telah boleh 'memelayukan' Pas hingga menjadi lebih kebangsaan. Mungkin-mungkin Umno boleh pula 'memelayukan' Parti Komunis China pula? Atau mungkinkah Pas boleh membantu Umno 'mengislamkan' Parti Komunis China pula?

Tetapi adakah ini boleh dilakukan kerana ahli Parti Komunis China bukan Melayu! Bukankah pimpinan atasan Pas hari ini berpegang kepada konsep Islam-Melayu seperti Umno juga? Lainlah kalau Pas masih berpegang kepada konsep 'Pas for All' dan juga 'Islam for All' dari era Almarhum Tok Guru Nik Aziz Nik Mat yang kini telah hilang entah ke mana!

■ **Raja Bahrin Shah ialah Pengerusi Biro Antarabangsa AMANAH dan Ahli Parlimen Kuala Terengganu.**

Tian Chua tarik balik rayuan, pilih penjara

PUTRAJAYA: Ahli Parlimen Batu Tian Chua menarik balik rayuan beliau di Mahkamah Rayuan 29 Sept lalu dan sedia di-hukum penjara atas tuduhan melakukan pencerobohan di premis Pusat Latihan Polis Kuala Lumpur (Pulapol) pada 28 April 2012 setelah ditahan kerana menghadiri Himpunan Bersih.

Tian Chua yang juga Naib Presiden Keadilan menarik balik rayuannya ketika memberi kenyataan di kandang tertuduh.

Antara yang hadir di mahkamah ialah Ketua Pembangkang Dr Wan Azizah Wan Ismail, Naib Presiden Keadilan Nurul Izzah Anwar, Ketua Wanita Keadilan Zuraidah Kamaruddin, Timbalan Ketua AMK Dr Afif Bahardin, Exco Selangor Elizabeth Wong, Ahli Parlimen Tumpat Datuk Kamarudin Jaffar dan Adun Rawang Gan Pei Nei.

Ketika berucap, Tian Chua menyifatkan hukuman yang diterima olehnya sebagai 'amat tidak munasabah' kerana beliau sememangnya berada di dalam kawasan PULAPOL setelah ditahan bersama ratusan yang lain kerana menghadiri Himpunan Bersih.

"Akibat dari itu, saya telah didapati bersalah oleh Mahkamah Sekyen pada 24 Januari 2014 dan dijatuhkan hukuman penjara satu bulan dan denda RM1,000.

"Penyertaan saya di dalam Bersih adalah sebahagian dari perjuangan cukup lama untuk menegakkan Malaysia yang lebih

adil dan lebih baik.

"Matlamat Bersih adalah untuk menggesa dilaksana reformasi ke atas sistem pilihan raya kita yang cukup berat sebelah," ujar beliau.

Tian Chua menambah, kerajaan yang benar-benar demokratik tidak takut kepada kritikan umum dan demokrasi perlu sentiasa toleran terhadap perbezaan pendapat kerana melalui 'kebingitan' ini masyarakat akan maju menerusi proses reformasi.

"Sebuah kerajaan yang berintegriti tidak patut menggunakan agensi penguatkuasaan untuk menzalimi mereka yang tidak bersependapat dengan pemerintah," tegasnya.

Menurut beliau, undang-undang digubal untuk menjaga kebajikan rakyat dan menjamin kebebasan, kesaksamaan dan maruah rakyat, namun ia telah menjadi alat para penzalim yang telah digunakan untuk menakutkan rakyat.

"Hari demi hari, korupsi dan salah guna kuasa rejim disaksikan ramai rakyat. Namun rejim ini terus bertahan, dibantu sistem pilihan raya yang cukup bermasalah. Rejim jelas mahu terus memegang kuasa dengan menyebar kebencian dan syak wasangka di dalam negara tercinta kita ini," katanya.

Tian Chua menambah, rakyat mahukan prinsip keadilan dan kebebasan ditegakkan dalam negara dan kebebasan bersuara

untuk menyatakan pandangan tanpa rasa takut.

Hak ini, katanya termaktub di dalam perlembagaan persekutuan — bahawa semua warga-negara berhak mengkritik, bersuara, bergerak bebas, dan memastikan pihak berkuasa mengambil tanggung jawab di atas segala yang mereka lakukan.

"Sekiranya harga mengubah sistem yang zalim dan korup ini bermakna saya perlu ke penjara, maka saya amat bersedia membayarnya. Pada masa yang sama, saya ingin tekankan bahawa saya ke penjara tidak bermakna saya mengaku bersalah. Sebenarnya, saya mahu menentang kesalahan-kesalahan kerajaan ini, dan saya gesa seluruh rakyat Malaysia agar tidak berasa takut dengan para penzalim ini.

"Yang Arif-Yang Arif. Dengan penuh hormat, saya ingin memaklumkan mahkamah ini bahawa saya menarik balik rayuan saya.

"Akhir kata, inilah pesanan saya buat semua rakyat Malaysia di luar sana: Terima kasih di atas sokongan dan dokongan. Terus berjuang menegakkan keadilan. Kita tidak akan dan tidak perlu takut kerana kita berada di landasan yang benar! Tembok penjara tidak akan menghalang kita dari mencapai perubahan!" ujarnya.

Dalam perkembangan berkaitan, Presiden AMANAH Mohamad Sabu mengucapkan syabas kepada Tian



Chua yang sedia untuk dihukum penjara.

Beliau berharap perjuangan Tian Chua dan pembangkang yang lain akan terselah tidak lama lagi.

"Semoga regim kleptokrasi akan ditumbangkan melalui kebangkitan rakyat dalam pilihan raya yang akan datang," katanya dalam satu kenyataan.

Mohamad mengakui mengenali Tian Chua sejak bergerak dalam NGO.

"Apabila setiap kali himpunan nak diadakan, Tian Chua muncul untuk memberikan pandangan-

pandangan dalam mesyuarat, bahkan turut terlibat secara aktif di setiap himpunan.

"Dari himpunan Bersih 1 sampai-lah ke Bersih 5, Tian Chua tidak pernah ketinggalan, dan jika saya dipilih sebagai komander himpunan, Tian Chua adalah timbalannya.

"Kami saling berganding bahu turun ke jalan raya mengadakan himpunan menuntut pilihan raya yang bersih, kehakiman yang luhur, iaitu kami usahakan melalui himpunan rakyat secara aman," katanya.

Kanun sokong saranan Sultan bendung budaya 'Taliban'

KUALA LUMPUR: Biro Undang-Undang (Kanun) Parti Amanah Negara menyokong pandangan Sultan Johor bahawa sifat ekstremis dan 'taliban' tidak mempunyai tempat di Malaysia dan gejala seperti ini harus dibendung sebelum ianya berkembang biak.

Sehubungan itu, Kanun menyarankan agar para ulama dapat menyebar luas fahaman dan amalan Fiqh Al-Muwatnah (Fikah Kewarganegaraan) dan Fiqh Al-Waqi' (Fikah yang berubah dan berbeza mengikut realiti setempat) yang kedua-duanya sangat relevan bagi masyarakat majmuk di Malaysia.

Ahli Jawatankuasa Pengguna, Pekerja & Alam Sekitar Kanun, Mazwan Johar berkata penggunaan dua konsep fikah itu adalah berdasarkan kaedah syarak dengan mengambil kira masalah (kebajikan dan kebajikan) dan Maqasid al-Syariah (objektif syariah) untuk mewujudkan keharmonian di Malaysia.

"Kanun menyanjung tinggi titah Sultan Johor Sultan Ibrahim Sultan Iskandar berkaitan sebuah kedai dobi di Muar yang menyalahgunakan orang Islam sahaja

kerana dikhuatiri kain basuhan bercampur dengan najis mughallazah (najis berat iaitu anjing dan khinzir)," ujar beliau.

Sultan Johor dilapor menyifatkan tindakan pengusaha dobi itu sebagai 'karut' dan bertentangan dengan realiti negeri Johor.

Sultan Ibrahim juga mengingatkan Johor adalah negeri yang progresif, moden dan sederhana dan bukan sebuah 'negara Taliban'.

Sebagai ketua Islam di Johor, baginda menyifatkan tindakan pengusaha dobi itu sebagai tidak boleh diterima kerana ianya bersifat ekstremis.

Mengulas lanjut, Mazwan berkata semua warganegara Malaysia perlu belajar hidup dalam kepelbagaian (diversity) dan saling menyokong antara pelbagai kaum dan agama sesuai dengan firman Allah SWT dalam Surah Ar-Rum, ayat 22 yang menyebut bahawa perbezaan bahasa dan warna kulit di kalangan manusia sebagai bukti kekuasaan dan kebijaksanaan Allah SWT.

Menurutnya, walaupun Kanun kebijaksanaan Allah SWT.

Menurutnya, walaupun Kanun

tidak membelakangkan pendapatsetengah ulama yang berpegang dengan pendapat yang ketat berkaitan hukum najis mughallazah, namun wujud pendapat ulama yang lebih sesuai dengan realiti masyarakat majmuk di negara ini.

Oleh itu, pihaknya menaruh harapan tinggi kepada Sultan dan Raja Melayu sebagai ketua agama Islam negeri-negeri supaya menitahkan Majlis Agama Islam negeri-negeri untuk menganjurkan seminar dan dialog antara kaum.

"Kanun juga menyokong pandangan DYMM Sultan Johor bahawa pandangan yang bersifat ekstremis dan 'Taliban' tidak mempunyai tempat di Malaysia dan gejala seperti ini harus dibendung.

"Kanun menyatakan pandangan DYMM Sultan Johor itu selaras dengan firman Allah SWT dalam surah Al-Ruum. Inilah juga yang menjadi asas perjuangan dan kewujudan Parti Amanah Negara iaitu bagi mewujudkan masyarakat yang Amanah, Progresif dan Peduli," ujar Mazwan.

Kit Siang jemput SPRM ke himpunan anti-kleptokrasi

TAMPOI: Ketua Parlimen DAP Lim Kit Siang mempelawa Ketua Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) Tan Sri Dzulkipli Ahmad hadir ke Perhimpunan Sayangi Malaysia Hapuskan Kleptokrasi pada 14 Oktober depan.

Ahli Parlimen Gelang Patah itu berkata, pada perhimpunan itu Dzulkipli perlu menjelaskan bagaimana institusi itu mampu membanteras rasuah dan menjelaskan pendirian berhubung skandal 1MDB.

"Kalau sekretariat Pakatan Harapan (PH) setuju, kita jemput Dzulkipli datang ke perhimpunan 14 Oktober ini untuk jelaskan kepada rakyat bagaimana SPRM berusaha hapuskan kleptokrasi 1MDB.

"Kita tunggu Dzulkipli sama ada dia rela untuk datang dan jelaskan bagaimana dia boleh lawan kleptokrasi," katanya di pelancaran PH Johor di Dataran Taman Dahlia, dekat sini, 29 Sept lalu.

Perhimpunan anjuran PH 14

Oktober ini akan diadakan di Petaling Jaya bagi menjelaskan kepada rakyat mengenai isu 1MDB.

Terdahulu, Kit Siang dalam satu kenyataan berkata, orang ramai sedang menilai pendirian Dzulkipli mengenai skandal 1MDB.

"Dzulkipli harus menyedari bahawa jika dia bertindak seperti monyet yang mempunyai mata tetapi tidak melihat, ada telinga tetapi tidak mendengar dan mulut tetapi tidak berbicara mengenai skandal 1MDB, beliau akan menjadikan SPRM sebagai agensi antirasuah kleptokratik pertama di dunia," katanya.

Kit Siang mengulas kenyataan Dzulkipli yang mendakwa rakyat akan menghakimi komitmen serta kesungguhan pembangkang membasmu rasuah dan salah guna kuasa ekoran keengganan mereka memberi keizinan kepada SPRM meneliti senarai calon-calon pilihan raya.

Bank Negara perlu **guna kuasa penuh** ke atas 1MDB

PETALING JAYA: Bank Negara perlu menggunakan sepenuhnya kuasa yang diperuntukkan di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 terhadap syarikat pelaburan negara yang bermasalah, 1MDB untuk berlaku adil kepada rakyat.

Sehubungan itu Presiden Pakatan Harapan (PH) Datuk Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail melahirkan rasa terkejut dengan tindakan Bank Negara mengenakan denda berjumlah RM115.8 juta kepada 1MDB kerana gagal mematuhi Akta Perkhidmatan Kewangan 2013.

"Secara logiknya, jika Bank Negara

Malaysia sudah pun mengenakan denda sehingga RM115.8 juta ke atas 1MDB, itu bermakna berlaku banyak pelanggaran undang-undang dalam urusan 1MDB.

"Sudah tentu urus niaga dan tindakan yang melanggar undang-undang ini dibuat atas arahan seseorang atau sesuatu pihak kerana 1MDB bukanlah satu makhluk yang bertindak sendiri," katanya dalam sidang media di Ibu Pejabat Keadilan, dekat sini, 28 September lalu.

Beliau berkata demikian sebagai mengulas jawapan Bank Negara terhadap memorandum daripada PH yang memohon siasatan terhadap

skandal 1MDB dibuka semula.

Menurut Presiden Keadilan itu, setakat ini Bank Negara hanya menggunakan kuasa di bawah Fasal 234(3)(b) untuk mendenda 1MDB dan entiti-entiti berkaitan.

"Malangnya tindakan mengenakan denda ke atas 1MDB sebenarnya samalah seperti mendenda rakyat Malaysia kerana segala tanggungan hutang dan denda ke atas 1MDB kini ditanggung oleh rakyat Malaysia," katanya.

Beliau juga ingin mendapat kepastian sama ada baki berjumlah RM62.1 juta yang telah dikenakan sudah dibayar atau tidak dan siapa

yang telah membayarnya.

"Dari denda berjumlah RM115.8 juta ini, laporan media ada menyebut bahawa RM53.7 juta telah dikenakan terhadap AmBank kerana melanggar Akta Perkhidmatan Kewangan 2013 dan Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013.

"Jika 1MDB atau entiti berkait 1MDB yang membayarnya, ini bermakna sudahlah rakyat Malaysia menjadi mangsa penyelewengan dana rakyat di dalam 1MDB, kini rakyat Malaysia terpaksa juga menanggung denda yang dikenakan ke atas 1MDB," katanya.

Justeru beliau akan membuat

laporan polis untuk membolehkan Bank Negara Malaysia menyiasat Datuk Seri Najib Razak sebagai Pengerusi Lembaga Penasihat 1MDB, ahli-ahli lembaga pengarah 1MDB (dahulu dan sekarang) serta pengurusan kanan 1MDB (dahulu dan sekarang) di bawah Fasal 234(5).

"Perlu diingatkan bahawa pada ketika pelbagai dakwaan terhadap 1MDB ini berlaku, Artikel 117 dalam Memorandum dan Artikel Penubuhan Syarikat (M&A) 1MDB menyatakan bahawa sebarang komitmen kewangan 1MDB memerlukan kebenaran bertulis Perdana Menteri Datuk Seri Najib Razak," katanya.

Dua dari tujuh remaja hadapi 23 tuduhan membunuh

KUALA LUMPUR: Dua daripada tujuh suspek remaja yang ditahan berhubung dengan kebakaran di sebuah pusat tahfiz di ibu negara, masing-masing didakwa dengan 23 tuduhan membunuh di Mahkamah Majistret Kuala Lumpur hari ini.

Pertuduhan dibuat mengikut Seksyen 302 Kanun Keseksaan yang memperuntukkan hukuman mati mandatori, jika sabit kesalahan.

Mengikut kertas pertuduhan, kedua-dua suspek berusia 16 tahun itu juga didakwa mengikut Seksyen 34 Kanun Keseksaan. Tarikh sebutan akan datang bagi kes itu ditetapkan pada 28 Nov.

Tiada sebarang pengakuan direkodkan di hadapan Majistret Siti Radziah Kamarudin, lapor Malaysiakini.

Sejumlah 21 pelajar dan dua guru yang bertugas sebagai warden pusat tahfiz itu maut apabila asrama yang terletak di tingkat tiga bangunan pusat tahfiz Ittifaqiyah terbakar pada kira-kira 5.15 pagi pada 14 September lalu.



Waris pelajar terkorban dan petugas media keluar dari kamar mahkamah seusai sebutan kes. Foto WAN ZAHARI SALLEH

Susulan kejadian tragik itu, polis menahan tujuh remaja berusia 11 hingga 18 tahun bagi membantu siasatan kes kebakaran itu dan semua mereka direman tujuh hari bermula 16 September 2017 lalu.

Di mahkamah berasingan, lima

suspek lain didakwa mengikut Seksyen 15 (1) Akta Dadah Berbahaya kerana dituduh menggunakan ganja dan syabu.

Dua daripada mereka mengaku bersalah manakala tiga yang lain mengaku tidak bersalah.

Umno-BN digesa telus urus dana awam

KUALA LUMPUR: Kerajaan BN digesa bersikap telus dalam mengurus dana awam bagi mengelak wang rakyat secara berterusan digunakan untuk kepentingan pihak tertentu.

Pengerusi Keadilan Terengganu Azan Ismail berkata, tabungan rakyat perlu dijaga ketika prestasi kewangan negara kian merudum ketika ini.

"Apakah sebarang kewajaran untuk kerajaan membantu ekonomi Amerika Syarikat (AS) ketika rakyat sendiri mengharapkan ekonomi negara dipulihkan memandangkan semakin hari semakin terhimpit dengan kenaikan kos sara hidup.

"Adakah negara sedang mengambil risiko besar menerusi penggunaan dana Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP)? Adakah kita yakin pelaburan KWSP di luar negara akan berjaya?"

"Adakah begitu perlu untuk melabur sehingga berbilion ringgit, di mana di dalam negara sendiri sangat memerlukannya sebagai

keperluan penting yang sama," soalnya dalam satu kenyataan.

Azan yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) Bandar mengulas mengenai lawatan Perdana Menteri ke Amerika Syarikat baru-baru ini.

Dalam pertemuan dengan Presiden Donald Trump di Rumah Putih, Datuk Seri Najib Razak menyatakan kesediaan KWSP untuk melabur dalam pembangunan infrastruktur AS.

"Suasana pertumbuhan global yang tidak memberansangkan, perubahan polisi kewangan ekonomi utama dunia, kejatuhan harga minyak dan nilai ringgit yang lemah sudah semestinya akan menjejaskan pendapatan KWSP.

"Hal ini boleh dilihat apabila KWSP telah mengisytiharkan pembayaran dividen bagi tahun 2016 yang terendah sejak 2010 iaitu 5.70 peratus berbanding 6.40 peratus pada 2015 dan 6.75 peratus pada 2014," jelasnya.

Wan Ji dilantik pegawai penerangan Pejabat KM P. Pinang

GEORGETOWN: Penceramah bebas dan aktivis Angkatan Muda Keadilan (AMK), Ustaz Wan Ji Wan Hussin dilantik pegawai penerangan Pejabat Ketua Menteri Pulau Pinang.

Wan Ji melafaz sumpah terimaan jawatan di hadapan Ketua Menteri, Lim Guan Eng disaksikan Exco Hal Ehwal Agama, Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Datuk Abdul Malik Abul Kassim dan Penasihat Strategik Ketua Menteri Datuk

Saifuddin Nasution Ismail.

Ustaz Wan Ji ialah lulusan dari beberapa institusi pendidikan agama dalam dan luar negara.

Beliau mendapat pendidikan awal di Institut Pendidikan al-Balaghul Mubin, Pasir Mas Kelantan sebelum melanjutkan pengajian di Pondok Lubuk Tapah, Kelantan; Karachi, Pakistan; Universiti Al-Azhar, Mesir (Syariah) dan Universiti Malaysia Kelantan (Kesusasteraan).

Ketika ditemui, Wan Ji berharap

kerajaan Pakatan Harapan Pulau Pinang terus melaksanakan usaha pembaikan demi kepentingan rakyat selaras dengan saranan Al-Quran.

Menurutnya, kerajaan negeri telah menunjukkan komitmen terhadap masyarakat Melayu dan Islam.

"Saya melihat Pulau Pinang melakukan banyak kebaikan untuk rakyat, terutama kepada orang Melayu dan Islam, dan saya berasa kebaikan ini wajar diteruskan," lapor Buletin Mutiara.



Wan Ji melafaz ikrar terimaan jawatan di hadapan Guan Eng di Menara Komtar sambil disaksikan Saifuddin (kiri).

'Kedudukan' dan 'hak' istimewa Melayu berbeza

KUALA LUMPUR: Kedudukan istimewa orang Melayu dan Bumiputera tidak boleh diganggu gugat oleh mana-mana pihak kerana ia termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan.

Sekiranya ada pihak yang mempertikaikan kedudukan istimewa orang Melayu, ia lebih kepada ketidakpuasan hati terhadap kegagalan dasar-dasar khusus yang digubal kerajaan untuk membantu kemajuan orang Melayu dan bumiputera terutama di bidang ekonomi dan pendidikan.

Menurut peguam Dr Zulqarnain Lukman, ramai yang terkeliru antara 'kedudukan istimewa orang Melayu' dalam perlembagaan dengan 'hak istimewa orang Melayu'.

"Dalam perlembagaan disebut 'kedudukan istimewa orang Melayu' yang tidak menjadi satu 'hak'. Terdapat 'hak' yang dilindungi dalam perlembagaan dan ada dalam akta lain. Hak sivil, hak politik, hak beragama dan semua sekali hak yang sepatutnya diperoleh seorang manusia.

"Itu yang kita katakan sebagai seorang warganegara mereka ada hak. Ini kerana ia dilindungi dalam perlembagaan dan akta-akta lain. Ada juga hak yang tidak diberikan dalam perlembagaan seperti hak pekerja, ia ada dalam Akta Pekerja," jelas beliau.

Sehubungan itu, jelas beliau 'hak kewarganegaraan' adalah berbeza dengan 'kedudukan istimewa orang Melayu' yang ditetapkan dalam per-

“ Dalam perlembagaan disebut ‘kedudukan istimewa orang Melayu’ yang tidak menjadi satu ‘hak’ . Terdapat ‘hak’ yang dilindungi dalam perlembagaan dan ada dalam akta lain.”

lembagaan.

Dalam slot wawancara dengan Media Oren, Dr Zulqarnain mengulas kerisauan sesetengah pihak bahawa kedudukan istimewa orang Melayu akan terhapus jika BN yang ditunjangi Umno tidak lagi menerajui negara.

Mengulas lanjut mengenai kedudukan istimewa orang Melayu dan Bumiputera yang termaktub dalam Perkara 153 Perlembagaan Persekutuan, Dr Zulqarnain berkata perbincangan berkaitan kedudukan istimewa orang Melayu sepatutnya berkisar kepada kegagalan dasar-dasar kerajaan yang diperkenalkan khusus untuk orang Melayu.

Menurutnya, dalam tempoh 60 tahun pemerintahan BN, kerajaan telah memperkenalkan Dasar Ekonomi Baru (DEB), Wawasan 2020 dan terkini Transformasi Nasional 2050 (TN50), namun sejauh mana kejayaan dasar-dasar itu membantu orang Melayu berbanding kaum-kaum lain.

"Ini yang menimbulkan perasaan tidak puas hati bangsa lain. Kalau dibantu orang Melayu sekiranya dapat mengubah purata kedudukan orang Melayu berjaya ditingkatkan, saya tidak

fikir bangsa lain akan pertikai," ujarnya.

Beliau menjelaskan, ketika Suruhanjaya Reid menggubal perlembagaan, kedudukan ekonomi orang Melayu dan Bumiputera di Sabah dan Sarawak lebih rendah berbanding bangsa lain.

Suruhanjaya Reid, ujarnya mencadangkan diwujudkan peruntukan khas bagi membantu orang Melayu dan Bumiputera yang kini termaktub dalam Perkara 153 Perlembagaan Persekutuan.

Tambah beliau, tiga perkara membabitkan 'kedudukan istimewa' orang Melayu dan Bumiputera dalam perlembagaan adalah perjawatan dalam perkhidmatan awam melalui kuota khusus; biasiswa dan bantuan pelajaran; dan permit perniagaan.

"DEB menyasarkan 30 peratus pencapaian ekonomi orang Melayu tetapi mengikut laporan ia tidak tercapai, begitu juga dengan Wawasan 2020 kenapa ia masih dilihat gagal mengubah nasib orang Melayu?"

"Jika dilihat dari kedudukan istimewa orang Melayu dalam perkhidmatan awam, majoriti orang Melayu

dan ada kuota perjawatan dibuka kepada bukan Melayu tetapi mereka tidak berminat.

"Manakala biasiswa sudah ada PTPTN (Pinjaman Tabung Pendidikan Tinggi Negara) yang diberikan sama rata kepada semua bangsa. Manakala biasiswa satu keistimewaan tetapi sudah disub kepada syarikat berkaitan kerajaan (GLC) seperti biasiswa Petronas," katanya.

Dr Zulqarnain juga mempersoalkan jumlah biasiswa kerajaan yang diberikan kepada orang Melayu dan Bumiputera dan permit import (AP) kereta yang diberikan kepada usahawan Melayu Bumiputera.

Malah katanya, sistem vendor yang banyak memberikan keutamaan kepada usahawan Bumiputera terjejas apabila projek kereta nasional khususnya Proton bermasalah.

"Ini menunjukkan walaupun sesuatu dasar dibuat kerajaan itu bagus, namun kepincangan dalam pelaksanaannya mengakibatkan ketirisan,

salah guna kuasa dan nepotisme," ujarnya.

Sehubungan itu, beliau yang juga ahli jawatankuasa Biro Undang-undang (Kanun) AMANAH berkata, dakwaan sesetengah pihak kononnya kedudukan istimewa orang Melayu akan terhapus jika Pakatan Harapan mengambil alih pemerintahan negara adalah meleset kerana pindaan terhadap peruntukan perlembagaan perlu mendapat 2/3 undi majoriti di Dewan Rakyat dan diperkenan Raja-raja Melayu khususnya Yang di-Pertuan Agong.

"Saya tidak fikir ada masalah dengan Perkara 153, yang jadi masalah apabila kita menafikan hak bangsa lain yang sepatutnya mereka dapat," ujarnya.

Justeru beliau berpandangan, Pakatan Harapan harus memperjuangkan 'hak keistimewaan' rakyat yang susah dan terpinggir berbanding menyentuh isu berkaitan 'kedudukan istimewa orang Melayu dan Bumiputera' yang sudah termaktub dalam perlembagaan.

SPRM disaran 'teliti' bakal calon terbabit skandal 1MDB

DAP sedia membenarkan calon-calonnya diteliti Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) jika ia bersedia mencadangkan agar calon-calon yang terlibat dalam skandal 1MDB dilarang daripada bertanding pada pilihan raya umum (PRU) akan datang.

Mengulas tawaran Ketua Pesuruhjaya SPRM, Datuk Dzulkifli Ahmad untuk meneliti calon-calon parti politik dalam PRU ke-14 supaya tidak dicemari rasuah dan salah guna kuasa, Kit Siang berkata pihaknya tidak teruja dengan hal tersebut, memandangkan suruhanjaya terbabit masih berhadapan skandal 1MDB yang belum selesai.

"Skandal 1MDB adalah ujian bagi SPRM dan Dzulkifli bagi menunjukkan sama ada mereka benar-benar serius, bebas, tidak memihak dan profesional dalam membanteras rasuah.

"Atau sebaliknya sekadar 'makhluk' yang digunakan oleh pihak yang memegang kuasa untuk menutup rasuah dan kleptokrasi mereka," ujar Ahli Parlimen Gelang Patah itu.

Dzulkifli dilaporkan berkata, sehingga kini hanya BN yang memberikan senarai calon untuk diteliti SPRM.

Pusat digesa segerakan peruntukan projek tebatan banjir

KERAJAAN Persekutuan diminta memberikan peruntukan untuk projek tebatan banjir bertujuan mengurangkan risiko banjir di Pulau Pinang.

Bekas Speaker Dun Pulau Pinang Datuk Abdul Halim Hussain berkata, sebagai negeri yang menyumbang purata RM7 bilion cukai tahunan kepada Kerajaan Pusat, Pulau Pinang wajar diberikan peruntukan yang munasabah bagi pembangunan negeri itu.

Ini katanya termasuk peruntukan bagi pengurusan dan pemeliharaan alam sekitar.

Pengurusan banjir dan pembangunan yang seimbang, ujar beliau patut menjadi fokus dan tanggung jawab kerajaan supaya rakyat dapat hidup dalam keadaan tenang tanpa memikirkan risiko menghadapi bahaya banjir.

Jemputan pesta tanglung dua wakil rakyat Pas dibatal

KUALA LUMPUR: Kerana menghormati pendirian Pas yang sensitif dengan minuman beralkohol khususnya kontroversi membabitkan Better Beer Festival, Persatuan Penduduk Bandar Mahkota Cheras telah membatalkan jemputan dua wakil rakyat Pas ke pesta tanglung anjuran badan penduduk itu.

Surat berhubung pembatalan jemputan itu dilapor dihantar kepada Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) Dusun Tua Razaly Hassan dan Ahli Parlimen Hulu Langat Dr. Che Rosli Che Mat.

Menurut sumber, pembatalan jemputan kepada dua wakil rakyat Pas itu dibuat atas dua sebab iaitu isu keselamatan dan minum beralkohol.

"Sebarang kesulitan yang berlaku amat dikesali pihak kami," kandungan surat itu dipetik.

Beberapa pemimpin Pas sebelum ini mendesak agar pesta arak atau Bet-

ter Beer Festival yang dijadual diadakan di ibu negara dibatalkan antaranya kerana bimbang ianya menjadi 'pesta maksiat'.

Malah pesta arak itu juga dikhuatiri menjadi sasaran kumpulan pengganas seperti Daesh (ISIS) yang boleh mengugut keamanan negara.

Pas Selangor juga telah mengadakan pertemuan dengan Datuk Bandar Petaling Jaya, Datuk Mohd Azizi Mohd Zain mendesak Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) menolak permohonan penganjuran Better Beer Festival.

Menurut Setiausaha Dewan Ulamak Pas Selangor Muhammad Najhan Halim, pihaknya menyuarakan bantahan terhadap permohonan penganjuran pesta arak sebagai tanggung jawab sosial dan mewakili masyarakat prihatin di negeri Selangor.

"Pas amat konsisten berkaitan isu pesta arak, sejak dari tahun 2014 lagi

telah membantah penganjuran ini. Pandangan Pas jelas iaitu menolak aktiviti minum arak secara berpesta tanpa menolak hak mengkonsumsi arak di kalangan bukan Islam.

"Ini kerana membudayakan pesta arak adalah bertentangan dengan cara hidup rakyat Malaysia," katanya.

Bantahan penganjuran pesta arak itu turut disuarakan empat Ahli Majlis Pas di MBPJ.

Pertemuan dengan Datuk Bandar itu dihadiri beberapa pemimpin Pas negeri.

Selepas permohonan mengadakan Better Beer Festival 2017 ditolak Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL), pihak penganjur bercadang memindahkan lokasi pesta ke One Utama, Bandar Utama, Selangor.

MBPJ dilapor tidak meluluskan permohonan itu atas sebab-sebab teknikal.



Foto AMNI JAGAT

TAMPOI: Pengerusi Pakatan Harapan (PH) Negeri Johor Tan Sri Muhyiddin Yassin mengisytiharkan negeri itu sebagai "negeri barisan hadapan" PH bagi menumbangkan BN pada pilihan raya umum ke-14 (PRU14).

Beliau optimis BN akan tumbang di seluruh negara jika Johor berjaya dimenangi PH memandangkan negeri itu sebelum ini terkenal sebagai kubu kuat Umno-BN.

"Johor barisan hadapan PH seluruh negara. Jika Johor tumbang, Barisan Nasional pasti tumbang untuk kita ambil alih Putrajaya," katanya di pelancaran PH Johor di Dataran Taman Dahlia, dekat sini, 29 Sept lalu.

Bekas Menteri Besar Johor itu juga berkata, BN gugup melihat kebangkitan PH di Johor kerana sedar negeri itu bukan lagi kubu kuat Umno.

"Kepada ahli-ahli Umno yang berada di belakang sana, saya alu-alukan kedatangan saudara-saudari. Di pentas ini kita ada salah seorang penyokong setia Umno, Tun Dr Mahathir Mohamad.

"Pada 22 tahun pentadbiran Dr Mahathir, kita diiktiraf sebagai antara negara paling membangun di rantau ini," katanya.

Justeru beliau menyeru rakyat Johor supaya bersatu dan bekerjasama dengan PH bagi menggantikan kerajaan negeri pimpinan BN.

"Kita mengharapkan kubu Umno di Johor tumbang supaya kita boleh memerintah," katanya.

Ahli Parlimen Pagoh itu menambah gabungan pembangkang sedang menembusi masyarakat luar bandar dan golongan tani seperti di penempatan Felda.

Johor barisan hadapan PH tumbang

Ribuan rakyat menghadiri majlis pelancaran PH Johor di Tampoi, 29 Sept lalu.



Tun Mahathir selaku Pengerusi PH melancarkan PH Negeri Johor dengan diiringi para pemimpin utama PH.



Tun Mahathir berucap mengulas perkembangan mutakhir politik negara.

Ribuan rakyat Johor setia mendengar ucapan para pemimpin PH.



Madapan kan BN



Pengarah Pilihan Raya PH Johor yang juga Timbalan Presiden AMANAH, Salahuddin Ayub sedang berucap.



Tun Mahathir asyik meneliti aturcara majlis.



Barisan pimpinan PH termasuk Tun Mahathir di pentas utama.

Pemuda AMANAH tuntutan gaji penjawat awam relevan

Kelolaan **ARIF ATAN**

PENDAPATAN yang diperoleh penjawat awam khususnya kategori 40 peratus isi rumah berpendapatan terendah (B40) melibatkan seramai 62,000 tidak selari dengan tekanan ekonomi dan kos sara hidup pada masa ini, tegas Ketua Pemuda AMANAH Nasional, Mohd Sany Hamzan.

Menyambut baik gesaan Kesatuan Pekerja-pekerja Dalam Perkhidmatan Awam (Cuepacs) berhubung kenaikan kadar gaji penjawat awam, beliau berkata, ramai dalam kalangan mereka terpaksa memikirkan sumber pendapatan sampingan bagi menampung kekurangan.

"Keadaan ini sangat tidak baik dan akan memberi kesan yang besar kepada kualiti serta mutu



Mohd Sany Hamzan

kerja. Bagi Pemuda AMANAH Nasional, penjawat awam pada ketika ini berdepan dengan situasi yang sangat mencabar akibat kegagalan kerajaan pada hari ini dalam mengurus tadbir negara dengan baik.

"Kadar gaji yang mereka perolehi tidak lagi relevan dengan keadaan semasa negara terutama selepas pelaksanaan cukai barangan dan perkhidmatan (GST)," ujarnya dalam satu kenyataan.

Kongres Cuepacs baru-baru ini menggesa kerajaan mempertimbangkan insentif dua kenaikan gaji tanpa mengira kumpulan pekerjaan dan pangkat.

Sehubungan itu, Pemuda AMANAH Nasional, jelasnya, merasakan gesaan Cuepacs itu amat bertepatan dan wajar diambil perhatian oleh kerajaan kerana diyakini cukup mampu melaku-

kannya jika pentadbiran negara bebas rasuah dan penyelewengan.

Dalam perkembangan sama, pihaknya turut menuntut agar kerajaan mengkaji semula kadar gaji minima pekerja sektor swasta di negara ini agar relevan dengan situasi ekonomi semasa.

"Pekerja sektor swasta utamanya sangat mengharapkan nasib mereka diambil perhatian. Pakatan Harapan sangat komited untuk memastikan penjawat awam dan pekerja sektor swasta meraih pendapatan setimpal dan selari dengan kos kehidupan di negara ini.

"Nikmat yang dikurniakan oleh Allah terhadap Malaysia wajar dinikmati bersama seluruh rakyat dengan penetapan gaji yang sewajarnya," tambah Sany lagi.

Bantah salah guna sekolah

PEMUDA AMANAH Wilayah Persekutuan mengutuk sekeras-kerasnya tindakan tidak amanah dan tidak bertanggungjawab Menteri Wilayah Persekutuan, Datuk Seri Tengku Adnan Tengku Mansor menyalahgunakan premis sekolah, para guru dan pelajar di Presint 14 Putrajaya bagi tujuan politik kepartian sempit Umno.

Ketuanya, Nik Abdul Razak Nik Md Ridzuan berkata, tindakan terdesak Umno-BN itu jelas tergugat dengan kemaraan Pakatan Harapan sehingga sanggup mempolitikasikan institusi pendidikan secara terang-terangan.

Menurutnya, tindakan membodohkan pelajar dengan politik kepartian sempit dan memecah-belahkan seperti dilakukan menteri berkenaan tidak harus berlaku.

"Sebarang salah guna institusi pendidikan untuk tujuan politik kepartian baik oleh Kerajaan Persekutuan atau Kerajaan Negeri pimpinan Pakatan Harapan, semuanya harus ditolak dan



dilawan dengan tegas.

"Institusi pendidikan seharusnya bebas, tidak diperalatkan dan dipergunakan oleh mana-mana parti politik. Anak-anak bangsa Malaysia harus dididik dan diinspirasi untuk menjadi warga yang patriotik pada negara bukan pada mana-mana parti politik," tegasnya.

Pada 3 Oktober lalu, rakaman video tular memaparkan aksi Tengku Adnan yang juga Setiausaha Agung Umno sedang berjalan memeriksa kelas di sebuah sekolah di Presint 14 Putrajaya dengan murid dilihat menyanyikan lagu-lagu Umno.

Turut kelihatan pelbagai juadah termasuk pulut kuning berbentuk bendera Umno selain kedengaran laungan "Hidup Umno".

Mengulas lanjut, Nik Abdul Razak berkata, pihaknya mengalu-alukan sebarang inisiatif reformasi pendidikan untuk mencerdikkan pelajar di sekolah dengan ilmu politik tentang hak dan

tanggungjawab demokratik mereka sebagai rakyat Malaysia.

"Kami yakin pihak guru dan pentadbiran sekolah berkenaan juga tidak senang dengan tindakan mempolitikasikan sekolah tetapi mereka tiada pilihan kerana seperti dilaporkan, ia adalah arahan langsung daripada Kementerian Wilayah sendiri.

"Pemuda AMANAH Wilayah menggesa ibu bapa para pelajar rentas faham politik untuk turut membantah perkara ini. Pendidikan anak-anak kita tidak harus dicemarkan oleh politik kotor dan agenda peribadi mereka," tegasnya lagi.

Himpunan jana titik perubahan

TIMBALAN Ketua Pemuda AMANAH Nasional, Faiz Fadzil menyeru seluruh rakyat agar turun menghadiri Himpunan Sayangi Malaysia Hapus Kleptokrasi di Petaling Jaya, Selangor pada 14 Oktober ini.

Menurutnya, rapat di Padang Timur Majlis Bandaraya Petaling Jaya itu harus dianggap sebagai langkah awal untuk rakyat menjana titik perubahan yang lebih cerah selepas Pilihan Raya Umum ke-14 (PRU14).

"Kita wujudkan satu gelombang menolak Najib yang mencuri wang rakyat seterusnya menyelamatkan Malaysia daripada kekayaan negara ini terus dirompak.

"Kita mahu perubahan lebih baik selepas PRU14. Jadi, mari turun beramai-ramai, kita jadikan himpunan itu nanti sebagai himpunan rakyat kerana kita tidak mahu lagi kleptokrat terus berkuasa di negara ini," ujarnya di akhir Forum PRU14 & Masa Depan Malaysia, 1 Oktober lalu.

Terdahulu, beliau memberitahu Pakatan Harapan terus komited dengan polisi membela rakyat jika diberi mandat termasuk melaksanakannya tawaran 100 hari yang dikemukakan

sebelum ini.

"Kita di Pakatan Harapan mahu hapuskan GST tapi Najib bercakap GST di Malaysia jauh lebih rendah dari India. Cara perbandingan itu tidak adil dan tidak tepat.

"Tidak seperti BN, Pakatan Harapan akan membawa satu polisi yang meletakkan keutamaan kepada rakyat. Ini termasuklah iltizam kita dalam usaha membanteras rasuah," jelasnya dalam program anjuran AMANAH Rembau itu.

Mengulas lanjut, Faiz berkata, Umno sudah tidak mampu lagi membawa polisi yang mesra dan memelihara kebajikan rakyat walaupun tidak dinafikan sebelum ini masih banyak manfaat diperoleh daripada sebahagian dasar kerajaan.

"Bajet pendidikan dipotong. Dulu tiada, sekarang sudah ada PTPTN. Dulu kita dapat biasiswa sekarang sudah tidak ada.

"Dahulu tidak ada cukai-cukai yang menekan rakyat tapi hari ini kerajaan mengenakan cukai yang membebankan rakyat seperti GST," tambahnya lagi.



BIAR CERAH... Ketua Pemuda AMANAH Terengganu, Hasbie Muda menyantuni masyarakat setempat di Kerteh menyerahkan senaskhah akhbar Amanah kepada pengunjung pasar pagi di daerah itu sempena Program Dialog Santai bersama Pemuda AMANAH negeri, 29 September lalu.



DUDUK SEBARIS... Mengambil tempat sebagai moderator forum, Ketua Pemuda AMANAH Selangor, Abbas Azmi duduk sebaris dengan Naib Presiden AMANAH, Datuk Husam Musa; Setiausaha Organisasi DAP, Anthony Loke dan Ahli Parlimen Kapar, G. Manivannan sempena Majlis Hi Tea AMANAH Kuala Selangor, 30 September lalu.

Bukan petunjuk sokong BN tapi diugut

Kelolaan **ARIF ATAN**

PENGUASAAN kelompok mahasiswa pro-Aspirasi di Universiti Awam (UA) dalam keputusan Pilihan Raya Kampus (PRK) Sesi 2017/2018 sama sekali bukannya petunjuk kepada politik nasional, kata Pengerusi Mahasiswa AMANAH Nasional, Ahmad Fadhli Umar Aminolhuda.

Menurutnya, dominasi blok pelajar yang terlebih dahulu mendapat 'restu' pentadbiran universiti untuk bertanding dalam PRK selain digelar 'Umno Kampus' itu berkait rapat dengan impak ugutan dan ancaman.

"Keputusan PRK langsung tidak mencerminkan sokongan mahasiswa terhadap kerajaan khususnya BN dan Umno apatah lagi pada kepimpinan Datuk Seri Najib Razak.

"Ini jelas kerana mahasiswa mengundi dalam PRK bukan atas sentimen kepartian luar tetapi berdasarkan calon yang ber-



tanding bagi setiap kerusi sama ada umum atau fakulti.

"Ugutan dan ancaman kepada mahasiswa yang menyokong blok selain Aspirasi juga dilihat sangat memberikan kesan dalam keputusan PRK," jelasnya ketika dihubungi akhbar mingguan Amanah, 4 Oktober lalu.

Sehubungan itu, beliau tidak menolak kemungkinan taktik sama berupa ancaman akan dilakukan BN pada pilihan raya umum (PRU) akan datang.

"Jika mahasiswa cerdik pandai pun boleh terpengaruh dengan ancaman sebegini, bayangkan bagaimana pihak BN bakal memainkan strategi sama dalam mempengaruhi undi dalam PRU akan datang," tegasnya.

Mengulas pendedahan kurang 10 peratus atau hanya 2,700 daripada 30,000 pelajar UA berdaf-



Fadhli Umar

tar sebagai pengundi selepas didekati Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) pada Program Pendidikan Pengundi sejak Februari lalu, beliau berpendapat kadar celik siasah mahasiswa majoritinya terlalu rendah.

"Jelas, sindrom tidak mahu cakna politik sudah menjadi kritikal dalam kalangan mahasiswa.

Sikap mengambil ringan akan kepentingan undi adalah hasil dari isu permainan politik.

"Hal ini berlaku sama ada di pihak kerajaan mahu pun pembangkang yang seolah-olah hanya tahu bercakaran sesama mereka dan tidak memberikan solusi yang efektif seperti masalah pengangguran, kos sara hidup, perumahan dan sebagainya," ujar Ahmad Fadhli.

Penuntut jurusan undang-undang Universiti Islam Antarabangsa Malaysia (UIAM) itu berpendapat bukan sedikit mahasiswa dan golongan muda mula berpaling kepada kumpulan NGO dan NGI.

"Antaranya seperti PPIM (Persatuan Pengguna Islam Malaysia) dan Yusuf Azmi yang dilihat lebih meyakinkan dalam menyelesaikan satu masalah berbanding bergantung pada kerajaan.

"Sindrom ini akhirnya menyebabkan anak muda dan mahasiswa memandang rendah akan

kepentingan mendaftar undi apatah lagi mengundi," katanya.

Walau bagaimanapun, Mahasiswa AMANAH, jelasnya, mengajak warga kampus untuk mendaftar sebagai pemilih dan bersedia untuk mengundi dalam PRU akan datang.

"Undi PRU adalah sangat penting dalam menentukan masa depan negara. Lihat saja dalam konteks Britain di mana para pengundi muda menyesali tindakan mereka tidak turun mengundi pada referendum Brexit yang lalu.

"Akhirnya menyaksikan keputusan pilihan raya yang tidak disangka-sangka apabila Jeremy Corbyn hampir mengalahkan Theresa May.

"Jangan nasi sudah menjadi bubur, baru kita mahu mengengahkan hal yang sudah berlaku. Perubahan di tangan anak muda Malaysia," tambah Ahmad Fadhli lagi.

Pro-M UM dua kali makan diri?

SEJAK Pilihan Raya Kampus (PRK) pada 2015, status Universiti Malaya (UM) sebagai antara kubu kuat kumpulan Pro-Mahasiswa runtuh apabila blok Pro-Aspirasi atau pro-kerajaan menang besar.

Tindakan Pro-Mahasiswa (Pro-M) sebagai kumpulan yang cenderung kritikal kepada kerajaan memulaukan PRK pada tahun itu kerana tidak berpuas hati dengan ketelusan dan ketiadaan autonomi kepimpinan mahasiswa ibarat mengkamibus diri.

Sehinggalah keputusan PRK pada 28 September lalu, apabila Pro-Aspirasi UM dengan jenama Penggerak Mahasiswa menang 29 daripada 41 kerusi dalam pilihan raya Majlis Perwakilan Pelajar (MPP).

Gabungan Pro-M, yang terdiri daripada Angkatan Mahasiswa, Demokrat UM dan UM Association of New Youths (Umany) cuma menang tujuh kerusi manakala Neosiswa sebagai gerakan mahasiswa Islam menang tiga kerusi dan satu lagi dimenangi calon bebas.

Aktivis mahasiswa UM, Ganeshwaran Kana berpendapat keputusan pimpinan Pro-M memboikot PRK sebelum ini memang telah menyumbang kepada permulaan kemarau panjang Pro-M.

"Strategi atau langkah Pro-M dua hingga tiga tahun lepas telah gagal. Kononnya, dengan boikot berkenaan, HEP (Hal Ehwat Pelajar) akan lebih meng-

Mengikut Kolej			Mengikut Fakulti		
Kolej	Jumlah Peratus	Jumlah	Fakulti	Jumlah	Peratus
SOLEJ KEDAMIAN PERTAMA	441	57.27	770		
SOLEJ KEDAMIAN KEDUA	404	66.76	605		
SOLEJ KEDAMIAN KETIGA	485	75.08	646		
SOLEJ KEDAMIAN KEEMPAT	262	75.5	347		
SOLEJ KEDAMIAN KELIMA	454	56.61	802		
SOLEJ KEDAMIAN KEENAM	159	70.04	227		
SOLEJ KEDAMIAN KETUJUH	488	71.06	681		
SOLEJ KEDAMIAN KESAPTAHAN	336	69.5	482		
SOLEJ KEDAMIAN KESEPULUH	601	67	897		
SOLEJ KEDAMIAN KEDUA BELAS	73	65.77	111		
SWAN TUNKU CANSOLOR	1081	46.61	2319		
	1951	32.80	5907		

Keseluruhan Pelajar Ijazah Dasar		
Jumlah Keluar Mengundi	Peratusan Keluar Mengundi	Jumlah Keseluruhan Pengundi
6804		13804

Kurang 50 peratus penuntut UM keluar mengundi walaupun tempoh berakhir hanya lagi tiga jam pada 29 September lalu. Foto Edan Kon Hua En

hormati hak mahasiswa dan demokrasi kampus akan lebih subur.

"Saya pernah berhujah dengan kawan yang merupakan orang kuat Pro-M ketika itu tentang hal ini. Dia kata boikot akan berhasil, ia adalah risiko yang baik.

"Hakikatnya, tindakan itu hanya memakan diri. Pro-M mula hilang daripada arena politik kampus dan ini mewujudkan vakum yang telah diisi Penggerak," ujarnya.

Satu lagi strategi diambil, kemudiannya, jelas Ganeshwaran yang

hanya merugikan diri sendiri adalah pembubaran Pro-M sebelum 'diputar' dipanggil Angkatan Mahasiswa.

"Tindakan ini juga memakan diri kerana penjenamaan Pro-M telah dirugikan, dan akhirnya Angkatan bermula daripada kosong," ujarnya dipetik daripada kenyataan beliau di Facebook.

Menurutnya, Penggerak telah mula 'menyatukan' pengaruhnya dalam kampus UM dan membuktikan bahawa ia sebagai gerakan yang stabil dan mampu bertahan lama dengan aspirasi yang sama.

Sepintas NEWS

Guna kejuruteraan perisian

Tragedi kebakaran Pusat Tahfiz Darul Quran Ittifaqiyah mampu dielak daripada berulang dengan memanfaatkan sistem metamodel yang berasaskan kejuruteraan perisian.

Penyarah Kanan Fakulti Geoinformasi dan Harta Tanah, Dr Muhammad Najib Razali serta Dr Siti Hajar Othman dari Fakulti Komputeran, Universiti Teknologi Malaysia (UTM) berkata, setiap peringkat pengurusan bencana akan diperincikan mengikut aktiviti melalui sistem tersebut.

Menurut mereka, pengurusan bencana menggunakan konsep sistem metamodel adalah perancangan berasaskan pengetahuan dan berdasarkan aktiviti disenaraikan secara terperinci. "Ia bertujuan mengelak bencana atau meminimumkan impak bencana. Disyorkan aktiviti dalam metamodel disandarkan kepada undang-undang berkaitan sedia ada," dipetik baru-baru ini.

Sijil palsu UiTM

Satu sindiket dikesan menjual sijil palsu diploma, sarjana muda dan sarjana pada harga sehingga RM3,000 untuk digunakan oleh pembeli bagi memohon pekerjaan dalam sektor swasta.

Media tempatan baru-baru ini mendedahkan hanya sijil palsu dari Universiti Teknologi Mara (UiTM) dan Kolej Segi dijual oleh sindiket beroperasi dari Puchong, Selangor itu.

Sindiket tersebut didalangi individu dikenali sebagai Shafizal yang mempromosi penjualan sijil palsu bersama transkrip peperiksaan itu melalui pengiklanan di laman web dengan meminta orang ramai yang berminat menghubunginya melalui e-mel terlebih dahulu sebelum memperoleh nombor telefon untuk dihubungi.

"Ada lebih 30 bidang pengajian yang awak boleh pilih. Biasanya sijil yang paling laris ialah Pengajian Perniagaan," katanya kepada media tersebut.



Apa kita cari pada puisi?

KALAU kita baca puisi, apakah yang kita cari?

Atau apakah yang boleh kita cari pada puisi?

Saya tulis sebuah puisi bagi menjawab soalan itu, kerana saya sendiri pun telah lama bertanya soalan tersebut. Apakah yang kita cari pada puisi? Dan itulah juga judulnya puisi saya itu, yang mulai ditulis tahun 2004 dan baru sempurna pada tahun 2010. Jawapan awal saya melalui puisi itu ialah:

"Puisi itu bahasa terindah; bahasa itu maknanya, ceritanya, untuk dinikmati, dihayati, dimesrai, dicintai, dirindui, diulang-ulangi."

Dan kemudian saya jelaskan bahawa di dalam puisi kita umpama "mencari mutiara di lautan", atau "mencari cahaya dalam kegelapan."

Lalu saya katakan: "aku mencari sinar di tujuh petala langit; aku mencari cinta di tujuh belantara benua; kucari erti, kucari maksud, kucari ghairah, kucari indah ..." dan seterusnya.

Kemudian saya menjelaskan bahawa: "aku mencari pemberani yang lama hilang, Jebat yang sanggup memerahkan bumi Melaka dengan darah rakyat berjiwa hamba, atau anak-anak syahid di gurun gersang, sanggup meletupkan diri demi maruah; aku mencarinya dalam karya seni; seniman yang berani berdiri; berdiri di tengah-tengah rakyat, dengan kesenimanannya."

Dan di dalam puisi itu juga saya menjelaskan bahawa "puisi adalah bahasa yang tak kenal rasuah, tak kenal penipuan, tak kenal penyelewengan, tak kenal pura-pura atau munafik atau bacul bangsat keparat."

Itulah secara ringkasnya puisi bagi saya. Maksudnya apabila disebut puisi, perkara pertama yang perlu atau yang akan kita

temui ialah bahasa yang terindah. Dan "bahasa terindah" itu pula agak subjektif maknanya. Misalnya sebuah daripada puisi Usman Awang yang terkenal ialah "Pak Utih". Ayat pertama puisi ini: "Punya satu isteri mahu dakap sampai mati".

Apakah ayat itu indah bahasanya? "Punya satu isteri mahu dakap sampai mati". Ada orang bersetuju mengatakan ayat itu indah bahasanya, dan ada orang tak bersetuju. Namun walau bagaimanapun boleh dikatakan semua orang bersetuju bahawa puisi-puisi Usman Awang kebanyakannya adalah susunan kata-kata yang indah.

Dan puisi-puisi Usman Awang, sama seperti puisi-puisi Rendra (di Indonesia), yang terkenal dengan olahan ayat-ayat yang indah bahasanya itu, adalah mudah difahami makna dan maksudnya.

Jadi saya berpegang kepada asas dan prinsip itu. Puisi bukanlah 'ayat-ayat sastera' yang susah difahami maksudnya. Bagi saya yang penting daripada puisi, atau apa pun karya sastera, ialah kesannya kepada pembaca. Ia mestilah berkesan, sama ada melalui mesejnya, susunan bahasanya, ceritanya, atau bentuk atau teknik persembahannya.

Maka apabila saya diminta membicarakan buku puisi, saya cuba mencari perkara-perkara yang disebutkan di atas itu, untuk dibicarakan. Yakni hasil tanggapan atau penilaian ke atas puisi-puisi yang terdapat di dalam buku itu, sama ada dengan menggunakan teori-teori tertentu ataupun berdasarkan kesan estetika daripada pembacaan puisi-puisi berkenaan.

Namun membicarakan puisi karya penulis yang sudah berpengalaman dengan karya pengalaman, tentulah berbeza. Malah membacanya juga perlu dengan sikap

dan nilai apresiasi yang berbeza.

Saya bersetuju untuk membicarakan buku puisi seorang penulis baru. Puisi-puisinya serba sederhana. Tidak ada sesuatu yang menangkap perhatian secara spontan dan segera. Maka saya perlu membaca dengan penuh perhatian dan sabar, untuk mencari apa-apa yang agak istimewa untuk diangkat dalam pembicaraan.

Paling istimewa, atau sekurang-kurangnya pun penulis baru ini (sudah lebih 50 tahun usianya) telah gigih berusaha hingga terbit sebuah buku kumpulan puisinya sendiri, mengandungi 103 buah puisi, yang dihasilkan kebanyakannya masih baru, pada 2017, kecuali 14 pada 2016 dan satu pada 2012.

Timbul soalan, apakah puisi-puisi dalam kumpulan ini memang dihasilkan segera dengan tujuan penerbitan buku ini? Dicitatkan bahawa cetakannya pada bulan Ogos 2017. Namun terdapat lapan buah puisi dihasilkan pada bulan Julai 2017, enam buah pada bulan Jun, 10 pada bulan Mei, 17 pada bulan April dan 36 buah pada bulan Mac 2017.

Kemuncak penghasilannya, pada bulan Mac 2017 itu, dia menghasilkan 36 buah puisi dalam tempoh 31 hari. Ada harinya lima puisi dalam sehari.

Itu adalah fakta mengenai kreativiti seorang penyair, yang boleh dilihat sisi negatifnya dan boleh dilihat sisi positifnya. Saya melihatnya sebagai cerita latar mengenai kreativiti seorang penyair. Ada kalanya ilham datang menderu-deru dan kita menyalinnya ke atas kertas atau ke dalam komputer. Kadang ia bermutu dan kadang tidak. Itu perkara biasa.

Yang pentingnya ialah gerak dan desakan dalaman yang terjadi dalam diri sang penulis. Yang menggerakkan seseorang



TEKAD
BUDAYA
DINSMAN

untuk menulis (atau berkarya), itu penting! Ada orang ada desakan itu, dan ada orang desakan itu terjadi begitu kuat di dalam dirinya. Maka di sini saya melihat Ishak Yussof Waghieh Lapan (namanya saja pun sudah 'berseni') ini memang mempunyai desakan dalaman itu.

Cuba kita lihat apa yang dipusikannya sebanyak lima buah puisi dalam sehari pada 16 Mac 2017 itu. Salah satu daripadanya berjudul "Matahari Malam", iaitu imej yang agak kuat digunakan beberapa kali oleh penyair ini dalam beberapa puisinya.

"Matahari malam muncul sekelumit membawa berita palsu tentang bulan malam yang kabur tanpa cahaya/ esok... matahari siang jujur membias sinar cahaya/ membasuh lumpur denai yang ternoda di garis hujan/ pagi membawa senja/ sedang bintang tersipu melihat drama matahari melihat/ sketsa bulan mencari tajuk bicara/ dan akhir cerita... aku kenal matahari sudah lama/ aku kenal bulan pun sama/ cuma bintang belum menjelma..."

Dan ada sebuah puisi lagi yang berjudul "Mencari Matahari Malam", ditulis sebulan kemudian. Judul puisi inilah yang dipilih untuk menjadi judul buku ini - "Mencari Matahari Malam". Sangat menarik. Maksud saya imej matahari malam itu. Penulis ini suka dengan matahari malam. Apakah yang dimaksudkannya dengan matahari malam? Ini akan saya bicarakan dalam majlis di Seremban itu, pada pagi Sabtu 7 Oktober. ■

Bermuhasabah kelemahan barisan pembangkang tidak salah

"BAGAIMANA Pakatan (Harapan)? Ada peluang?" tanya seorang teman tidak lama dahulu. "Peluang bagaimana?" tanya saya kembali. "PRU14 inilah, ada peluang untuk menang?" balas beliau.

Saya tidak menjawab soalnya secara terus, hanya senyum dan pulangkan kembali soalan yang sama kepada beliau. Beliau juga tidak menjawab, dan hanya ikut tersenyum. Kami tidak meneruskan perbincangan tersebut.


Yang di atas bukan kali pertama saya ditanya soalan sedemikian. Mungkin jika PRU13 dahulu, jawapannya agak jelas; lebih dari berpeluang. Tiada keraguan ke atas kemampuan Pakatan (Rakyat) untuk menang. Yang akhirnya menggagalkan Pakatan adalah realiti kejam sistem pilihan raya negara kita.

Sokongan dan dukungan rakyat kepada Pakatan pada 2013 dahulu bukan omong kosong. Buktinya apabila Barisan Nasional masih mengekalkan kuasa biarpun kalah undi majoriti, penyokong dan pengundi Pakatan tidak tunggu lama untuk berbondong-bondong turun ke Kelana Jaya waktu itu

tanda protes. Mereka yang turun dari jauh dan dekat itu datang tanpa ada ragu-ragu langsung. Rakyat biasa yang lain juga tidak ada marah-marah walaupun jalan-jalan utama dan lebuh raya di ibu kota sesak teruk hingga pagi keesokannya.

Hari ini berbeza. Persoalan siapa baik dan jahat dalam politik negara pun tidak lagi semudah dahulu. Hitam tidak lagi hitam, putih tidak lagi putih. Bukan hanya seorang dua yang dahulu dimusuhi dan diludah kini diiring dan dipimpin ke tapak ceramah. Bukan sekecil-kecil anak bekas musuh diangkat menjadi wira baharu rakyat. Watak-watak antagonis dahulu kini menjadi teman protagonis dalam naratif yang cuba diyakinkan kepada semua masih kekal sama.

Dengan sedemikian sahaja, tidak sedikit penyokong yang berpaling, menyorok penuh kekecewaan dengan setiap yang berlaku. Tidak



ADAM ADLI
universiti
ketiga

sedikit juga yang memulakan langkah baharu. Memusuhi bukan lagi hanya kerajaan, sebaliknya juga pembangkang. Situasi sebegini dalam kalangan pemimpin dan penyokong akhirnya melahirkan sebuah kekeliruan politik yang tidak pernah disaksikan sebelum ini.

Kekeliruan politik ini adalah pokok soalan yang masih belum kunjung selesai dalam mata banyak penyokong pembangkang yang sekian lama bersama. Kekeliruan politik juga antara punca rakyat biasa yang lain, yang sering kita gelar pengundi atas pagar itu akhirnya tidak memberi peduli kepada apa yang sedang berlaku hari ini. Begitu juga dengan anak muda, yang dahulu menjadi igauan ngeri kerajaan.

Benar, tidak kita nafikan majoriti suara anak muda tidak bersama dengan kerajaan yang dianggap terlalu bodoh untuk disokong. Adalah memalukan untuk mereka menyatakan kekaguman kepada sebuah kerajaan yang bermenterikan insan seperti Ahmad Maslan dan kawan-kawan. Namun bukan

sedikit juga yang memalingkan muka daripada barisan pembangkang yang dianggap mereka tidak kurang dungunya.

Di mata anak muda kebanyakan, politik tidak lagi seperti dahulu. Seksinya sudah hilang, dan janji-janjinya juga tidak perlu lagi di pertimbang. Ada gelombang baharu sokongan anak muda kepada parti pembangkang terutamanya Bersatu yang masih segar aksinya, namun gelombang sebegini sudah kita saksikan dahulu pada 2013. Ia juga mungkin bakal jadi sama akhirnya; habis ombak, habislah buihnya. Apabila realiti politik mulai memukul kesadaran masing-masing, kekecewaan akan mulai kunjung tiba, dan akhirnya mereka juga berpaling dari terus menjadi penyokong.

Adakah ini suara seorang pesimis? Tidak. Ini bukan suara seorang pesimis. Ini bukan juga suara orang kecewa. Saya tidak ada kekecewaan seperti penyokong parti yang lain, kerana kepentingan politik saya tidak bersandarkan kepada sokongan atau keahlian parti politik.

Saya dan teman-teman lain ter-

utama yang bersama dalam gerakan pelajar dan masyarakat sivil dahulu masih hidup dan meneruskan kerja-kerja melawan kami. Keadaan masih kekal sama bagi kami. Yang kami lawan bukan sosok tubuh, tetapi sistem dan dasar di sebaliknya.

Ini hanya suara untuk menyedarkan kita supaya tidak terlalu selesa, dan perlu mengakui hakikat yang sedang berlaku hari ini. Sedar, dan lakukan sesuatu. Bukan hanya menyalahkan pihak lawan. Pihak lawan kita tidak sekuat mana. Alang ketuanya sendiri adalah s lemah-lemah pemimpin. Ketuaanya itu hanya hidup dan masih bernafas atas ihsan dan silat politik hulubalang lainnya yang masih setia dengan wang-wang yang ditabur.

Dengan ketua dan kerajaan yang lemah sedemikian, pembangkang seharusnya mengambil peluang untuk kembali kuat. Kekuatan pembangkang tidak harus sepatutnya diukur dengan neraca yang sama dengan yang diguna oleh kerajaan. Bukan kekuatan wang yang patut jadi ukuran. Bukan juga kekuatan dari segi bilangan ahli. ■

Menjawab tohmahan Mursyid Am Pas

AMANAHA Muktazilah?

Oleh **USTAZ ZOLKHARNAIN ABIDIN**

Merujuk klip video yang tertular berkaitan kenyataan Mursyid Am Pas di acara Fastaqim 2.0 yang melabel Muktazilah atau Neo Muktazilah kepada sebuah "parti baru", sukar sekali untuk menelaah maksud sebenar labelan itu. Hal ini kerana, labelan itu hanya ada unsur apa iaitu Muktazilah tetapi tidak ada unsur bila, bagaimana, mengapa dan siapa. Paling sukar difahami, labelan itu bersifat rambang apabila tidak ada contoh khusus yang dikemukakan dalam labelan Muktazilah yang dikatakan mengutamakan akal berbanding nas atau wahyu.

Mengapa Muktazilah dan tidak Qadariyyah, Jabariyyah, Jahmmiyyah atau Musyabbihah? Hal ini juga sukar ditelaah. Justeru, labelan Muktazilah kepada parti baru yang dibuat itu tidak lebih daripada sekadar mengekori gaya pemidato lebih awal daripadanya - kerana Mursyid Am adalah pemidato terakhir sesuai statusnya - yang semuanya menghentam dan melabel AMANAHA dengan pelbagai labelan sembrono. Jika Mursyid Am Pas tidak melabel sesuatu, tentulah peserta Fastaqim akan pulang dengan tanggapan Mursyid Am mereka tidak sehebat orang lain yang berpidato sebelumnya.

Kelompok Muktazilah tercetus kerana perbezaan pandangan dalam persoalan teologi Islam. Pemikiran kelompok tinggalan sejarah ini dibaca, dikaji dan dipapar kepada umum sebagai cerminan kepada bentuk pemikiran teologi Islam yang sepatutnya dimiliki dan diketepikan. Tidak pernah ditemui mana-mana cendekiawan Islam yang menyisihkan kelompok ini daripada ahli Kiblat, bahkan pendapat dan pemikiran tokoh-tokoh Muktazilah ternukil dalam penulisan dan kitab para sarjana dulu dan kini sebagai perbandingan dengan pemikiran dan pendapat pihak lain.

Mursyid Am Pas melabel parti baru diyakini merujuk kepada AMANAHA - dengan

label Muktazilah untuk memberi gambaran kepada umum bahawa partinya Pas adalah parti Islam tulen dan sentiasa mengutamakan nas dan wahyu. Parti lain selain partinya, keislaman mereka tidak tulen kerana mengutamakan akal berbanding wahyu.

Inilah sudut pandang Mursyid Am Pas terhadap parti lain sebagai cetusan kepada perasaan bahawa Pas adalah parti suci, mereka yang bersama Pas adalah orang-orang suci dan sesiapa yang tidak bersama Pas adalah kotor. Pemikiran ini boleh dikira lanjutan kepada pemikiran takfir yang memang selama ini berakar-umbi dalam Pas, dan kini dibaja lagi supaya bertambah subur dengan labelan Muktazilah pula.

Mursyid Am Pas dalam statusnya sebagai ulama tentu faham kedudukan, hubungan, jaringan dan hierarki nas dan akal dalam konteks pemikiran dan tindakan dalam mendepani realiti politik Malaysia. Dia mesti membuktikan bila, di mana, dalam kes apa, siapa dalam kalangan pemimpin Amanah, yang mengutamakan akal berbanding nas.

Adakah Mursyid Am Pas ingin merujuk kepada pendirian Amanah dalam RUU 355? Jika merujuk kes itu, mana nas mengenai RUU itu yang dikebelakangkan oleh AMANAHA, dan dalam masa yang sama, benarkah RUU itu seiring dengan nas? Menilai RUU itu dari sudut pandang yang berbeza dengan Pas dikira mengutamakan akal sehingga menjadi Muktazilah? Jika berbeza pandangan dalam persoalan pengkanunan undang-undang yang termasuk dalam persoalan ijihad politik dalam ruang kemaafan (mantiqah al-afw), sudah dikira menjadi Muktazilah, tentu semua pengamal undang-undang dan ahli politik adalah Muktazilah. Begitukah?

Akal dan wahyu tidak boleh dipisahkan. Nas menjadi kering dan ketinggalan zaman jika tidak disirami dengan kebijaksanaan akal. Meletakkan nas pada kondisi yang betul dan seiring dengan tempat, masa,

lingkungan, sasaran khitab (arahan), latarbelakang nas dan latarbelakang realiti, adalah tuntutan nas sendiri. Al-Quran (rujuk an-Nahl: 43) mengarahkan semua orang bertanya kepada pakar dalam perkara yang seseorang tidak ada kepakaran mengenainya.

Setiap zaman dan tempat ada pakar dalam bidang masing-masing, dan kepakaran itu diperolehi melalui proses pemerahan akal dan upaya ilmu. Adakah arahan merujuk kepada pakar sebegini boleh dikira mengutamakan akal? Jika pakar undang-undang melihat RUU 355 dari sudut pandang yang berbeza dengan Pas, Muktazilahkah mereka?

Rasulullah adalah manusia yang mempunyai akal paling sempurna. Mengapa begitu? Tentulah kerana baginda berkewajipan mencerakinkan al-Quran dalam konteks kehidupan bermasyarakat pada zaman baginda. Jika al-Quran tidak memerlukan kebijaksanaan akal, al-Quran tidak perlu diturunkan kepada seorang insan sebijak Rasulullah s.a.w. Logikkah al-Quran, kalam Allah yang Maha Bijaksana, wahyu yang sarat dengan ilmu yang maha tinggi dipisahkan daripada kebijaksanaan akal? Kemudian apabila wahyu itu dicerakinkan oleh akal dalam proses pelaksanaannya, kita labelkan orang itu sebagai Muktazilah?

Umar Ibn al-Khattab pada zamannya tidak membenarkan lelaki Islam berkahwin dengan wanita Ahli Kitab kerana memelihara kepentingan masa depan wanita Islam, pada hal Al-Quran membenarkan perkahwinan lelaki Islam dengan wanita Ahli Kitab, adakah Umar mengutamakan akal berbanding wahyu? Beliau juga tidak menggunakan istilah jizyah dalam cukai yang dikutip daripada Ahl az-Zimmah pada zamannya, sedangkan istilah itu termaktub dalam al-Quran, adakah Umar mengutamakan akal dalam tindakannya itu?

Diyakini, Mursyid Am Pas tahu semua naratif itu, bahkan beliau fasih mengenainya kerana beliau dikenali sebagai seorang yang sangat arif tentang sirah sahabat. Peliknya,

mengapa beliau gagal untuk memahami serta menghubungkaitkan semua naratif tadi dengan realiti politik kini? Jika Umar menafsirkan nas supaya hidup segar selari dengan tuntutan dan keperluan pada zamannya, kerana beliau adalah pakar yang hidup pada zamannya, adakah jika pakar yang wujud pada zaman ini, mentafsirkan nas supaya hidup segar bersama zaman ini, sesuai dengan realiti kini, orang itu menjadi Muktazilah? Kelompok yang mencontohi kebijaksanaan Umar adalah Muktazilah?

Nyata sekali, labelan Muktazilah yang dilontar Mursyid Am Pas itu tercetus daripada dua situasi. Pertama, mempertahankan ego partinya yang semakin hari semakin dipandang serong pelbagai lapisan rakyat, dan kedua, mempertahankan ego dirinya sendiri yang perlu dilihat senada dan setanding dengan pemimpin Pas yang lain yang menyerang Amanah habis-habisan sempena acara Fastaqim itu. Memangsakan pihak lain khususnya Amanah dalam mempertahankan ego peribadi dan parti bukanlah suatu sikap terpuji yang selayaknya dimiliki seseorang yang berstatus Mursyid Am.

Al-Marhum Fadzil Noor (semoga kasih sayang Allah mengatasi kasih sayang semua rakyat Malaysia kepadanya) pernah melabel Umno dengan Neo Muktazilah. Tetapi, Mursyid Am Pas kini tidak menggunakan lagi label itu kepada Umno. Mungkin semenjak Pas semakin intim dengan Umno, terutama apabila Ketua Penerangan Pas berkata sokongan kepada Pas tidak memerlukan seseorang menjadi ahli Pas, dan Najib serta pemimpin Umno lain boleh dikira menyokong Pas menggunakan logik itu, Mursyid Am Pas lebih selesa menyerang Amanah daripada menyerang Umno. Sungguh, lama benar mulut Mursyid Am Pas itu tidak dinganga untuk menyerang Umno. Mengapa? Hanya beliau tahu madahnya.

■ **Ustaz Zolkharnain, Pengarah Hal Ehwal Syariah AMANAHA**

Prinsip, idealisme dalam perjuangan

Oleh **ABU FIRDAUS**

MINGGU lalu dunia politik tanah air dikejutkan dengan berita bagaimana seorang pemimpin pemuda sebuah parti pembangkang ditawarkan sejumlah wang yang besar untuk menghentikan perjuangannya, dan sebaliknya melanjutkan pelajaran di sebuah universiti tersohor di luar negeri siap dengan dukungan biasiswa. Beliau menolak.

Empat puluh tahun dahulu, dikisahkan bagaimana seorang pemimpin persatuan belia turut juga ditawarkan jawatan yang baik dalam sebuah pertubuhan antarabangsa supaya beliau menghentikan kegiatan politiknya dalam negara. Beliau juga menolak.

Bagaimanapun, kira-kira 10 tahun kemudian, beliau menerima tawaran menyertai parti kerajaan dan naik dengan mendadak hingga hampir ke tampuk pucuk pimpinan sebelum kecundang, dan kembali menjadi pemimpin pihak pembangkang.

Ada salah seorang tokoh perjuangan kemerdekaan pula, dalam buku memoirnya menceritakan betapa pada tahun 1950-an, ketika menjadi pemimpin pergerakan pemuda yang menentang penjajah, beliau ditawarkan untuk menjadi perisik pasukan keselamatan pentadbiran penjajah. Beliau menolak.

Bagaimanapun, tokoh itu kemudian ditahan di bawah akta keselamatan dalam negeri untuk jangka masa panjang. Setelah dibebaskan, beliau menubuhkan sebuah parti pembangkang. Tetapi partinya mengalami kesukaran untuk aktif kerana ia disyaki disusup oleh perisik-perisik pasukan keselamatan.

Antara punca kegagalan Parti Komunis Malaya ialah ia disusup oleh anasir-anasir pasukan keselamatan dan akhirnya membawa kepada pertelagahan sesama sendiri hingga ke peringkat perpecahan dan pembunuhan. Selain itu, antara sebab kelumpuhan parti itu ialah banyak anggota-anggotanya menerima tawaran dalam pelbagai

bentuk, antaranya kewangan supaya mereka meletakkan senjata dan meninggalkan perjuangan.

Bila ada perjuangan, tentu ada pengkhianatan. Orang melihat perjuangan itu suatu yang mulia dan pengkhianatan adalah keji. Tetapi perjuangan dan pengkhianatan adalah relatif, ia merupakan perkara sama tetapi dilihat daripada sudut bertentangan. Jika ia menepati pegangan seseorang, maka gerakan itu dianggap perjuangan. Jika seseorang itu mengubah pegangannya dan menentang perjuangan asalnya, maka ia dianggap pengkhianatan.

Begitu juga dengan idealisme. Bila ada idealisme, tentu ada realisme. Idealisme adalah fahaman dalam minda seseorang mengenai matlamat perjuangannya. Iaitu suatu suasana yang sempurna menepati aspirasinya. Sementara realisme ialah realiti yang dihadapi. Iaitu keadaan negaranya, pertubuhannya, malah dirinya sendiri. Adakah realiti pada diri-

nya dapat meneruskan perjuangannya melalui pertubuhan yang dianggotainya? Itu adalah realiti. Ia juga melibatkan kedudukan kewangan dan keupayaannya untuk hidup serta berjuang dalam keadaan tertentu pada diri dan keluarganya.

Tetapi dalam diri seseorang terdapat prinsip. Prinsip ini tumbuh daripada nilai yang ada pada keperibadian seseorang bersama pemahamannya mengenai dunia, termasuk soal politik. Di sinilah tumbuh apa yang disebut sebagai prinsi.p

Bagaimanapun, hubungan seseorang dan prinsip yang dipegangnya adalah berbeza menurut kekuatan mindanya. Ada orang yang berprinsip kuat, sementara ada pula yang lemah. Tetapi ada orang pula tidak ada prinsip. Atau lebih tepat, prinsipnya adalah oportunistik dan materialistik, iaitu berkaitan dengan kewangan, ke-selesaian, pangkat atau jawatan.

Dalam sejarah politik dikatakan bahawa golongan yang kuat prinsip adalah mereka yang berjuang atas pegangan agama atau ideo-

logi. Jika perjuangan agama dan ideologi itu digabungkan, maka pegangan terhadap prinsip itu bertambah kuat. Tetapi jika sesuatu fahaman agama dan ideologi itu tidak betul, maka berprinsip itu mendatangkan bahaya pada dirinya dan masyarakat.

Ada individu-individu pejuang yang menjadi wira kerana pegangan prinsipnya. Tetapi pada waktu sama dalam sejarah apa jua perjuangan, terdapat senarai pengkhianatan yang juga panjang. Maka sebab itu idealisme perjuangan wajar diimbangkan dengan realisme dalam menghadapi perbuatan pengkhianatan.

Maka tentu wajar dipuji pemimpin pemuda pembangkang itu kerana menolak tawaran berjutaan ringgit. Tetapi usaha tawar-menawar ini tidak akan terhenti pada beliau. Usia beliau masih muda dan perjuangannya masih panjang. Keadaan bertambah meruncing pada masa-masa akan datang, dan apa yang diperlukan ialah ketabahan dalam memperjuangkan kebenaran dan keadilan. Ia memerlukan ketahanan minda dalam berprinsip.

Surat Mujahid kepada Nik Abduh: “Adinda usahlah mabuk”

MABUK ada macam-macam, selain ‘mabuk hakiki’ ada ‘mabuk majazi’. Adinda Nik Abduh sudah mabuk cinta dengan dengan pembenci Pakatan Harapan agaknya, maka semua yang disukai oleh kekasihnya itulah yang dimadahkan dan setiap sesuatu yang yang dibenci kekasihnya itulah yang dipenakan. Adat mabuk cinta begitulah adanya.

Orang mabuk cinta memang begitu, katanya kurang difahami. Hanya kekasihnya sahaja yang mengetahui apa yang diungkapkan, namun bagi pendengar lain kata-katanya hanyalah bebelan yang layak dikatakan ‘meraban’ sahaja (baca ‘meghaban’, dialek Melaka).

Contohnya adinda mengatakan AMANAH antireformis dalam masyarakat sedangkan AMANAH diasaskan dan ‘meninggal’ Pas kerana kejumudan Pas. Kejumudan adalah sifat bertentangan dengan ciri reformis. Tiada yang lebih jumud daripada parti yang telah berjaya merobohkan tembok perkauman berpuluh tahun, tiba-tiba generasi adinda kembali membina semula.

Dalam ungkapan adinda tersirat hanya Pas sahaja yang boleh mereformasi masyarakat lantas AMANAH gopoh dan mengganggu usaha ini.

Orang mabuk tak sedar apa yang diungkapkan, dalam kata adinda sendiri sudah ada sifat ‘takabur eksklusif’ iaitu perasaan bangga dia sahaja yang buat baik, orang lain tidak. Meminjam kata-kata Hanipa Maidin, ‘parti suci’, ingatkah adinda lagi pada Hanipa?

Tup-tup... orang lain pula jadi sasaran. IKRAM ‘duri dalam daging Gerakan Islam’. Jika benar cinta itu buta, butakah mata adinda? IKRAM atas apa kelemahannya telah melahirkan institusi pendidikan berkualiti, para profesional dan ulama serta produk ahlinya yang diiktiraf di peringkat antarabangsa. Bagaimana ‘duri dalam daging’ begitu berjaya?

Mungkin ‘gerakan Islam’ yang tidak ada masalah adalah yang melahirkan golongan takfiri, maki hamun saudara sesama Islam, halalkan darah yang tidak setuju dengannya atau yang ala-ala ISIS (Daesh). Saya maafkan adinda kerana dalam lamunan adinda penilaian agak lemah, al-maklum sajalah.

Adinda Nik Abduh ada sebut tentang ‘Fiqh al waqie al Malayzi’ dengan sinis. Apa yang sinisnya kalau para ulama silam telah menjelaskan bahawa keadaan sesuatu tempat dan masanya menentukan sesuatu hukum. Saya maafkan

sekali lagi adindaku. Saya lupa, hanya parti adinda sahaja yang boleh menyebut istilah Arab sebab itu menandakan betapa Islamiknya adinda. Istilah ‘taawun’ pun parti adinda sajalah yang ada hak cipta terpelihara menafsirkannya.

Sekali lagi ‘sang pemabuk cinta’ mendedahkan apa yang ada dalam kepalanya. Bukan sahaja DAP yang mahu selamatkan Malaysia, seluruh rakyat yang waras dan segar kepalanya mahu negara ini selamat dari pemimpin kleptokrasi. Kami dari Pakatan Harapan hanya menyedarkan rakyat ‘bahaya’ yang akan menimpa jika rakyat terus leka kerana negara ini bisa sahaja dijual dan dilelong macam mereka melelong RUU355. Ingatkah adinda?

Itulah kejujuran adinda, bahawa segala yang membahayakan Malaysia angkara Umno/BN yang makan dedak dan MO1 yang merompak seolah hanya sandiwara DAP untuk menakutkan rakyat. Kali ini kekanda harus bagi kredit pada adinda, sekurangnya bab ini adinda tidak meraban hanya ulang skrip sahaja.

Zombi Kampung Pisang adalah tentang watak yang berhadapan dengan bahaya kampungnya. Watak-watak itu adalah tipikal watak Melayu yang penting diri dan ada agenda tersendiri.

la bukan tentang zombi tetapi bagaimana kita bertindak balas dengan bahaya. Mamat Khalid terkenal pengkritik masyarakat Melayu melalui satiranya. Cubalah adinda cari sendiri watak manakah dalam cerita itu sesuai dengan cara berfikir adinda.

Tulisan adinda penuh rasa ingin membuktikan sesuatu kepada kekasih bukan soal isi kandungannya. Kekanda rasai, ia satu seksaan menanti keputusan sebenarnya. Lirik lagu ini boleh menenangkan tidur adinda tapi jangan lupa baca ‘tiga qul’ dulu ya.

Jika benar cinta itu buta

Butakah mata ku

Berkali terluka masih jua ku menunggu

Apa yang ku ingin kan

Hanya kejujuran dalam perhubungan

Jika itu tiada apalah ertinya

Penantian ini hanya sia-sia...

Kekandamu

Datuk Dr Mujahid Yusof Rawa

Bekas ahli yang ‘meninggal’ Pas

Naib Presiden AMANAH

Suapan, imbuhan, rasuah dan Akta SPRM 2009

SEHARI dua ini, ada beberapa perkembangan terkini yang memerlukan rujukan semula dan penelitian akan peruntukan Akta SPRM 2009 yang mana adalah seperti berikut:

(i) Kesalahan memberi atau menerima suapan oleh ejen

Seksyen 17 - Seseorang melakukan kesalahan jika:

(b) dia memberikan atau bersetuju untuk memberikan atau menawarkan apa-apa suapan kepada mana-mana ejen sebagai dorongan atau upah bagi melakukan atau tidak melakukan, atau kerana telah melakukan atau tidak melakukan apa-apa perbuatan berhubungan dengan hal ehwal atau perniagaan prinsipalnya, atau bagi memberikan atau tidak memberikan sokongan atau tentangan kepada mana-mana orang berhubungan dengan hal ehwal atau perniagaan prinsipalnya.; dan

(ii) Tafsiran:

Seksyen 3 - Dalam Akta ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain “suapan” ertinya:

(a) wang, derma, alang, pinjaman, fi, hadiah, cagaran berharga, harta atau kepentingan mengenai harta, iaitu apa-apa jenis harta, sama ada alih atau tak alih, faedah kewangan, atau apa-apa manfaat seumpama itu yang lain;

(b) apa-apa jawatan, kebesaran, pekerjaan, kontrak pekerjaan atau perkhidmatan, dan apa-apa perjanjian untuk memberikan pekerjaan atau memberikan perkhidmatan atas apa-apa sifat;

(c) apa-apa bayaran, pelepasan, penunaian atau penyelesaian apa-apa pinjaman, obligasi atau liabiliti lain, sama ada keseluruhannya atau sebahagian daripadanya;

(d) apa-apa jenis balasan berharga, apa-apa diskaun, komisen, rebat, bonus, potongan atau peratusan;

(e) apa-apa perbuatan menahan diri daripada

menuntut apa-apa wang atau nilai wang atau benda berharga;

(f) apa-apa jenis perkhidmatan atau pertolongan lain, termasuk perlindungan daripada apa-apa penalti atau ketidakpayaan yang dikenakan atau yang dikhuatiri atau daripada apa-apa tindakan atau prosiding yang bersifat tatatertib, sivil atau jenayah, sama ada atau tidak sudah dimulakan, dan termasuk penggunaan atau menahan diri daripada menggunakan apa-apa hak atau apa-apa kuasa atau kewajipan rasmi; dan

(g) apa-apa tawaran, aku janji atau janji, sama ada bersyarat atau tidak bersyarat, untuk memberikan suapan mengikut pengertian mana-mana perenggan (a) hingga (f).

Secara ringkas, sesiapa yang MEMBERI atau BERJANJI UNTUK MEMBERI sebarang jenis WANG atau apa-apa jenis IMBUHAN seperti yang disenaraikan di para (a) hingga (g) dalam Seksyen 3, adalah melakukan KESALAHAN JENAYAH RASUAH di bawah Akta SPRM 2009.

Pada 1 Okt 2017, KiniTV telah memuat naik satu (1) video di mana Perdana Menteri Malaysia, (Datuk Seri) Najib Razak boleh didengar membuat ucapan:

“Sebagai sokongan saya kepada SPRM bagi pihak kerajaan, maka sukacita saya umumkan peruntukan segera sebanyak lima juta kepada Yayasan Prihatin SPRM. Bolehlah bergerak dengan lebih lancar lagi dan jaga kebajikan anggota-anggota kita ...” (Garis masa: 00:00 hingga 00:31)

Persoalan-persoalan hakiki berkaitan video ini:

a) Bukankah telah banyak kali diumumkan oleh pihak-pihak berkenaan, termasuk SPRM dan (Peguam Negara, Tan Sri) Apandi Ali, bahawa kononnya kertas siasatan berkaitan 1MDB (yang melibatkan alegasi terhadap Najib Razak) masih dalam proses siasatan dan/atau masih dalam proses penelitian Jabatan Peguam Negara?

b) Bukankah pelbagai siasatan, tahanan, tang-

kan dan pertuduhan yang telah diambil sejak beberapa bulan lalu adalah melibatkan agensi kerajaan dan pemimpin-pemimpin parti kerajaan, yang semestinya perlu dimuktamadkan keputusan kertas siasatan terbabit tidak lama lagi?

c) Apakah perlunya memberi dan mengemukakan pemberian dana RM5 juta kepada satu badan yang melibatkan kebajikan penjawat dan kakitangan SPRM secara segera sekarang ini, sedangkan ianya boleh dan lebih wajar dimasukkan sebagai peruntukan Belanjawan 2018, secara teratur dan tertib?

d) Bukankah pemberian dan pengumuman peruntukan dana ini, dalam cara ianya dilakukan ini, menjurus kepada satu bentuk ‘suapan’ oleh Kerajaan Najib Razak kepada SPRM untuk menjaga “kepentingan” dan “nama baik” Kerajaan Najib Razak berhubung dengan siasatan-siasatan SPRM berkaitan di Perenggan 4(a) di atas?

Pada 2 Okt 2017 pula, KiniTV telah sekali lagi memuat naik satu lagi (1) video di mana Ketua Armada PPBM, Syed Saddiq didengar membuat kenyataan:

“Pada peringkat awal, apabila mereka janjikan biasiswa untuk melanjutkan pelajaran ke University Oxford, kerana mereka tahu bahawa saya dapat masuk, tapi pada peringkat tersebut saya tak ada biasiswa lagi. Dia tahu biasiswa kena sekurang-kurangnya tiga ratus hingga empat ratus ribu ringgit.

“Tapi Alhamdulillah, bila saya terima biasiswa itu, dia orang macam paniklah, tak tahu nak buat apa. Lepas itu mereka janjikan duit. Bila mereka janjikan duit, mereka tahu ‘how pissed off I am’. Mereka pandai. Oh duit tak boleh, jadi mereka janjikan cara lain. Apa kata kita kasi duit, itu modal pada masa yang sama geran untuk buka sekolah-sekolah debat di seluruh Malaysia. RM5 juta, yes up front sebagai modal dan juga geran ... Tapi itu, dengan pra-syarat yang banyaklah.

“Bukan sahaja saya kena pergi Oxford, saya kena keluarkan banyak kenyataan-kenyataan susulan. Saya kena dedahkan semua secrets parti. Apa yang sebelum ini parti buat. Pada masa yang sama saya kena tipu jugalah. ... Tun pernah bagi tahu bahawa dia nak naikkan Datuk Seri Mukhriz sebagai Perdana Menteri Malaysia, padahal tak pernah sekalipun...” (Garis masa: 26:32 hingga 28:08)

Persoalan-persoalan hakiki berkaitan video ini:

a) Bukankah diketahui ramai bahawa Syed Saddiq bukan sahaja merupakan Ketua Armada PPBM, malah merupakan seorang pemimpin generasi muda rakyat, yang mana-mana katanya akan mempengaruhi rakyat di luar sana?

b) Bukankah menawarkan biasiswa, wang ringgit dan geran sebagai modal membuka sekolah debat, adalah pada dasarnya berbentuk ‘suapan’ oleh Kerajaan Najib Razak kepada Syed Saddiq?

c) Bukankah meminta Syed Saddiq untuk menipu kepada rakyat kononnya Tun Dr Mahathir pernah umumkan hasrat penubuhan parti adalah kononnya, semata-mata untuk menaikkan Datuk Seri Mukhriz sebagai Perdana Menteri satu tipu daya, yang dihasratkan untuk menjaga “kepentingan” dan “nama baik” Kerajaan Najib Razak dan untuk memburukkan nama baik PPBM, Tun Dr Mahathir dan DS Mukhriz sebelum PRU-14?

Hatta, ‘suapan, imbuhan dan rasuah’ adalah seolah-olah perkara rutin harian dan amalan biasa yang sudah menjalar di setiap sudut dan seluruh bentuk sistem tadbir politik dan negara, dewasa ini.

Semoga Allah selamatkan Malaysia, Insya Allah!

Haniff Khatri

2 Okt 2017

9.00 malam

Haniff Khatri ialah seorang peguam dan aktivis sosial.

Subsidi racun pesawah tak kunjung tiba

PARIT BUNTAR: Para pesawah di daerah Parit Buntar menghadapi masalah menguruskan sawah mereka ekoran subsidi racun yang masih belum diterima.

Aduan para pesawah ini dikemukakan kepada Ahli Parlimen Parit Buntar Datuk Dr Mujahid Yusof dan Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) Kuala Kurau Yunus Jamhari dalam satu pertemuan, baru-baru ini.

Sehubungan itu Dr Mujahid menggesa Kementerian Asas Tani memberikan penjelasan mengapa subsidi racun masih belum diterima para petani terbabit.

Beliau yang ditemui dalam program sembang petang dengan pesawah di Parit Abu Samah, Kuala Kurau merasa kesal dengan masalah dihadapi para pesawah kerana sebelum ini benih subsidi turut lambat diagihkan kepada mereka.

"Kedudukan kewangan kerajaan mung-

kin faktor terjejasnya bantuan subsidi untuk pesawah," ujarnya.

Masalah kewangan ini, ujar Dr Mujahid mungkin mendorong Kementerian menarik balik atau menyesuaikan struktur subsidi yang jelas menjejaskan golongan petani dan pesawah.

"Seorang pesawah merayu agar subsidi racun disegerakan untuk mereka memulakan semburan. Harga racun juga agak mahal di pasaran antara RM60 hingga RM90 untuk 4 liter," ujarnya.

Para pesawah, tambah Dr Mujahid tidak mampu menanggung kos yang tinggi dan tanpa subsidi pendapatan mereka akan terjejas teruk akibat hasil dan mutu padi yang rendah.

Sementara itu, Yunus berjanji menyalurkan masalah yang dihadapi para petani kepada kerajaan negeri dan pihak berwajib.



Pesawah mengadu masalah yang dihadapi kepada Dr Mujahid dan Yunus Jamhari.

AMANAHAH menembusi kawasan Felda di Tampin

TAMPIN: AMANAHAH berjaya menembusi kawasan Felda di Tampin yang selama ini menjadi kubu kuat Umno apabila mengadakan majlis penerangan di Felda Jelai sekaligus membuka bilik gerakan di Kompleks Felda Jelai.

"Kita akan jadikan bilik gerakan ini sebagai platform untuk memperkenalkan AMANAHAH dan gerak kerja pilihan raya bagi menghadapi PRU 14, kata Timbalan Ketua AMANAHAH Tampin Mohamad Ali.

Selain ceramah, AMANAHAH Tampin aktif menggerakkan jentera parti dengan menziarahi penduduk, menyampaikan sumbangan

kepada golongan asnaf dan sebagainya.

Baru-baru ini program minum petang bersama Pengarah Komunikasi AMANAHAH, Khalid Samad diadakan di Kompleks Felda Jelai yang dihadiri puluhan peneroka.

Dalam pilihan raya umum (PRU) lalu, calon Pas Abdul Razakek Abdul Rahim kalah kepada calon BN, Datuk Shaziman Abu Mansor dengan majoriti 11,162.

Punca utamanya, calon Pas ketika itu gagal menembusi kawasan Felda termasuk di Tampin.

Kawasan Felda mendominasi 54 kerusi parlimen di Malaysia, antaranya Tampin.



Khalid Samad berucap pada program santai bersama peneroka di Felda Jelai.



Antara warga Felda yang hadir pada majlis penerangan.



BERTEMU RAKYAT... Ahli Parlimen Sepang Mohamed Hanipa Maidin terus sibuk menjalankan tugas sebagai wakil rakyat di kawasan yang diwakilinya. Baru-baru ini beliau dijemput menyampaikan hadiah sempena sukan tahunan Sekolah Jenis Kebangsaan (Tamil) Sepang. Turut mengiringkan beliau ahli jawatankuasa Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG) yang juga Ahli Majlis Perbandaran Sepang, M Sivakumar. Hanipa turut menziarahi seorang warga emas yang mengalami kemalangan di rumahnya di Kg. Labu Lanjut bersama Ketua Kampung, Damarulan Hashim.

PH Kedah turun padang bantu mangsa banjir

SUNGAI PETANI: KHujan lebat yang turun di utara Semenanjung mengakibatkan beberapa kawasan di Kedah dilanda banjir kilat.

Bagi meringankan beban yang ditanggung penduduk terdampak banjir, aktivis Pakatan Harapan (PH) negeri turun padang membantu mangsa banjir.

Timbalan Ketua Pemuda AMANAH Negeri Kedah, Abdullah Suady Ramadhan Mohd Nasir berkata, banjir yang melanda adalah satu musibah dan bencana alam.

"Namun demikian, terdapat sebahagian tempat di mana sungai-sungai tidak diselenggarakan dengan baik sehingga menyebabkan air melimpah apabila tidak lagi mampu menampung air.

"Bencana ini juga menjadi ujian kepada aktivis AMANAH dan PH untuk terus mengambil peduli kesusahan ditanggung rakyat dengan membantu mangsa banjir sama ada dalam bentuk kewangan mahupun tenaga," ujarnya.

Abdullah Suady ditemui ketika menziarahi mangsa banjir bersama para pemimpin PH negeri.

Beliau yang juga Ketua Pemuda AMANAH Sungai Petani menambah, pihaknya turut membantu pihak berkuasa seperti Jabatan Bomba dan Penyelamat, Jabatan Pertahanan Awam (JPAM) dan juga Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM).

"Dalam misi membantu dan menyelamatkan mangsa, keperluan makanan dan bantuan tenaga menjadi



Pengerusi AMANAH Kedah, Datuk Dr Ismail Salleh ketika meninjau kawasan yang dilanda banjir.

fokus utama PH.

"Pada masa yang sama kita juga turut menilai cadangan-cadangan yang boleh diketengahkan kepada pihak berkuasa demi kepentingan rakyat terbanyak," ujarnya lagi.

"Setakat ini semua kawasan yang terjejas banjir telah diziarahi pemimpin PH khususnya AMANAH. Antara kawasan yang terjejas adalah Pantai Merdeka, Tokai dan juga Kubang Rotan.

"Disamping itu katanya tumpuan juga turut diberikan kepada kawasan Anak Bukit dan Kota Siputeh," tambahnya lagi.

Dalam perkembangan berkaitan, Ketua Pemuda PH Kedah Mohd Asmirul Anuar Aris berkata, Skuad Medik PH turut membantu Jabatan Kesihatan Negeri dalam memastikan

kesihatan dan keselamatan rakyat terjaga.

"Pemuda PH sedar ini adalah masanya rakyat dibantu dan diselamatkan. Harta benda yang musnah, kerugian perniagaan malah kebimbangan terhadap kesihatan warga emas menjadi fokus utama PH.

"Sehubungan itu Pemuda Umno Negeri Kedah tidak sepatutnya memainkan sentimen politik murahan dengan mendabik dada kononnya hanya Umno sahaja yang 'kelam-kabut' bekerja," jelasnya.

Mohd Asmirul yang juga Ketua Pemuda AMANAH Kedah membidas kenyataan kebudak-budakan Pemuda Umno negeri yang cuba menjadikan musibah banjir sebagai bahan politik dengan menuding jari kepada pihak lain sedangkan Kedah kini ditadbir BN.



Abdullah Suady membawa bersama barang keperluan untuk diberikan kepada mangsa banjir.



Asmirul bersama petugas AMANAH dan PH Kawasan Kuala Kedah menyediakan makanan untuk mangsa banjir.

Tambah peruntukan kesihatan dalam Bajet 2018



Dr Mujahid membaca doa selepas menyerahkan kerusi roda kepada Roslan.

PARIT BUNTAR: Kerajaan digesa menambah nam peruntukan Kementerian Kesihatan dalam Bajet 2018 bagi meningkatkan tahap kesihatan rakyat dan kualiti penjagaan kesihatan di negara ini.

Ahli Parlimen Parit Buntar Datuk Dr Mujahid Yusuf Rawa berkata, peruntukan sebanyak RM25 bilion dalam dalam Bajet 2017 tidak mencukupi bagi menampung peningkatan jumlah pesakit di negara ini.

"Sebahagian besar peruntukan untuk pembayaran gaji manakala selebihnya bagi tujuan pembangunan yang diagihkan ke seluruh negara.

"Sekiranya peruntukan tidak ditambah, kementerian akan menghadapi masalah untuk membeli ubat-ubatan serta peralatan hospital yang menelan kos yang tinggi," katanya ketika menyampaikan sumbangan kerusi roda kepada seorang penduduk di Taman Seri Tenggara, dekat sini.

Roslan Shamsudin, 53, seorang bekas tentera memerlukan kerusi roda kerana tidak dapat berjalan akibat menghidap diabetes dan komplikasi buah pinggang.

Dr Mujahid berkata, Kementerian Kesihatan perlu mendapatkan perhatian

istimewa kerana peningkatan jumlah pesakit dihospital dan klinik kerajaan.

"Pelaksanaan enam peratus Cukai Barangan dan Perkhidmatan (GST) telah mengakibatkan lebih ramai pesakit memilih untuk menerima rawatan di hospital kerajaan berbanding swasta.

"Kutipan GST yang dijanjikan kerajaan untuk kepentingan rakyat sepatutnya digunakan untuk menambah peruntukan Kementerian Kesihatan," katanya.

Menurut beliau, pada tahun ini berlaku masalah ubat-ubatan pesakit dibekal untuk tempoh kurang daripada sebulan.

"Masalah ini membebaskan pesakit kerana perlu kerap ke hospital untuk mengambil bekalan ubat susulan.

"Walaupun masalah ini dikatakan disebabkan oleh pembekal atau pengilang, Kementerian Kesihatan perlu memastikan masalah ini tidak berlaku lagi," katanya.

Tambahnya, Kementerian Kesihatan juga tidak sepatutnya lewat menyalurkan peruntukan kepada hospital-hospital sehingga menimbulkan masalah kekurangan ubat akibat kelewatan penyaluran peruntukan.

AMANAHA Sik gigih bantu duafat

SIK: Sikap peduli pemimpin AMANAHA Kawasan Sik terhadap penduduk yang hidup serba daif mendorong mereka terus turun padang bagi menjevasan Sik Sulaiman Ibrahim dan beberapa pemimpin AMANAHA kawasan melakukan tinjauan di kampung-kampung terpencil untuk menjejaki keluarga asnaf.

"Kampung ini di antara kampung yang belum Parti Amanah Negara terokai. Ramai lagi rakyat miskin tegar di daerah ini. Rumah mereka juga perlukan pembaikan supaya sempurna," kata Sulaiman yang juga dikenali sebagai Leman Raja Lawan.

Dengan bantuan anggota ARiF Kawasan Sik, Sulaiman meninjau dan memberikan sumbangan segera kepada keluarga daif yang tidak dapat menoreh oleh kerana hujan yang turun sejak beberapa minggu.

Majoriti penduduk di kampung terpencil itu bekerja sebagai penoreh getah untuk menampung hidup.

"Insya Allah esok saya akan turun ke Kuala Lumpur untuk mencari sedikit dana



Sulaiman menyampaikan bantuan kepada keluarga daif.

bagi memperbaiki dan menjalankan gerak kerja bagi membantu memperbaiki rumah rakyat miskin Sik," kata Sulaiman.

Menurut beliau, sepanjang dua tahun AMANAHA ditubuhkan di daerah Sik, pihak-



Keadaan rumah penduduk yang uzur di kampung pedalaman Sik.

nya sudah membantu membaik pulih sembilan rumah keluarga asnaf. AMANAHA Sik juga telah menyiapkan dua unit Rumah Peduli manakala dua unit lagi sedang dalam pembinaan.

Pihaknya juga mengusahakan pembaikan sebatang jalan tar yang putus dua dibawa arus deras. Orang ramai yang berhasrat menyumbang boleh menghubungi beliau di no. 019-394 0959.

Keluarga anggota TLDM sedih kematian akibat dera

Oleh ZIKRI ABDULLAH

KELUARGA anggota TLDM yang dipercayai mati akibat didera semasa dalam tahanan sedih dengan tragedi yang berlaku dan akan menggunakan saluran undang-undang untuk menuntut pembelaan.

Adik Allahyarham Nik Mohamad Baihaki Nik Mat, Nik Mohamad Zaini Nik Mat, 23, mengakui hampir tidak dapat menahan sabar namun akan berbincang dengan ahli keluarga yang lain sebelum mengambil sebarang tindakan.

"Saya sendiri dan adik beradik lain akan sentiasa merujuk kepada orang-orang tua di kalangan kami," katanya yang juga seorang anggota tentera.

Menurutnya, empat dari keluarga itu menyertai pasukan tentera dan seorang lagi bertugas dalam pasukan bomba.

"Kami berterima kasih kepada semua yang melahirkan simpati dan berkunjung untuk bertanya



Mejar (B) Mohamad Ibrahim menyerahkan sumbangan kepada keluarga arwah.

kar dan memberi nasihat berguna," katanya.

Zaini berkata demikian ketika ditemui sewaktu dikunjungi rombongan Pertubuhan Veteran Perwira Negara Malaysia (PVPNM).

Pengerusi PVPNM Kapten (B) Mokhtar Che Ahmad menasihati ahli keluarga terbahit khususnya yang masih berkhidmat sebagai

anggota tentera agar mengawal emosi dan tidak mengambil tindakan sendiri.

"Perkara penting sekarang adalah memberi kepercayaan penuh kepada pihak berkuasa untuk menjalankan siasatan dan membuat pengadilan berasaskan fakta dan kebenaran.

"Seluruh keluarga khususnya yang lebih dewasa perlu sentiasa

mengawasi tindak-tanduk anak-anak buah yang kadangkala terlalu beremosi agar tidak berlaku sesuatu yang tidak diinginkan," katanya.

Zaini yang menceritakan detik-detik cemas kejadian itu berkata, adiknya yang bertugas sebagai anggota bomba di Johor mula-mula menerima berita yang menyedihkan itu.

"Dia hanya beritahu saya apabila dia sendiri sudah tiba di Lumut dan mendapat maklumat yang sah.

"Saya kemudian menghubungi ibu dan adik beradik lain sebelum bersama kakak saya Nik Salwani untuk turut ke hospital Manjung," katanya.

Menurut beliau, pada awalnya dimaklumkan punca kematian Allahyarham adalah akibat stroke haba yang dialami semasa menjalani latihan fizikal.

"Apabila kami tiba di hospital, pihak keluarga dipanggil untuk memaklumkan hasil bedah siasat.

"Kami diberitahu, arwah men-

galami koyak kulit di bahagian betis, remuk di tengkuk dan kecederaan teruk di paru-paru.

"Juga di dapati pendarahan keluar dari mulut, telinga dan hidung," katanya.

Hasil bedah siasat ini, katanya mendedahkan punca kematian bukan akibat penyakit biasa.

"Tindakan pihak polis yang sudah menukar status kes ini kepada kes bunuh memang wajar dan kami berharap siasatan yang benar-benar telus dapat dijalankan dan keadilan ditegakkan," katanya.

Pihak PPVNM dalam kunjungan petang tadi menyampaikan sumbangan segera hasil kutipan ahli jawatankuasa peringkat negeri Kelantan.

Kapten (B) Mokhtar bersama Mejar (B) Mohamad Ibrahim dan Setiausaha persatuan Mejar (B) Zaidi Ab Halim turut menyampaikan sumbangan.

Pihak persatuan berjanji akan memberi khidmat nasihat dan bantuan guaman jika keluarga mangsa menghadapi masalah.

Penoreh hidup daif di pondok buruk tanpa bekalan asas

Oleh MOHD ALI HASHIM

GRIK: Segala kemajuan dan kemegahan negeri Perak tidak memberi apa-apa erti kepada Thani Eram bersama isteri serta anaknya yang tinggal di sebuah pondok di Kampung Tasek, Pengkalan Hulu, dekat sini.

Thani menampung hidup sebagai penoreh getah dengan pendapatan antara RM10 hingga RM15 sehari.

Kemiskinan yang dialami beliau turut dialami penduduk yang bergantung hidup dengan hasil getah.

Harga getah sekerap yang

rendah dan tidak menentu menjadikan hidup mereka umpama kais pagi makan pagi, kais petang makan petang.

"Saya terpaksa mencari batang pokok getah untuk dijadikan lantai dan juga dinding rumah," kata Thani.

Rumah yang sebahagiannya berdinding rumbia itu juga tidak mempunyai bilik, kemudahan bekalan air dan juga elektrik.

Menurut Thani, dengan pendapatan kurang dari RM15 sehari, beliau tidak mampu mendapatkan bekalan air dan elektrik.

"Anak saya kini berusia tiga tahun dan akan membesar. Kami

juga ingin hidup selesa seperti orang lain," ujarnya sayu.

Sementara itu pengerusi Parti Pribumi Bersatu Malaysia (PPBM) Grik, Ayob Abd Rahman terkejut melihat pondok yang didiami keluarga Thani.

Ayob menyarankan wakil rakyat kawasan itu agar turun padang melihat sendiri masalah kemudahan asas yang dihadapi Thani dan penduduk kampung.

Pihaknya juga akan berusaha membantu Thani mendapatkan keperluan asas.



Ayob (dua dari kanan) menziarahi Thani dan keluarga di pondok usang yang didiami keluarga tersebut.

Awan kecam menteri peralat murid sekolah

KUALA LUMPUR: Angkatan Wanita Amanah Negara (Awan) mengecam tindakan Menteri Wilayah Persekutuan Datuk Seri Tengku Adnan Tengku Mansor menyalahgunakan kuasa mempromosikan Umno di sebuah sekolah rendah di Presint 14 Putrajaya, 3 Okt lalu.

Ketua Awan Nasional Dr Siti Mariah Mahmud menyifatkan tindakan itu sebagai sikap terdesak Umno berpunca daripada kebimbangan parti Melayu itu terhadap kepercayaan rakyat yang semakin terhakis.

Beliau berkata, kerajaan sepatutnya memulihkan sistem pendidikan negara yang semakin cacamerba sehingga menyusahkan para pelajar dan guru, bukannya sibuk membawa agenda sempit politik Umno ke dalam sekolah.

"Sekolah perlu dihormati sebagai tempat para pelajar dan guru bersama-sama memenuhi keperluan pendidikan dalam proses pengajaran dan pembelajaran (P&P). Malangnya perkara asas seperti ini gagal difahami dengan baik oleh menteri

Umno ini," katanya dalam satu kenyataan media.

Malaysiakini melaporkan, aktiviti sebuah sekolah rendah di Presint 14 Putrajaya bertukar menjadi majlis mempromosi Umno apabila murid-murid dan guru dikerah mengambil bahagian dalam program bertemakan "Umno dan Kemerdekaan".

Antara aktiviti yang dijalankan adalah pertandingan menghias bilik darjah dan upacara penyampaian hadiah.

Difahamkan tema itu dipilih Kementerian Wilayah Persekutuan yang diterajui Tengku Adnan yang juga Setiausaha Agung Umno.

Tengku Adnan yang juga Ahli Parlimen Putrajaya dalam ucapannya secara terbuka memelawa para guru menyertai Umno.

Sebaik selesai memberi ucapannya, laungan "Hidup Umno!" oleh kira-kira 500 murid dan guru turut bergema.

"Saya berpendapat ini adalah

sikap bongkak dari Setiausaha Agung Umno kerana beliau tahu tiada siapa di dalam parti itu atau dalam kerajaan yang berani menegur atau mengambil tindakan terhadapnya.

"Selepas enam dekad negara merdeka, adakah ini budaya politik sihat yang dibawa oleh sebuah parti pemerintah yang tidak segan silu menggunakan premis pendidikan untuk kepentingan politik sempit Umno?" soalnya yang juga Ahli Parlimen Kota Raja.

Beliau turut mendesak Umno memohon maaf di atas sikap berpolitik yang keterlaluan seperti yang dibuat Tengku Adnan.

"Para ibu bapa dan Kesatuan Perkhidmatan Perguruan Kebangsaan (NUTP) juga patut menyatakan bantahan terhadap sikap jumud Umno yang menjadikan sekolah sebagai tempat berkempen dan pentas ceramah politik," tegasnya.

Lindungi kebajikan dan masa depan 'anak tak sah taraf'

Oleh **DR MARIAH MAHMUD**

SAYA memandang serius pendedahan Presiden Pertubuhan Kebajikan dan Sosial Malaysia (Perbak), Muhammad Khairul Hafiz Abdullah mengenai setengah juta 'anak tidak sah taraf' yang didakwa terabai selepas keluar dari pusat kebajikan.

Angka ini pernah dinyatakan sendiri oleh Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Ahmad Zahid Hamidi yang juga Menteri Dalam Negeri dalam Dewan Rakyat pada bulan lalu.

Dengan jumlah angka cukup besar yang terkumpul sejak tahun 2006 sehingga tahun ini, saya berpandangan kerajaan sepatutnya sudah memiliki satu mekanisme berkesan bagi memastikan nasib dan masa depan golongan ini tetap terjamin dalam negara ini.

Saya menggesa supaya kerajaan segera memberi perhatian dan mengambil tindakan sewajarnya terutamanya memberikan status kewarganegaraan yang jelas dengan memberikan kad pengenalan biru sebagai warganegara atau kad pengenalan merah sebagai pemastautin tetap (PR).

Cadangan ini berbeza dengan langkah Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) yang memberikan kad pengenalan khas yang pada hemat saya akan menyebabkan golongan berstatus 'anak tak sah

taraf' ini menghadapi risiko diskriminasi dan penganiayaan.

Hal ini penting bagi membolehkan mereka membina kehidupan baharu selepas keluar dari pusat kebajikan terutamanya untuk mencari pekerjaan, cuba mendapatkan peluang pendidikan atau memohon bantuan yang sesuai dari kerajaan.

Saya bimbang sekiranya masalah ini tidak ditangani segera, nasib kumpulan itu akan terdedah menjadi mangsa jenayah perdagangan manusia, hak-hak mereka sebagai pekerja dan manusia terjejas, dieksploitasi sebagai pelacur, buruh paksa dan seumpamanya.

Saya terkilan kerana masalah seperti ini seperti sukar untuk ditangani kerajaan dan kementerian yang bertanggungjawab kerana sebelum ini, seluruh negara pernah dikejutkan dengan pendedahan tentang pemberian status kewarganegaraan kepada warga asing yang dibuat secara longgar atas kepentingan politik pihak tertentu.

Saya mengharapkan supaya urusan kebajikan dan pemberian hak warganegara kepada golongan yang berhak dan perlukan perhatian ini dilakukan secara saksama, telus dan menyeluruh bagi memastikan kedudukan mereka terjamin dalam negara ini.

■ Dr Siti Mariah Mahmud ialah Ahli Parlimen AMANAH Kota Raja dan Ketua Angkatan Wanita Amanah Negara (Awan) Nasional.

Wanita PH Johor dibentuk, siap hadapi PRU

JOHOR BAHRU: Majlis Pimpinan Negeri Wanita Pakatan Harapan (PH) Negeri Johor telah mengadakan mesyuarat pertamanya pada 29 Ogos lalu bertempat di Pejabat Parti Amanah Negara (AMANAH) Negeri Johor.

Dalam mesyuarat itu, semua parti komponen PH iaitu AMANAH, DAP, Keadilan dan PPBM diwakili oleh ketua dan tiga pimpinan tertinggi sayap wanita masing-masing.

Bagi menyusun, memperkemas sekaligus memberikan impak yang lebih padu terhadap gerak kerja serta halatuju Wanita Harapan Johor khususnya menjelang PRU14, Jawatankuasa Wanita Pakatan Harapan Peringkat Negeri Johor (Wanita Harapan Johor) telah dibentuk, kata Ketua Penerangannya Anis Afida Mohd Azli.

"Formula yang lebih kurang sama di peringkat Wanita Pakatan Harapan Nasional telah diguna pakai dalam pembentukan ini. Salah seorang ketua sayap wanita parti-parti komponen PH dipilih menjadi Ketua Wanita PH, manakala ketua-ketua yang lain dipilih untuk menjadi Timbalan Ketua Wanita PH.

"Seterusnya, Naib-Naib Ketua Wanita PH diserahkan kepada wanita parti-parti komponen untuk menamakan wakil dalam kalangan mereka yang telah dipilih untuk hadir mewakili parti masing-masing.

"Bagi pemilihan Ketua Biro ia di-



pilih daripada kalangan Naib-Naib Ketua Wanita PH yang telah dilantik.

Adapun begitu, ditambah Biro Kebajikan dan Perpaduan bagi mengiktiraf kepentingan keterlibatan kaum India dalam pakatan ini," jelas Anis.

Menurutnya, Wanita Harapan Johor juga telah membincangkan beberapa perkara penting berkaitan gerak kerja wanita dan persiapan memenangi PRU14 khususnya berkaitan tawaran-tawaran kepada wanita di Negeri Johor ini.

Ini katanya termasuk hal-hal berkaitan persiapan senarai calon-calon Wanita Harapan Johor bagi PRU14.

Wanita Harapan Johor juga, tambah beliau komited untuk

terus mengangkat Falsafah Martabat dan Hormat Wanita merentasi setiap Program dan Polisi sama ada di peringkat parti mahupun kerajaan pada masa kini dan akan datang, sekaligus komited menggarus perdanakan peranan, pandangan dan keberadaan wanita termasuk kalangan wanita muda remaja dalam pelbagai fungsi serta posisi.

"Wanita Harapan akan bersama-sama dengan semua pihak untuk berjuang menyelamatkan Malaysia, sekaligus memastikan kehidupan yang lebih sejahtera untuk rakyat Malaysia tanpa mengira beza kaum, keturunan, agama dan kecenderungan politik," ujar Anis.

Jawatankuasa Wanita Harapan Johor

Ketua

Pn Nor Hayati Bt Bachok (AMANAH)

Timbalan Ketua

YB Pn Teo Nie Ching (DAP)
Pn Rahamizon binti Abdul Ghani (KEADILAN)

Pn Norliza binti Ngadiran (PPBM)

Naib Ketua

YB Pn Chew Peck Choo (DAP)
Pn Tan Poh Lai (KEADILAN)
Pn Nurul Ashikin binti Zinal Habedin (PPBM)
Pn Anis Afida binti Mohd Azli (AMANAH)

Setiausaha

Pn Norhayati binti Bidin (AMANAH)

Bendahari

Pn Marina binti Ibrahim (DAP)
Ketua Pilihan Raya
YB Pn Chew Peck Choo (DAP)
Timbalan ketua Pilihan Raya
Pn Tan Poh Lai (KEADILAN)

Ketua Penerangan

Pn Anis Afida binti Mohd Azli (AMANAH)

Ketua Komunikasi & Media

Pn Nurul Ashikin binti Zinal Habedin (PPBM)

Ketua Guaman

Pn Tan Poh Lai (KEADILAN)

Ketua Kebajikan & Perpaduan

Pn Kerstinah A/P Philip Selvaraju (DAP)

Timbalan Setiausaha

Pn Fauziah binti Mokhtar (KEADILAN)

Pn. Norlia binti Salleh (AMANAH)

Timbalan Bendahari

Pn Janariah binti Abu Nawar (PPBM)

Timbalan Ketua Penerangan

Pn Mahaya binti Ahad (PPBM)

Timbalan Ketua Kebajikan & Perpaduan

Pn Rahimah binti Abd Hamid (KEADILAN)

Tanggal 14 Okt ini, kita galang kleptokrasi dari berkembang!

"APABILA sesebuah negara dihinggapi dengan masalah rasuah, sehingga ia menjadi alat pengumpulan modal utama, ini mengisyaratkan kemunculan negara kleptokratis. Ini membawa kita kepada gagasan bahawa negara itu tidak semestinya menjadi sesuatu yang sah dan mendatangkan manfaat," tulis Syed Farid Alatas.

Menurut beliau rasuah terdapat di seluruh negara tetapi tidak semua negara dikuasai oleh daya rasuah. Jenis negara yang dikuasai rasuah boleh digelar sebagai kleptokrasi (kleptomani: bermaksud mempunyai tabiat suka mencuri).

Negara yang seumpama ini dikuasai oleh para kleptokrat yang melibatkan diri dalam rasuah sebagai alat pengeluaran yang utama. Kleptokrat-kleptokrat yang utama bukan terdiri daripada kakitangan perkhidmatan awam yang memeras atau menerima suapan untuk membiayai hidup mereka, tetapi daripada para elit politik dan birokrasi yang menggunakan rasuah sebagai alat pengeluaran atau faktor pengeluaran dengan tujuan untuk mengumpulkan modal.

Dalam negara kleptokratis, para elit dan pegawai negara menggunakan jawatan awam untuk memajukan kepentingan ekonomi peribadi dan memperkayakan diri mereka.

Kita hanya mengenal istilah kleptokrasi apabila ia mula disebut-sebut dalam rapat-rapat umum politik sejak akhir-akhir ini.

Istilah kleptokrasi buat pertama kalinya digunakan oleh seorang ahli sosiologi, Stanislaw Andreski sejak tahun 1966 lagi.

Hari ini kita mendengar betapa skandal RM50 bilion 1MDB telah menjejaskan kehidupan rakyat Malaysia. Syarikat 1Malaysia Development Berhad ditubuhkan selepas Perdana Menteri Najib Razak menjadi ketua kerajaan pada tahun 2009.

Hutang 1MDB dikatakan mencecah RM50 bilion pada tahun 2015. Dikatakan juga RM20 bilion telah diselewengkan. Berpuluh bilion ringgit dicuri masuk ke



dalam akaun Jho Low dan Reza Aziz, anak tiri Perdana Menteri. Mereka dikatakan berfoya-foya dan berpesta dan bermewah:

- Berjudi di Las Vegas
- Berparti dengan arak tanpa had
- Membeli kapal layar mewah
- Membeli lukisan bernilai "gila"
- Membeli barang-barang kemas juga bernilai "gila"
- Membeli banglo dan kondo mewah di Amerika dan Eropah

Rasuah dan penindasan terhadap kaum miskin telah berlaku sepanjang sejarah manusia sejak zaman Yunani-Romawi hingga ke zaman moden kini.

Pada abad ketiga masihi, rasuah mencapai satu tahap yang lambat laun akan meruntuhkan empayar Romawi.

Menurut sarjana terbilang, Syed Hussein Alatas, sikap terhadap kewajipan dan perasaan yang dikaitkan dengan rasuah, yang subur dalam kerangka tindakan yang menindas dan tidak bermoral yang berlaku berabad-abad lamanya pasti akan mengakibatkan kedaifan sosial dan psikologi.

Orang-orang yang mendiami negara itu sama sekali kehilangan keseimbangan mereka. Kebencian dan kedengkian ber-

kembang di mana-mana. Para petani membenci tuan tanah dan, kaum proletariat di kota-kota membenci kaum borjuis, tentera dibenci oleh semua orang juga oleh para petani.

Dengan demikian, kebencian mencengkam kehidupan orang Romawi. Cicero pemikir dan ahli falsafah yang sebelumnya terkenal dengan sikapnya melawan rasuah juga menjadi mangsa kebencian. Kepala dan tangannya dipenggal dan dipersembahkan kepada Antonius yang kemudiannya meletakkan kepala itu di mejanya sewaktu makan sehingga dia jemu dengan pemandangan yang mengerikan itu. [Buku Rasuah: Sifat, Sebab Dan Fungsi; Syed Hussein Alatas, DBP, Kuala Lumpur 2009]

Demikianlah bahana rasuah dan kleptokrasi sejak zaman berzaman, empayar dan tamadun Yunani mahupun Romawi, empayar-empayar besar di dunia masing-masing telah hancur dan binasa antara lain akibat rasuah dan kleptokrasi.

Baru-baru ini, agak lucu mendengar ucapan Najib Razak yang berbangga dengan kompleks ibu pejabat SPRM terbaru yang dikatakan bangunan antirasuah yang terbesar di dunia.



PENDAPAT
MOHD ANUAR TAHIR

Secara sinisnya ramai yang berkata padanlah besarnya ibu pejabat SPRM bila mengenang betapa besarnya rasuah dan kleptomani yang sedang berlaku di negara ini.

Oleh itu kita tidak sepatutnya bersubahat, membisu, memejamkan mata kepada keadaan yang sedang berlaku di negara ini secara berleluasa.

Alangkah jijiknya rasuah, pungutan liar, penyalahgunaan kuasa, yang telah menyonglap harta rakyat jelata negara semahu-mahunya.

Saya ingin menyambung seruan sekretariat Pakatan Harapan: "Rakyat Malaysia tiada pilihan lain kecuali menjatuhkan kerajaan Najib dalam pilihan raya akan datang. Hanya dengan sebuah kerajaan baru Pakatan Harapan, segala kerakusan pemerintahan dapat dipulihkan."

Mari kita semua berhimpun pada 14 Oktober 2017 (Sabtu) pada pukul 4 petang di Padang Timur MBPJ, Petaling Jaya untuk menunjukkan bahawa semua rakyat Malaysia bersatu menuntut keadilan dan membantah kleptokrasi.

Kembalikan Malaysia ke zaman gemilangnya seperti dulu dan pilihlah sebuah kerajaan Pakatan Harapan yang bersih, cekap, amanah dan benar-benar memberi keprihatinan kepada keperluan rakyat.

Datang, jangan tak datang. Kita galang kleptokrasi dari berkembang.

■ Mohd Anuar Tahir ialah Setiausaha Agung Parti Amanah Negara.

Mempertahankan hak dan kebebasan berwacana

SAYUGIA diingatkan bahawa tamadun Islam yang gemilang dibangunkan di atas wadah kebebasan kegiatan aktivisme intelektual yang vibrans dan sihat sehingga melahirkan pemikir-pemikir ikonik seperti Ibn Sina, Al-Farabi, Ibn Rusyd dan sebagainya.

Kebanggaan umat terhadap imam-imam mazahib juga lahir dari suasana (biah) wacana ilmu atau 'intellectual discourse' yang bukan sahaja mengiktiraf bahkan meraikan perbezaan serentak penajaman dan perkembangan daya intelek umat. Sebaliknya sejarah menyaksikan umat mula mundur keupayaan intelektualnya apabila penguasa menyekat kegiatan ilmiah dan menghalang kebangunan intelektualisme seperti itu.

Dengan berlatarkan naratif itu, penahanan Mustafa Akyol seorang penulis dan pemikir dari Turki baru-baru ini adalah amat dikesali. Walaupun beliau dibebaskan kemudian, namun kesan penahanan beliau terhadap kebebasan bersuara di negara ini terus meninggalkan persepsi buruk sekaligus merobek kepercayaan status Malaysia selaku negara majoriti muslim yang 'mode-



Mustafa Akyol

rate' di kacamata masyarakat antarabangsa.

Tidak cukup dengan itu, penganjur dari IRF yang diketuai oleh Datuk Dr Farouk Musa pula disoal-siasat oleh Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (Jawi) dan akan dihadapkan ke mahkamah pada 4 Disember ini. Isu yang dibangkitkan oleh pihak Jawi adalah tentang kebebasan beragama di mana sebelum ini siri wacana tajuk ini telahpun dibahaskan. Juga perlu dibezakan kaedah berwacana dari pendekatan mengajar secara kuliah agama.

AMANAH merasa kesal isu kebebasan bersuara atas nama wacana intelektual

disekat. Pastinya pada sifat kegiatan intelektualisme ia akan terdedah kepada pelbagai pandangan yang saling bersaing dan mungkin juga saling bersilang termasuklah isu kebebasan beragama.

Pun begitu, kedudukan 'kebebasan beragama' sudahpun termaktub dalam Perlembagaan Persekutuan seperti diperuntukkan dalam Perkara 3 dan 11. Lalu mewanakan secara ilmiah tajuk atau mauduk ini bagi menekuni posisi pelbagai pandangan termasuk padangan aliran pemikiran kontemporari nisbah pandangan ulama silam dan dari kitab Turaath, tentunya akan memperkayakan khazanah kefahaman umat dewasa ini.

Pihak berkuasa agama juga adalah tertakluk kepada peruntukan kebebasan memberi pandangan malah Islam amat tegas dalam isu ini dalam prinsip 'Tiada paksaan dalam agama'. Ia mempertahankan kebebasan beragama dan bukan menggalakkan murtad. Ia memelihara asas dan prinsip Syariah supaya orang ramai menilai 'rahmat Islam' terlaksana melalui dialog, wacana ilmiah dan perdebatan sihat.



PENDAPAT
DR MUJAHID YUSOF

Justeru, AMANAH menyeru semua pihak agar memelihara keutuhan asas-asas dan sendi-sendi utama negara-bangsa ini, yang antara lainnya menjamin kebebasan individu dan kebebasan berkumpulan bagi mencapai maksud dan tujuan yang murni dan sihat.

Setiap tindakan atas apa pun alasan yang tidak munasabah, tidak boleh sewenang-wenang menjejaskan dan menafikan hak dan peruntukan yang telah sedia diperuntukkan Perlembagaan Persekutuan.

#AmanahDemiNegara

■ Datuk Dr. Mujahid Yusof Rawa ialah Naib Presiden AMANAH dan Ahli Parlimen Malaysia.

Must Islam and multiculturalism be at odds?

By **DR DZULKEFLY AHMAD**

WHY must Malaysians engage in heated debate over a beer festival when the workers' Employees Provident Fund money is used to save American jobs?

The polemic has undoubtedly deepened our already dangerous fault lines and threatened our multiethnic and multireligious coexistence. Most unfortunate is the inevitable perception that there is a growing trend of the Malaysian Muslim majority imposing their religious beliefs on ethno-religious minority citizens.

Must there be a contradiction between Islam and multiculturalism? This writer humbly begs to differ.

The beer festival, this time with the theme "Better Beer Festival", would have been back for the sixth year running. However, the organisers failed to get the approval of the local authority, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL), to hold it at Publika Shopping Gallery on Oct 6 and 7.

That it was not given a permit was finally put down to "security reasons" rather than mounting opposition, allegedly from the Muslim majority. But were those opposing it truly aware of the nature of the event, and hence, of its alleged consequences?

If the statements made, as reported, are anything to go by, they display more emotion than reason, but let us be fair and dissect them.

Leading the charge was the Pan-Malaysian Islamic Party (Pas), which alleged it could lead to un-Islamic acts such as sex outside marriage, criminal activity and even rape. Worse still was the outlandish claim that the craft beer festival would turn the city into "the largest vice centre in Asia".

Going by empirical data, the charges levelled against one event seem hyper-imaginative to many discerning Malaysians.

Be that as it may, how do we resolve such conflicting demands of two opposing camps, compounded by the fact that the debate is heavily polarised along ethno-religious lines? This is the bone of contention.

While the Muslims insist that respect must be accorded to Islam as the religion of the federation, the non-Muslims insist that this issue infringes on their constitutional right to hold such an event. Incidentally and ironically, both sides invoke Articles 3 and 11 of the Federal Constitution.

The writer categorically stresses that alcohol is prohibited in Islam (Surah al-Maidah: 90). While Muslims are strictly prohibited from drinking, this event, it must be stressed, is entirely for non-Muslims.

Besides, it is universally recognised that overuse of alcohol is extremely harmful. According to one estimate, alcohol results in the death of 3.3 million people annually, or 5.9% of global deaths. This is not surprising as alcohol has a significant causal role in 60 types of diseases and causes harm to the well-being and health of people around the drinker.

Thus, drinkers must accept that in a free society, anti-alcohol activists, who are certainly not limited to pious Muslims, have every right to campaign against drinking, whether it is to stop drinking entirely or minimising consumption.

Be that as it may, Muslims must remember that, despite the prohibition of alcohol among its believers, Islam, nonetheless, recognises the fundamental rights of adherents of other faiths and philosophies to live their lives according to their beliefs or cul-

tures. In this case, it is about consumption of alcohol. The provisions of the Constitution have been alluded to earlier.

In line with Islam and the Constitution, society must have healthy voices against drinking, but insofar as no Muslim is involved and no harm is caused to third parties, anti-alcohol activists must accept that the choice has to be left to the drinkers.

This leads us to the next question: At the end of the day, should drinking events be allowed?

Before we get to Oktoberfest-style fiestas, let those of us who live in Peninsular Malaysia be reminded that consuming home-made rice wine is core to the Gawai and Kaamatan festivals in Sarawak and Sabah. If the Bornean diaspora in Kuala Lumpur want to organise such events, should they be turned down outright?

Clearly, the issue here is not an absolute yes or no, but hinges on how the event could be possibly held so as to comply with the regulations set by the local authorities, such as DBKL in this case.

Admittedly, there are public order concerns about the Better Beer Festival. DBKL should have set the parameters for the organisers to ensure it would not lead to public disorder. In fact, the organisers had said that they were more than willing to comply.

So, if the organisers are able to comply with and assure that the regulations, as stipulated by DBKL, can be fulfilled, isn't it arguably correct to grant them a conditional permit?

At the same time, shouldn't responsible drinkers accept that society needs a healthy dose of reminders about the harm alcohol can cause?

If we think and act with wisdom and are not led by impulse or ego, there would be

no conflict between Islam and multiculturalism, not even between pious Muslims' heartfelt sense of duty to advise against drinking and the non-Muslims' right to consume alcohol within legal confines.

It is indeed sad that this episode has given a wrong impression about Islam's deep wisdom and threatens to tear apart our delicate social fabric of multicultural coexistence. Let the heinous politics of race and religion in our plural society be debunked by the authentic politics of knowledge and wisdom, inspired by the tenets and values of Siyasa Shari'ah (Public Policy) and Maqasid As-Shari'ah (Higher Intentions and Objectives of Shariah).

This writer and his inclusive-cum-progressive Islamic party are fully conscious that this and many more similar issues may further fracture the very fabric of our multi-ethnic and multireligious demographic, apart from distracting the public. Rather than being focused on collectively addressing endemic corruption and the problems of the gross mismanagement of the nation's wealth and resources, our energy is being drained by non-productive zero-sum conflicts of mutually exclusive demands.

A bona fide religious scholarship and stewardship, cutting across race, religion and culture to righteously and effectively manage our many diversities and contemporary national challenges, would indeed augur well for the future of our beloved nation. We pray for wisdom to prevail among Malaysians of all faiths and of all persuasions.

■ **Dr Dzulkefly Ahmad is Strategic Director of AMANAH. This article first appeared in Forum, The Edge Malaysia Weekly, on October 2, 2017 – October 08, 2017.**

Did Najib approve RM1.8 billion commissions to Leissner

By **LIM KIT SIANG**

THE US Financial Industry Regulatory Authority (Finra) said the indefinite ban on former Goldman Sachs banker Tim Leissner was issued on Sept 11 as he did not respond to requests for documents and other information on 1MDB investigations.

The US industry body was probing Leissner's departure from Goldman Sachs in early 2016, in particular into a reference letter he allegedly wrote during his time with the firm.

Leissner, who was formerly Goldman Sachs' Southeast Asia chairperson, was an adviser to 1MDB and had allegedly issued an unauthorised letter in June 2015 to a financial institution in Luxembourg, vouching for controversial entrepreneur Jho Low, a key figure in the scandal surrounding the Malaysian

sovereign wealth fund.

Goldman Sachs suspended him, and he later quit the firm. Subsequently, the Monetary Authority of Singapore (MAS) issued a 10-year ban against him trading in the country, effective March 13, 2017.

Leissner was prime mover in Goldman Sachs' effort in raising US\$6.5 billion through the sale of three bonds in 2012 and 2013 for 1MDB, a deal where the firm made US\$593 million (or RM1.8 billion) in commissions.

Malaysians are entitled to know who in 1MDB, the Finance Ministry and the Government of Malaysia was responsible for approving US\$593 million (or some RM1.8 billion) profits to Leissner or 9% of the three 1MDB bonds totally US\$6.5 billion in 2012/3 - which is several times the industry average for underwriting risky bonds.

I challenge Najib to deny that he had not

created an instant American billionaire (in Malaysian ringgit) in the 1MDB scandal by approving RM1.8 billion commissions to Leissner or 9% of the three 1MDB bonds totally US\$6.5 billion in 2012/3 - which is several times the industry average for underwriting risky bonds.

Najib cannot really disclaim responsibility for creating an instant American billionaire in the 1MDB scandal because under Article 117 of the 1MDB Memorandum and Articles of Association (M&A), the Prime Minister is the ultimate authority who exercised final direct control of 1MDB, as Article 117 required all major decisions of the company involving financial commitment (including investment), restructuring and major appointments to have the written authorization from the Prime Minister.

Under Article 117, the Prime Minister has powers exceeding those of the Advisory Board, the Board of Directors and

the Top Management of 1MDB all added together, being the final approving authority for all 1MDB decisions, deals, investments and transactions.

If Najib claims he did not personally approve the RM1.8 billion commissions to Leissner for the three 1MDB bonds in 2012 and 2013, then let Malaysians know who was the 1MDB operative or operatives who had acted with such recklessness in so high-handed a manner as making Leissner an instant billionaire (in Malaysian currency) at the expense of 32 million Malaysians, and why no action had been taken by the police or other authorities to bring him or them to justice?

Is this the way Najib is helping to 'strengthen' the American economy?

■ **Lim Kit Siang is DAP Parliamentary Head and Member of Parliament for Gelang Patah.**

'Gula-gula' peneroka Felde: Mulanya manis akhirnya pahit

SAYA merujuk kepada laporan Sinar Harian pada 3 Oktober 2017 mengenai keluhan Pengerusi Felde, Tan Sri Shahrir Samad yang mengecam pendirian Pakatan Harapan bahawa insentif-insentif yang diumumkan Datuk Seri Najib Razak kepada peneroka beberapa bulan lalu adalah 'gula-gula' pilihan raya bagi tujuan membeli undi peneroka.

Saya senaraikan insentif-insentif yang diumumkan Datuk Seri Najib kepada peneroka-peneroka Felde pada 23 Julai 2017 yang lalu dan peruntukan yang diperlukan untuk membayarnya:

i. Insentif khas untuk kebajikan warga Felde sebanyak RM5,000 kepada 94,956 keluarga peneroka yang layak penuh dengan jumlah peruntukan RM474.78 juta.

ii. Pelupusan pinjaman saham FGV yang melibatkan 77,934 peneroka yang sedang membayar pinjaman dan pampasan RM1,820 kepada setiap dari 1,626 peneroka yang telah membayar habis pinjaman, melibatkan peruntukan sebanyak RM128.10 juta.

iii. Insentif pelupusan hutang tanam semula berjumlah RM5,000 bagi setiap peneroka yang memilih untuk tanam semula melalui Felde melibatkan peruntukan keseluruhan RM519 juta.

iv. Insentif geran khas tanam semula peneroka yang diluluskan Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) kepada Felde dengan kadar RM7,500 per hektar bagi program tanam semula Felde bermula tahun ini hingga 2020 melibatkan keluasan 24,280.31 hektar dengan peruntukan RM166.6 juta untuk empat tahun tersebut.

Berdasarkan pengumuman Datuk Seri Najib, jumlah peruntukan yang diperlukan untuk menunaikan janji 'gula-gula' ini adalah RM1,288.48 juta. Darpada jumlah tersebut, hanya insentif geran khas tanam semula yang dananya datang dari luar iaitu dari MPOB. Maka, Felde memerlukan RM1,121.8 juta untuk menunaikan janji (i) hingga (iii).

FELDA TIDAK MAMPU

Saya telah berulang kali menyatakan bahawa Felde tidak mempunyai kemampuan kewangan untuk membayar insentif-insentif ini. Saya telah menunjukkan segala analisa berdasarkan penyata kewangan kumpulan Felde yang diaudit bagi tahun-tahun 2012 hingga 2014 yang membuktikan kedudukan tunai dan prestasi kewangan Felde yang meruncing akibat dibebani dengan



hutang yang tinggi.

Saya juga telah mengunjurkan bahawa hutang kumpulan Felde boleh mencecah RM12.6 bilion menjelang akhir tahun 2017 ini yang boleh meletakkan Felde sebuah entiti yang mufliis, jika tidak kerana jaminan dan sokongan kewangan dari kerajaan untuk menanggung liabilitinya.

Sehingga kini tidak ada saman atau apa-apa tindakan yang diambil ke atas pelbagai analisa kewangan yang telah saya kongsi dengan rakyat. Bukan saja tiada tindakan undang-undang, malah tiada pun penafian dari Datuk Seri Najib atau Tan Sri Shahrir sendiri mengenai pendedahan yang memalukan Felde ini.

Sebab itu saya ingin perbetulkan kenyataan Tan Sri Shahrir yang memberi alasan insentif-insentif ini bukanlah 'gula-gula' kerana ia akan melibatkan perubahan berpanjangan di Felde. Tan Sri Shahrir memberi gambaran insentif-insentif ini adalah hasil dari penstrukturan semula pengurusan dan perniagaan Felde yang akan membolehkan Felde lebih maju.


Malangnya hujah Tan Sri Shahrir itu tidak dapat disokong mana-mana fakta kewangan berdasarkan analisa ke atas kedudukan aliran tunai (cashflow) kumpulan Felde setakat 31 Disember 2015.

Saya merujuk kepada laporan kewangan kumpulan Felde yang diaudit bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2015 (muka surat 189), jumlah pinjaman jangka pendek (perlu dibayar dalam tempoh kurang setahun) dan jumlah pinjaman jangka panjang (perlu dibayar dalam tempoh lebih setahun) Felde.

Setakat 31 Disember 2015, pinjaman jangka pendek kumpulan Felde telah meningkat dari RM1,702 juta (2014) kepada RM2,306 juta (2015).

Perincian kepada pinjaman-pinjaman yang menyumbang kepada peningkatan pinjaman jangka pendek dan jangka panjang ditunjukkan di dalam Nota 39.

Oleh yang demikian, adalah jelas bahawa peningkatan pinjaman kumpulan Felde bagi jangka pendek



(dari RM1,702 juta [2014] kepada RM2,306 juta [2015]) dan jangka panjang (dari RM7,769 juta [2014] kepada RM8,383 [2015]) adalah sebahagian besarnya disebabkan oleh 3 bentuk pinjaman jangka pendek berikut:

i. Pinjaman Penyambung 2 (bridging loan) berjumlah RM341.6 juta. Nota 39 seterusnya menerangkan dengan lebih lanjut bahawa kadar keuntungan siling (atau kadar faedah) ialah kadar asas pembiayaan (BFR) + 4% setahun atau 10% setahun, yang mana lebih tinggi.

Ini bermakna, dalam tahun 2015 pada kadar asas pembiayaan bank-bank Malaysia yang secara puratanya sekitar 3%, kumpulan Felde telah membayar faedah 10% ke atas pinjaman RM341.6 juta ini.

Kadar 10% setahun adalah sama seperti Felde membiayai operasinya dengan membayar melalui kad kredit kerana kadar 10% adalah dalam lingkungan kadar faedah kad kredit yang dicaj kepada pengguna.

ii. Kredit Pusingan 5 (revolving credit 5) sebanyak RM100.6 juta yang perlu dibayar dalam tempoh setahun dan bakinya RM49.4 juta yang perlu dibayar lebih dari tempoh setahun. Maka, jumlah Kredit Pusingan 5 yang digunakan oleh kumpulan Felde dalam 2015 adalah RM150 juta.

Pada kadar faedah kos dana + 1.2% setahun yang dikenakan ke atas Kredit Pusingan 5, ia adalah dalam lingkungan caj faedah yang dikenakan ke atas overdraf iaitu BLR+1.25% setahun.

iii. Satu pembiayaan berasaskan saham yang dipanggil "Call Against Call Option" bernilai RM600 juta yang ditunjukkan sebagai pinjaman jangka panjang. Nota 39 seterusnya menerangkan bahawa COCA ini adalah satu bentuk pinjaman yang melibatkan kumpulan Felde mencagarkan sebahagian dari saham siar harga (quoted shares) miliknya kepada Maybank untuk mendapatkan

RM600 juta itu.

Kos faedah yang perlu dibayar kepada Maybank adalah kos dana (bagi tiga bulan) + 0.43% iaitu sekitar kos dana tahunan + 1.7% setahun. Kadar faedah ini juga adalah setanding dengan kadar faedah bagi kemudahan overdraf seperti yang ditunjukkan di atas.

Pembiayaan ini perlu dibayar balik dalam tempoh 3 tahun, sebab itu ia ditunjukkan sebagai pinjaman jangka panjang.

Ini bermakna menjelang 31 Disember 2015, kumpulan Felde sudah pun terpaksa bergantung kepada pembiayaan overdraf (dan pembiayaan jangka pendek yang serupa seperti diterangkan di atas) sehingga mencecah RM1,091.6 juta (iaitu jumlah ketiga-tiga pinjaman yang diterangkan di atas) dalam masa setahun.

Mana-mana pakar kewangan dari mana-mana institusi tahu bahawa sebuah syarikat yang menggunakan sehingga RM1,091.6 juta pembiayaan berbentuk overdraf dan instrumen yang serupa dengannya yang mengenakan caj faedah yang cukup tinggi adalah sebuah syarikat yang mempunyai masalah kewangan yang meruncing.

Malah, perhatikan kepada maklumat umum mengenai pegangan saham harga siar oleh Felde, saya berpendapat hanya saham-saham Maybank yang dimiliki oleh Felde yang nilainya melebihi RM600 juta dan laku untuk dicagarkan untuk mendapatkan pinjaman CACO itu.

Berdasarkan laporan The Star pada 17 Januari 2017, setakat 31 Disember 2015 nilai saham-saham Maybank yang dipegang oleh Felde adalah sekitar RM1.5 bilion.

Selain Maybank, FGV dan Iris Berhad, tidak ada maklumat dari penyata kewangan diaudit yang menunjukkan Felde ada pegangan besar saham syarikat awam yang lain. Oleh kerana kedua-dua nilai

saham FGV dan Iris Berhad adalah tidak sebaik nilai saham Maybank, saya berpendapat hanya saham-saham Maybank yang ada nilai untuk dicagarkan bagi tujuan pinjaman CACO sebanyak RM600 juta itu.

Seperti yang kita sedia maklum, Felde dalam bulan Januari lepas telah menjual saham-saham Maybank yang dimilikinya yang dilaporkan berjumlah RM280 juta.

Dengan pendedahan bahawa saham-saham siar harga Felde telah dicagarkan untuk mendapatkan pinjaman jangka pendek berjumlah RM600 juta dalam tahun 2015 dan hanya saham Maybank yang mempunyai nilai yang diterima untuk dicagarkan bagi jumlah itu, saya ingin bertanya kepada Tan Sri Shahrir:

i. Adakah saham-saham Maybank yang telah dicagarkan untuk pembiayaan RM600 juta itu?

ii. Adakah saham-saham Maybank yang dijual dalam bulan Januari 2017 yang berjumlah RM280 juta ada kena mengena dengan pembiayaan jangka pendek CACO yang dilaporkan ini?

Hakikat bahawa Felde terpaksa berhutang menggunakan pinjaman jangka pendek untuk meneruskan operasinya seawal 2015 tidak ubah seperti seorang yang bergantung kepada kad kredit untuk menampung perbelanjaan seharian.

Jika sejak 2015 lagi Felde sudah tiada wang sehingga terpaksa menggadaikan saham dan menggunakan pinjaman ala overdraf, sudah tentu Felde tidak ada kemampuan kewangan untuk membayar RM1.12 bilion yang diperlukan untuk menunaikan janji 'gula-gula' yang diumumkan Datuk Seri Najib dalam bulan Julai lalu.

Sebab itu saya menasihati peneroka-peneroka supaya menerima kenyataan bahawa 'gula-gula' ini hanya manis beberapa bulan sahaja. Jika Datuk Seri Najib kekal Perdana Menteri selepas PRU14, segala masalah kewangan Felde akan dibebankan kepada peneroka-peneroka dan barulah 'gula-gula' tadi bertukar menjadi pahit, masam dan payau.

Saya menasihati juga Tan Sri Shahrir supaya tidak banyak bermadah dan berpolitik dalam menangkis pendedahan saya. Beliau hanya perlu menjawab hujah-hujah kewangan yang disertakan faktanya seperti yang saya kemukakan pada hari ini.

Rafizi Ramli ialah Naib Presiden Keadilan dan Ahli Parlimen Pandan.



Jawatankuasa AMANAH Jeli bergambar bersama pimpinan negeri selepas mesyuarat tahunan kawasan.

AMANAH bersama masyarakat Jeli yang mahu 'ubah rasa'

Oleh ZIKRI ABDULLAH

JELI: Penubuhan Parti Amanah Negara (AMANAH) di kawasan Jeli amat memberangsangkan kerana masyarakat Jeli amat jelas mahu 'mengubah rasa' dalam PRU14 nanti.

"Ketika kami diberitahu bahawa parti Islam baru bernama AMANAH yang membawa mesej *rahmatan lil alamin* ditubuhkan sudah ramai aktivis di sini yang mahu mendapat maklumat lebih mendalam," kata ketua Angkatan Wanita AMANAH (Awan) kawasan Jeli Rashidah Salleh dalam satu pertemuan khas baru-baru ini.



Rashidah Salleh

Beliau berterima kasih atas inisiatif pimpinan negeri yang mengatur pertemuan dan penerangan bagi menjelaskan keperluan untuk mewujudkan gerakan Islam baru yang lebih progresif dan inklusif.

"Kami mendapat pencerahan segera apabila Timbalan Pengerusi AMANAH Kelantan, Ustaz Muhammad Husain sedia untuk hadir dalam sesi dialog dan ramah mesra hingga persetujuan menubuhkan kawasan AMANAH di Jeli dicapai.

"Terus terang saya katakan tidak sukar mencari petugas untuk parti baru ini kerana kami telah mulakan dengan bergerak dalam NGO PASMA yang banyak turun membantu mangsa banjir 2014-2015," katanya.

Menurutnya, kerja-kerja awal mencari ahli menjadi mudah di bawah kepimpinan Mat Sulaiman Said yang sudah dikenali ramai oleh penduduk di Jeli.

"Beliau pernah menjadi calon pilihan raya dan seorang yang banyak hubungan dengan tokoh-tokoh akar umbi.

"Sebaik kami mendapat arahan untuk menubuhkan kawasan, tidak sampai dua minggu kami telah berjaya mengadakan mesyuarat penajaan dan kemudiannya kami terus menggerakkan usaha mendaftar ahli dan menubuhkan cawangan.

"Angin perubahan di Jeli amat kami rasa

FOKUS KAWASAN Jeli

ketika itu kerana walaupun parti AMANAH disebut-sebut sebagai serpihan Pas permohonan menjadi ahli datang dari pelbagai parti terutama Umno," katanya.

Banjir awal tahun 2017 ini katanya, ketika AMANAH baru muncul telah memberi peluang kepada parti itu untuk turut bersama menyumbang.

"Banjir yang melanda saban tahun lazimnya dikenang sebagai bencana namun apa yang berlaku seperti rahmat kepada parti AMANAH.

"Kami mengucapkan terima kasih tidak terhingga kepada pimpinan dan penderma tempatan dan luar negeri yang telah memberi kami peluang untuk berbakti kepada masyarakat.

"*Alhamdulillah*, kami telah berjaya memberi bantuan makanan dan selimut kepada mangsa banjir di sekitar parlimen Jeli seramai 80 keluarga," katanya.

Sebagai parti baru, AMANAH Kawasan Jeli katanya terus meneruskan mengadakan program-program meningkatkan pengetahuan ahli.

"Program *tanweer* untuk peringkat kawasan kami adakan secara bulanan. Kami mengucapkan terima kasih kepada pihak negeri yang telah memilih kawasan Jeli menjadi tuan rumah *tanweer* peringkat negeri yang diadakan di Batu Melintang sebelum Ramadan yang lalu.

"*Tanweer* ini berlaku sebaik sahaja parti rakan kita PPBM ditubuhkan di Jeli dan mereka dijemput sama untuk menghadirinya.

"Di situlah ketua bahagian PPBM Jeli Dr Aminuddin Yaacob yang turut berucap menyatakan itulah kali pertama beliau berucap di hadapan umum selepas meninggalkan



Lawatan Setiausaha AMANAH Kelantan ke kawasan Jeli.



Aktivis Awan Kawasan Jeli bergambar ramai pada sambutan Aidilfitri.

Umno," katanya.

Sejak Ramadan lalu katanya, aktiviti AMANAH di Jeli semakin mendapat sambutan setelah gabungan Pakatan Harapan (PH) semakin mantap.

"Satu program berbuka puasa yang melibatkan semua parti dalam PH dapat dijayakan dan pada majlis itu kami merasmikan beberapa cawangan baru.

"Satu majlis perasmian cawangan-cawangan Bukit Tok Ali, Bukit Seraya dan Kg Rawa di Dun Kuala Balah juga telah kami laksanakan," katanya.

Mengenai hubungan dengan parti-parti dalam PH beliau berkata di Jeli kesepakatan untuk bangkit bersama semakin terasa.

"Sambutan Aidilfitri yang diadakan di kediaman Ketua Bahagian PPBM Dr Aminuddin Yaacob telah dihadiri begitu ramai terdiri dari pelbagai parti

dan peringkat masyarakat.

"Ada yang menjangka lebih 3000 berkhunjug dalam majlis hari raya itu," katanya.

Menyentuh perkembangan organisasi parti, Rashidah berkata semua keperluan untuk menggerakkan jentera sudah disiapkan.

Dalam mesyuarat tahunan kawasan Jeli baru-baru ini, semua kawasan Dewan Undangan Negeri (Dun) telah mempunyai cawangan-cawangan dan menghantar perwakilan dan pemerhati masing-masing.

"Sehingga kini kita telah berjaya menubuhkan jawatankuasa peringkat Dun di semua tiga Dun dalam parlimen Jeli.

"Insya Allah jika pilihan raya diadakan sekarang pun, jentera kita telah bersedia," katanya.



JAWATANKUASA AMANAH KAWASAN JELI SESI 2016 - 2018

Ketua : MAT SULAIMAN BIN SAID
Timbalan Ketua : NORDIN BIN TEH
Setiausaha : ZAMRI BIN AHMAD
Naib Ketua : MUHAMMAD HANAFI MUHD HASSAN
Bendahari : CHE ANUAR MOHAMMAD
Pengarah Pilihan Raya : ZAKARIA ISMAIL
Ketua Wanita : RASHIDAH SALLEH
Ketua Pemuda Halim : MUHD HAFIZOL BIN HALIM
Pengarah komunikasi : YAACUB BIN ABDUL RAHMAN

Ahli Jawatankuasa

- HAMEZAH MAHAMOOD
- CHE UMAR ISMAIL
- MOHD TAHUDDIN BIDIN
- MOHD NASIR ARIFFIN
- MOHD HAFIZOL HALIM
- ABD. RAZAK CHE MAN
- SUHAIMI ISMAIL
- MOHD HASSIN YAACOB



Program ziarah Awan di Hospital Jeli.



Majlis perjumpaan Pakatan Harapan Kawasan Jeli.



Jentera AMANAH kawasan menggantung bendera AMANAH di Jajahan Jeli.

PROMOSI OGOS & SEPT

JOM IKLAN DENGAN AKHBAR AMANAH

SERENDAH (SATU MUKA)

RM 500

TEMUI 50 RIBU PEMBACA ANDA SEKARANG

APA YANG ANDA AKAN DAPAT JIKA BERIKLAN DENGAN KAMI?

- 1) Mencapai pembaca sehingga ke Singapura, Sabah dan Sarawak.
- 2) Percuma akhbar AMANAH setiap keluaran.

UNTUK TEMPAHAN ATAU MAKLUMAT LANJUT:

01132334322 (EN HAKIM)

6 Jais langgar titah Sultan, **10** Bank Negara perlu guna kuasa penuh ke atas 1MDB **22** Surat Mujahid kepada Nik Abduh: "Adinda usahlah mabuk"



Subsidi racun pesawah tak kunjung tiba

PP18978/03/2016(034450)

WAKTU SOLAT

BAGI ZON KUALA LUMPUR DAN KAWASAN-KAWASAN YANG SEWAKTU DENGANNYA.

SUMBER: JAKIM

TARIKH	IMSAK	SUBUH	SYURUK	ZUHUR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK
8.10.2017	5:34	5:44	6:58	13:04	16:17	19:04	20:13
9.10.2017	5:33	5:43	6:58	13:03	16:17	19:04	20:13
10.10.2017	5:33	5:43	6:58	13:03	16:17	19:04	20:13
11.10.2017	5:33	5:43	6:57	13:03	16:17	19:03	20:12
12.10.2017	5:33	5:43	6:57	13:03	16:17	19:03	20:12
13.10.2017	5:32	5:42	6:57	13:02	16:18	19:02	20:12
14.10.2017	5:32	5:42	6:57	13:02	16:18	19:02	20:12

Amanah

BIL 71 | 8 - 14 OKTOBER 2017

UMNO DAN PAS PUNYAI DNA SAMA

UMNO dan Pas akan bekerjasama kerana kedua-dua parti itu mempunyai DNA yang sama, kata Ketua Penerangan Umno, Datuk Annuar Musa menjelang pilihan raya umum ke 14 ini. Beliau membayangkan kedua-dua parti akan berganding bahu dalam PRU 14 ini.

Laporan penuh muka 2

Annuar Musa yakin Umno dan Pas akan bekerjasama menjelang PRU 14.



AMANAHA kerah ahli ke himpunan antikleptokrasi 14 Oktober

PARTI AMANAHA Negara (AMANAHA) mengerahkan semua anggotanya agar mengambil bahagian bersama Pakatan Harapan (PH) dalam Himpunan Rakyat 'Sayangi Malaysia, Hapus Kleptokrasi' pada 14 Oktober ini untuk mendedahkan dakwaan penyelewengan 1MDB.

Setiausaha Agung telah keluaran arahan kepada ahli AMANAHA khususnya di kawasan Lembah Klang dan di Selangor untuk hadir seramai mungkin.

Laporan penuh muka 9

Natural Safe Effective

DR. OLIVE BODY CARE

OTHER PRODUCTS:

- SOAPS
- BODYSKRUBS
- SERUMS
- DEODORANT
- SUNSCREEN
- TEA SUPPLEMENTS

- HANDMADE
- NO HARMFUL CHEMICALS
- PARABEN FREE
- HALAL

Contact Info:
 TEL: +6013 754 9335
 EMAIL: drolivebodycare@gmail.com
 WEBSITE: www.drolivebodycare.wixsite.com/drolivebodycare